



# SIAPA SELEPAS TUN RAZAK?

Harun Hassan – Subky Latif

05881



AMIR ENTERPRISE, KUALA LUMPUR

**AE** AMIR ENTERPRISE, KUALA LUMPUR

© *Hakcipta Terpelihara*  
*Amir Enterprise Mei, 1975*

M  
320.9595  
HAR

*Harga: \$4.50*

**46370**

Dicetak oleh: PMSSB., K.L.

- 3 MAR 1976

Perustakaan Negara

## Kandungan

1. Siapa Selepas Tun Razak? . . . . .	1
2. UMNO itu Melayu . . . . .	22
3. Tandus Pimpinan . . . . .	50
4. Pemimpin Dari Atas . . . . .	72
5. Konsep Setiausaha Politik . . . . .	94
6. Amalan Demokrasi Yang Salah . . . . .	103
7. Zaman Tun Bermula . . . . .	118
8. Kerajaan Campuran . . . . .	139
9. Sistem Satu Parti . . . . .	154
10. Orde Baru, Orde Lama I . . . . .	173
11. Orde Baru, Orde Lama II . . . . .	181
12. Penutup . . . . .	192



*Untuk Pak Melan Abdullah,  
guru dan kawan yang dikasihi,  
dan kawan-kawan di  
Utusan Melayu.*

## KATA PENDAHULUAN

Hari ini, 10hb. Mei, 1975, UMNO genap 29 tahun. Sepanjang usia itu UMNO telah tegak sebagai sebuah parti politik orang-orang Melayu, berdiri sebagai teras kepada Perikatan, dan mencapai nama yang harum sepanjang pemerintahannya.

Tidak banyak parti-parti politik dalam negara demokrasi yang boleh berpeluang memerintah begitu lama, terus menerus, seperti UMNO. Sehingga ini rekod bagi Asia dipegang oleh Parti Kongres India yang sudah memerintah selama 28 tahun, dan Social Democratic Labour Party Sweden pula berjaya memerintah selama 39 tahun sejak tahun 1936.

Sebagai sebuah parti yang pada masa lalu dapat menyesuaikan dirinya dalam semua keadaan, tidak diragukan lagi bahawa UMNO mempunyai kekuatan yang tersendiri untuk tegak terus memegang rekod sebagai sebuah parti yang terkuat di Malaysia. Bagaimanapun, ini bergantung kepada kemampuan UMNO untuk memahami kehendak-hendak rakyat yang sentiasa berubah dari semasa ke semasa.

Buku ini ditulis dengan tujuan ikhlas untuk menilai semula sebarang keterlanjuran yang barangkali tidak sengaja dilakukan oleh UMNO sepanjang perkembangannya selama 29 tahun yang lalu supaya dapat dikaji semula dengan teliti dan kemudian sekiranya dirasakan perlu diperbaiki mana yang patut supaya UMNO tetap tegak menjadi payung perlindungan bangsa Melayu dan rakyat Malaysia buat selama-lamanya.

Tidak dapat dinapikan bahawa sebagai sebuah parti yang gagah dan mempunyai pengaruh yang luas menimbulkan semacam ketakutan kepada banyak pihak hendak menunjukkan sebarang kelemahan dan kesilapan yang dilakukan oleh UMNO. Semakin kuat dan berpengaruh UMNO maka semakin ramai yang mengambil sikap mendiamkan diri, melalui jalan-jalan yang selamat, supaya kepentingan diri yang digantungkan kepada pengaruh dan kekuatan UMNO dapat terjamin.

Sehingga sekarang lahir semacam sikap baru, mengiakan sebarang yang salah dengan tujuan tidak mahu melibatkan diri dalam sebarang keadaan supaya kedudukan dan kepentingan mereka dalam parti tidak terjajas.

Banyak pihak yang kami tinjau fikiran mereka tentang perkembangan UMNO sekarang mendedahkan rasa tidak puashati mereka tentang banyak hal. Tetapi bila diberitahu bahawa kami bertujuan mengumpulkan segala pandangan ini ke dalam sebuah buku, segera mereka beralih cakap. Tidak kurang pula memberi kami nasihat supaya pandai-pandai mencari jalan selamat dengan membenamkan sebarang niat hendak menulis tentang UMNO.

"Politik sekarang berlainan dengan dulu," kata mereka, "Kalau kita menegur dianggap menentang dan siapa saja yang tidak pandai menari mengikut gendang

akibatnya tanggung sendiri.”

Memang nasihat itu barangkali sesuai dengan suasana sekarang di mana setiap orang mencari jalan selamat. Tetapi sanggupkah kita kerana menjaga keselamatan diri sendiri terpaksa mendiamkan diri melihat kepincangan dalam parti yang kita dokong dengan hati dan jiwa selama ini? Sebarang cacat yang ditanggung oleh UMNO akan menjejaskan kesucian kerajaan dan melumpuhkan harapan bangsa Melayu seluruhnya.

Demi kasih dan sayang kami kepada UMNO, kepada Tun Razak, kepada pemimpin-pemimpin parti yang lain, maka tidak sanggup kami berpura-pura menghadapi sebarang keadaan yang kalau dibiarkan akan menjejaskan kewibawaan UMNO sebagai sebuah parti politik orang Melayu yang terbesar.

Kepada kami masa depan UMNO mesti dipertahankan walaupun terpaksa mengorbankan apa jua kepentingan. Sebarang apa yang menimpa UMNO di masa depan, bererti trajidi itu akan menimpa seluruh bangsa Melayu yang menggantungkan harapan dan cita-cita hidup kepada pimpinan UMNO, sebuah parti yang mereka kenal sejak mengenal erti nasionalism.

Tidak ada sebarang keraguan dan kebimbangan kami kepada Tun Razak, seorang pemimpin besar yang telah menghabiskan sepanjang usia mudanya untuk mengabdikan diri kepada bangsa, ugama dan tanahair. Tun telah menjadi kemegahan bangsa sejak dari mula beliau menceburkan diri dalam UMNO dan tidak melakukan sebarang tindakan yang merugikan kepentingan dalam masa yang sepanjang itu.

Sejak Tunku mengambil alih pimpinan dari Allahyarham Datuk Onn bin Jaafar dalam tahun 1951 dan hingga beliau meletakkan jawatan dalam tahun 1970, Tun adalah pilihan tunggal untuk menjadi Ketua Parti dan kerajaan. Bila saat yang ditunggu-tunggu itu

tiba, peralihan kuasa berlaku dalam suasana yang sudah dijangkakan.

UMNO di bawah Tun menjadi pokok rindang tempat berteduh semua golongan. Di bawah pokok rindang yang menghijau ini membuka selira golongan-golongan yang menikmati serba kemudahan membentuk khemah-khemah sendiri yang kelak jika tidak segera diawasi memisahkan antara sebuah khemah dengan khemah yang lain walaupun berteduh di bawah satu pokok.

Kita sedar bahawa sebuah parti yang maju itu ialah sebuah parti yang bergerak dan berubah, namun perubahan itu janganlah memecahkan ikatan yang ada dalam UMNO dan lari dari cita-cita nasional yang diperjuangkan oleh UMNO.

Kita tentu tidak ingin melihat ada golongan, dari khemah mana sekalipun, mahu menggunakan proses perubahan dalam UMNO untuk kepentingan diri dan kepentingan golongan mereka.

Begitu juga kepada setengah-setengah golongan muda, janganlah kerana mahu segera menenggek di atas lalu mengapiakan supaya segera dilakukan perubahan dalam UMNO sebelum dikaji baik buruknya. Golongan ini tentu masih sukar bagi ahli-ahli UMNO hendak menerima sebagai pejuang nasionalisma yang tulin kerana kesetiaan dan ketabahan mereka belum teruji, mereka belum mengenal pedih dan peritnya ketika rebah dan bangun untuk menghidupkan UMNO.

Kami menulis buku ini setelah merasakan ada bahayanya cakap-cakap mengenai orde-lama dan orde-baru dan sistem satu parti yang bertujuan melahirkan pembangkang dari dalam. Kami mula melihat semacam satu garis halus timbul hendak memisahkan UMNO dan akibatnya sudah ada cakap-cakap misti ada perimbangan kuasa dalam UMNO.

## SIAPA SELEPAS TUN RAZAK?

Walaupun rangkaian pertanyaannya tidak serupa, tetapi pertanyaan seperti ini banyak dibuat dan setiap orang tahu maksud yang tersurat dan tersirat dibaliknya. Pertanyaan serupa ini mungkin keterlaluan atau dianggap biadap bagi masyarakat Melayu traditional, tetapi tidak salah ditanya dari segi politik, kerana mempersoalkan galang ganti seseorang dalam politik adalah perkara biasa, istimewa politik yang memakai sistem demokrasi seperti negara kita ini.

Orang yang tidak suka dengan soalan ini ialah mereka yang kaku politiknya, mereka yang tidak mendalami kebiasaan-kebiasaan di dalam pergolakan politik dalam sesebuah parti. Negara kita yang bangga dengan demokrasi yang telah sekian lama menjadi amalan kita tentu tidak salah membuat pertanyaan seperti di atas.

Pertanyaan ini sudah lama timbul dan jawapannya sehingga hari ini belum pernah di lahirkan secara berterang-terang kepada umum, walaupun ada diskusi-diskusi kecil di sudut sini dan di sudut sana. Sebabnya mereka tidak berani berterusterang barangkali ada kebimbangan yang ramalan itu nanti tidak tepat.

Semasa Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putera menjadi Perdana Menteri, pengkaji-pengkaji politik tidak begitu sulit untuk mencari jawapan siapa penggantinya. Sekalian orang tahu jawapannya kerana Tun Razak adalah orang yang sudah disediakan dan diberi peluang seluas-luasnya dari awal-awal lagi oleh Tunku dan UMNO sendiri. Banyak sebab-sebab mengapa Tun Razak menjadi pilihan tunggal.

Pertama, Tun dan Tunku ketika menuntut di luar negeri pernah bersama-sama dalam Kesatuan Melayu United Kingdom. Tunku menjadi Presiden dan Tun Razak menjadi Setiausaha Agungnya. Kedua, apabila Datuk Onn bin Jaafar meninggalkan pimpinan UMNO maka Tun Razak yang menjadi pemimpin ketika itu telah memujuk Tunku balik semula ke arena politik bagi mengambil alih pucuk pimpinan UMNO. Ketiga, Tun menjadi Timbalan Perdana Menteri dan Timbalan Yang DiPertua Agung Parti sejak dari awal hingga ke akhir pemerintahan Tunku. Keempat, kerana Tun Razak anak seorang bangsawan yang dapat diterima oleh Raja-Raja Melayu. Kelima, Tun diterima oleh seluruh bangsa Melayu.

Dua syarat yang terakhir itu menjadi syarat penting bagi seseorang itu untuk menjadi Perdana Menteri Malaysia. Dan syarat-syarat itu ada pada diri Tun Razak.

Bagaimana pun, di luar kesedaran kita, Tunku telah membuat banyak persediaan, kalau ditakdirkan ada

sesuatu yang tidak diinginkan berlaku maka ada beberapa orang lagi yang sudah disediakan oleh Tunku. Mereka antaranya ialah Tun Dr. Ismail bin Datuk Abdul Rahman, Tan Sri Sardon Jubir, Encik Khir Johari dan Allahyarham Datuk Sulaiman bin Datuk Abdul Rahman. Oleh itu tidak timbul langsung soal kekosongan pemimpin jika ditakdirkan berlaku demikian.

Tetapi apakah Tun Razak yang masih muda dan segar itu sudah membuat persiapan membentuk bakal penggantinya? Apakah kerana beliau muda dan segar maka siapa gantinya tidak perlu diperhitungkan dari sekarang? Siapa selepasnya boleh diperkatakan pada bila-bila masa sahaja, tidak bergantung kepada muda atau tua.

Boleh jadi ada orang dalam kepala Tun Razak untuk mengisi kekosongan takdirnya berlaku tetapi ini tidak begitu jelas kepada umum dan kepada parti seperti keadaan di zaman Tunku. UMNO sendiri dalam hal ini tidak membuat persediaan atau menunjukkan sesiapa seperti yang telah dilakukannya semasa Tunku dulu. Ini mungkin disebabkan oleh kedatangan ramai tokoh-tokoh muda yang berkemampuan yang penuh cita-cita sehingga menyukarkan bukan saja oleh orang ramai untuk meneka malah kepada pakar-pakar politik yang mengikut perkembangan politik tanahair sejengkal demi sejengkal pun sulit membuat kepastian.

Persediaan ini perlu dibuat oleh parti guna memastikan kelicinan perjalanannya dan kelancaran gerak politik di negara ini. Sebuah kerajaan yang licin dari sebuah parti politik yang terpaksa bertukar pimpinan hanya dapat dilaksanakan kiranya parti politik itu sendiri telah membuat persediaan yang rapi terhadap hiraraki dalam pimpinannya.

Dalam perkembangan sekarang, UMNO mempunyai susunan anggota Majlis Kerja Tertinggi



yang lengkap. Tetapi kedudukan itu tidak meletakkan bahawa siapa selepas Tun Razak dalam serba serbi sudah terjawab.

Bagaimanapun latar belakang 14 orang pemimpin UMNO dan dua orang pemimpin di luar UMNO, masing-masing agak penting sesudah Tun Razak, patut ditinjau untuk memastikan siapakah yang mungkin menjadi warisan pimpinan negara dan parti nanti. Mereka ialah Datuk Hussein Onn, Encik Ghafar Baba, Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, Datuk Harun Idris, Tan Sri Ghazali Shafie, Encik Khir Johari, Datuk Senu Abdul Rahman, Tan Sri Syed Nasir Ismail, Tan Sri Syed Jaafar Albar, Datuk Hamzah Abu Samah, Dr. Mahathir Muhamad, Datuk Musa Hitam, Datuk Mansor Osman dan Tan Sri Ghazali Jawi. Di luar UMNO ialah Tun Datu Mustafa bin Datu Harun dan Datuk Patinggi Abdul Rahman Yaakub.

### **DATUK HUSSEIN ONN**

Pernah mengasaskan Pergerakan Pemuda UMNO, pernah menjadi Setiausaha Agung Parti, anak Allahyarham Datuk Onn bin Jaafar, tetapi buat satu jangka yang panjang telah meninggalkan arena politik.

Walaupun ketika di bangku sekolah beliau tidak tergolong sebagai pelajar yang luar biasa, namun beliau dikenali sebagai seorang yang paling cermat dan paling berhati-hati dalam sebarang tindak tanduknya. Kepada kebanyakan orang menganggap beliau seorang yang tinggi budi bahasanya, rendah hati dan senang didampangi oleh semua golongan.

Sebagai seorang politician, Datuk Hussein Onn mencapai kejayaan yang paling deras dan besar kerana dalam masa yang singkat selepas memasuki UMNO semula beliau telah berjaya menduduki tempat yang setinggi-tingginya dalam parti dan kerajaan.

Sejauh mana beliau dapat mempertahankan kedudukannya dalam pergolakan yang sedang hebat dalam UMNO sekarang sukar ditentukan. Bagaimanapun, memandang kepada latar belakang pelajaran dan keluarganya maka besar kemungkinan beliau dapat mempertahankan kedudukannya.

### **ENCIK GHAFAR BABA**

Seorang ahli politik yang lincah, cerdik dan dapat menyesuaikan diri dengan keadaan. Beliau berjasa besar menghidupkan UMNO Melaka sehingga menjadi UMNO yang terkuat di seluruh tanahair.

Sebagai seorang guru Melayu, lepasan Tanjung Malim, beliau telah menunjukkan kemampuan yang besar dalam politik hingga menimbulkan banyak musuh di kalangan sahabat-sahabat karibnya sendiri.

Encik Ghaffar pernah menjadi Ketua Penerangan dan dalam Pilihanraya tahun 1974, beliau bertindak sebagai Pengarah Barisan Nasional yang telah beroleh kejayaan yang cemerlang. Sekarang beliau mengetuai Secretariat Barisan Nasional dan pernah memegang jawatan Perdana Menteri.

### **TENGGU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH**

Seorang bangsawan yang terpelajar, muda pada usianya tetapi matang dalam sebarang tindak tanduknya.

Beliau seorang pemimpin yang paling berjaya menyatukan semula tenaga lama dan baru dalam UMNO Kelantan yang telah diselubungi oleh suasana krisis demi krisis sejak kalah dalam pilihanraya tahun 1959.

Kiranya Tan Sri Tengku Razaleigh dapat merapatkan dirinya lebih dekat kepada orang ramai dan mengadakan polisi 'pintu terbuka', beliau mempunyai



TUN ABDUL RAZAK HUSSEIN

masa depan yang terjamin dan cerah.

### **DATUK HARUN BIN HAJI IDRIS**

Seorang ahli politik yang lincah, cerdik dan paling berjaya menghidupkan UMNO dalam Negeri Selangor. Suatu yang jelas, Datuk Harun tidak gopoh orangnya dan sangat pandai memilih issue-issue politik untuk menarik perhatian orang ramai kepadanya.

Kejayaannya mengatasi krisis yang mengecam kedudukan politiknya menunjukkan bahawa beliau seorang yang sedang menyediakan diri untuk menjadi pemimpin tanahair yang terkemuka.

### **TAN SRI GHAZALI SHAFIE**

Seorang anak Melayu yang paling pintar dan tajam pemikirannya. Tetapi untuk mengukur kejayaannya dalam politik masih terlalu awal untuk diperhitungkan.

Sebagai seorang pemimpin, Tan Sri Ghazali banyak berdepan dengan tokoh-tokoh dunia yang terkemuka, namun namanya di tengah-tengah parti agak belum kukuh.

Beliau nampaknya lebih bersifat sebagai ahli teori dalam politik dan menjadi tenaga bergerak yang paling baik, kuat bekerja dan jauh pandangan tetapi tersisih di belakang tabir.

### **DATUK SENU ABDUL RAHMAN**

Seorang ahli politik yang mempunyai latar belakang yang sangat menarik. Beliau berasal dari seorang guru Melayu biasa dan dengan tenaga sendiri telah mencapai kejayaan akademik yang perlu bagi seorang ahli politik. Pernah dua kali menjadi Setiausaha Agung UMNO.

Kariernya sebagai seorang diplomat sangat berjaya tetapi kekalahannya dalam pilihanraya tahun 1969

memalapkan sinar bintangnya. Bagaimanapun, berasas kepada sifat-sifat yang tekun, tabah dan cekal untuk mencapai sesuatu, boleh jadi masa depannya kembali cerah.

### **TAN SRI SYED NASIR ISMAIL**

Beliau seorang bekas pegawai tadbir yang bijak, rajin dan berbudi. Kejayaannya menghidupkan Dewan Bahasa dan Pustaka dan pimpinannya memperjuangkan kedaulatan Bahasa Melayu menjadi pendorong yang besar mengangkatnya ke puncak politik.

Bagaimanapun, kerana semangat kebangsaannya yang meluap-luap menjadikan beliau agak gagal untuk memikat hati orang-orang bukan Melayu.

Tan Sri Syed Nasir sekarang menjadi Timbalan Speaker Dewan Rakyat, suatu jawatan yang lama kelamaan akan mengasingkan dirinya dari politik yang aktif dalam parti.

### **DATUK HAMZAH ABU SAMAH**

Beliau seorang ahli undang-undang yang cermat dan telah memuncak dalam perkhidmatan dan jawatannya semasa berkhidmat dalam kerajaan.

Seorang yang baik dan bersifat sederhana dalam segala hal, kemasukkan beliau dalam politik memeranjatkan kawan dan lawan kerana sebelumnya beliau tidak memperlihatkan minat yang jelas dalam politik.

Namun demikian, pengalamannya beberapa tahun dalam UMNO dan kesungguhannya sebagai menteri mendalami berbagai masalah di beberapa kementerian seperti Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Kementerian Penerangan dan Penyiaran, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Kementerian Pertahanan, dan Kementerian Perdagangan dan

Perusahaan menampakkan bahawa beliau sedang membuat tangga untuk naik.

### **DATUK MANSOR OSMAN**

Seorang yang bersemangat tinggi dan berusaha membentuk sebuah masyarakat Melayu yang ideal yang dapat bertanding dalam semua lapangan dengan kaum-kaum lain di Malaysia. Cita-citanya, namun demikian, agak sulit diwujudkan dalam sebuah masyarakat yang berbilang bangsa.

Perhatian sedang diberikan apakah beliau mampu menjadikan Negeri Sembilan sebagai Negeri perkilangan yang menyaingi Selangor dan Pulau Pinang.

Dari pandangan politik, nampaknya beliau telah tiba ke puncak dengan kedudukannya sebagai Menteri Besar sekarang.

### **DR. MAHATHIR MUHAMAD**

Seorang ahli politik yang gigih sejak zamannya sebagai penuntut. Beliau juga adalah seorang penulis yang tajam penanya dan jauh serta liberal pandangannya.

Dr. Mahathir adalah seorang tokoh politik yang sering dirundung malang. Hari-hari pertamanya menjadi Menteri Pelajaran, beliau sudah berhadapan dengan sasaran tunjuk-tunjuk perasaan pelajar-pelajar. Ini menguji ketokohnya.

Kekalahannya dalam Pilihanraya Umum 1969 telah mecacatkan sedikit sebanyak personalitinya didalam parti sehingga akhirnya dia terpecat, pada suatu ketika, daripada UMNO. Tetapi kematangannya dalam politik memberikan keyakinan bahawa beliau tidak akan berulang melakukan kesilapan yang lepas.

**TAN SRI SYED JAAFAR ALBAR**

Seorang aktivis UMNO paling gigih dan agak akrab di samping tiga tokoh utama UMNO iaitu Datuk Onn, Tunku Abdul Rahman dan Tun Razak, telah mencapai kemuncak politik dalam masa penubuhan Malaysia dan pengasingan Singapura dari Malaysia.

Peluangnya untuk meningkat lebih tinggi dalam pucuk pimpinan parti, Presiden umpamanya, agak kabur berikutan dengan keputusannya meletakkan jawatan Setiausaha Agung UMNO kerana menentang pemisahan Singapura dan menumpu minat yang lebih dalam perniagaan.

Pengumumannya untuk bertanding sebagai Naib Presiden UMNO buat pertama kalinya dalam Perhimpunan Agung bulan Jun 1975 ini menimbulkan banyak tanda tanya. Masa depan politiknya akan ditentukan oleh Perhimpunan itu kerana beliau cuma bertanding sebagai Naib Presiden.

**TAN SRI GHAZALI JAWI**

Seorang aktivis UMNO yang berjaya menghidupkan UMNO Perak dengan mematahkan pengaruh Datuk Panglima Bukit Gantang yang masyhur itu. Sebagai Menteri Besar pertama pilihan rakyat beliau gagal menyatu padukan UMNO Perak dan akhirnya dihantar menjadi diplomat ke luar negeri.

Kemampuannya untuk kembali semula ke Perak dan menjadi ketua UMNO di situ menjadi suatu ujian yang besar. Masa depannya bergantung sejauh mana beliau mampu menjadi 'Datuk Harun' bagi negeri Perak.

**ENCIK KHIR JOHARI**

Tidak diragukan lagi bahawa Encik Khir seorang ahli politik yang lincah dan menepati kehendak seorang 'parliamentarian' yang handal, boleh menyesuaikan diri

dalam semua keadaan. Malang bagi politiknya ialah beliau menjadi Menteri Pelajaran ketika orang Melayu berkehendakkan kemajuan serta merta dalam bidang pelajaran dan kemudian menjadi Menteri Perdagangan dan Perusahaan pada ketika orang Melayu mahu menjadi saudagar yang berjaya dengan serta merta juga.

Pemergiannya ke luar negeri sebagai diplomat yang memutuskan beliau dengan rakyat dan parti, menjadikan peluangnya tirus. Bagaimanapun, Encik Khir mempunyai asas yang kuat di dalam parti kerana beliau seorang tokoh yang pernah dua kali menjadi Setiausaha Agung UMNO di bawah pimpinan Tunku.

## **DATUK MUSA HITAM**

Seorang anak muda yang pintar, cerdik, peramah dan dapat menyesuaikan diri dengan semua keadaan dan golongan, adalah seorang yang seratus peratus bergerak dan bertindak kerana politik. Beliau masuk UMNO melalui Tan Sri Sardon Jubir yang memilihnya sebagai Setiausaha Politikanya.

Bagaimanapun penglibatannya dalam pergerakan antarabangsa sudah bermula sejak zaman penuntutnya. Beliau banyak menyertai ceramah-ceramah politik perengkat antarabangsa dan beliau adalah salah seorang yang disebutkan oleh majalah "Times" New York sebagai bakal pemimpin dunia.

Dalam usia yang agak muda sudah pernah memegang jawatan penting dalam parti, tetapi sebagai seorang anak muda yang matang dan punya masa depan yang cemerlang, akhir-akhir ini beliau tidak banyak menumpukan perhatian kepada politik dalam negeri kalau dibandingkan dengan pemimpin-pemimpin muda yang lain.



**TUN DATU MUSTAFA BIN DATU HARUN**

Kedudukannya yang istimewa di Sabah adalah diperolehi dari kemampuannya mewujudkan satu suasana politik yang stabil yang sebelum kedatangannya sebagai Ketua Menteri adalah dalam suasana yang tidak tenteram.

Kerana Sabah terlibat dalam politik antarabangsa (Sabah masih dituntut oleh Filipina), maka Tun Datu Mustafa mempunyai imej yang tersendiri di peringkat antarabangsa dan menjadikannya pemimpin yang dikenali ramai. Kekuatannya sebagai pemimpin berlaku dengan cara-cara tersendiri, menarik dan tidak mudah untuk disebut-sebut.

Beliau adalah pejuang kebangsaan yang gigih, pernah melalui saat-saat suka duka yang panjang dalam perjuangannya. Walaupun beliau bukan seorang yang berkelulusan tinggi namun kemampuannya sebagai seorang pemimpin yang terkemuka sangat mengagumkan.

**DATUK PATINGGI ABDUL RAHMAN YAAKOB**

Beliau boleh lahir sebagai seorang pemimpin yang paling penting walaupun pada masa ini kegiatannya tertumpu kepada masaalah-masaalah politik yang serba rumit di Sarawak.

Datuk Patinggi mempunyai imej antarabangsa yang baik istimewa di negara-negara Islam, adalah orang yang membuka jalan kepada terbentuknya muafakat politik parti-parti komponen Barisan Nasional.

Imej yang ditinggalkan ketika menjadi Menteri Pelajaran yang paling disayangi oleh masyarakat dan golongan pelajar-pelajar masih belum dapat dipecahkan oleh sesiapaupun, dan ini sesungguhnya memberikan kekuatan kepada pimpinannya.

Suatu yang harus diingat, sebagai anak watan Sarawak, beliau pernah menjadi anggota Majlis Kerja Tertinggi UMNO Malaysia.

Nama enam belas tokoh yang paling terkemuka yang kami analisis secara ringkas, meskipun tidak keseluruhannya mempunyai kelayakan untuk menduduki tempat pertama itu, tetapi mereka mempunyai pengaruh dan peranan masing-masing dalam mempengaruhi suasana untuk menentukan siapa dan kumpulan mana yang akan mewarisi kedudukan yang disandang oleh Tun Razak itu.

Soalan ini tentunya tidak begitu hebat dipertikaikan kiranya Tun Dr. Ismail masih berada di tengah-tengah masyarakat kerana pemilihan ke atasnya sebagai orang yang paling kanan sesudah Tun Razak tidak dipertikaikan oleh sesiapa. Ini sudah terbukti apabila Perhimpunan Khas UMNO pada 22hb. September, 1970 meluluskan dengan sebulat suara terhadap pilihan Tun Razak ke atas Tun Dr. Ismail sebagai Timbalannya.

Antara sebab mengapa pilihan itu tidak dipertikaikan ialah kerana UMNO sudah dari awal-awal lagi menerima Tun Dr. Ismail sebagai orang ketiga sesudah Tunku Abdul Rahman dan Tun Razak walaupun tidak ada satu pengumuman tentang perkara ini dibuat. Selain dari ketokohan dan sifat-sifatnya yang terpuji sebagai seorang pemimpin, alahyarham juga adalah seorang menteri yang paling berpengalaman kerana dia sudah menjadi menteri sejak zaman pemerentahan penjajah.

Meskipun semasa hayatnya dulu kekalutan tidak timbul atas soal siapa yang akan menggantikan Tun Razak kerana Tun Dr. Ismail sentiasa mendapat sanjungan dan keyakinan UMNO, tetapi parti politik yang dianutinya patutlah mengadakan persediaan

beberapa tokoh lain supaya kekeliruan tidak timbul bila seseorang pemimpin terpaksa digantikan.

Di luar pengetahuan umum banyak perbincangan dibuat oleh ahli-ahli politik dan para pemerhati tentang siapa tokoh ketiga sesudah Tun Razak dan Tun Dr. Ismail. Yang mendorongkan pertanyaan itu dibuat ialah masyarakat umum sedar yang Tun Dr. Ismail sudah uzur sejak tahun 1967. Orangramai juga faham bahawa keadaan kesihatannya itu tidaklah membolehkan allahyarham itu memberikan lebih banyak tenaga dalam politik. Tun Razak sendiri lebih muda dari Tun Dr. Ismail. Ini menyebabkan persoalan itu terus menerus timbul.

Satu ketika Tun Dr. Ismail pergi ke London untuk menerima rawatan. Terlalu banyak ramalan mengatakan yang keselematannya tidak terjamin. Justru itu sudah timbul satu macam tinjauan siapa yang layak menggantikannya jika ditakdirkan sesuatu berlaku ke atasnya.

Pada peringkat itu banyak nama-nama telah disebutkan sebagai layak memenuhi tempat itu. Mereka ialah Datuk Hussein Onn, Encik Ghafar Baba, Tan Sri Ghazali Shafie dan Datuk Harun bin Haji Idris. Tetapi pada ketika itu suasana politik masih belum jauh dari peristiwa 13 Mei, 1969 dan negara sendiri baru saja pulih dari darurat. Orang yang paling layak sekali ketika itu ialah Encik Ghafar Baba kerana beliau adalah tokoh yang diterima oleh semua pihak.

Takdirnya Tun Dr. Ismail meninggal atau meletakkan jawatan pada ketika itu, maka tidak asyik lagi bahawa Encik Ghafar Baba lah orang yang menjadi pilihan sebagai orang pertama sesudah Tun Razak.

Malangnya perkembangan sedih itu - kematian Tun Dr. Ismail - tidak berlaku ketika itu. Ia berlaku beberapa ketika kemudiannya iaitu pada 2hb. Ogos,

1973. Banyak perkembangan politik berlaku dalam tempoh yang singkat itu yang sesungguhnya mengubah suasana politik UMNO. Antaranya timbul kegiatan UMNO Melaka memecahkan bahagian tunggal di negeri itu kepada empat bahagian mengikut kehendak perlembagaan parti. Pemecahan itu suatu yang tidak disukai oleh Encik Ghafar, tetapi setelah melihat perkembangan yang tidak sihat kiranya bahagian itu tidak dipecahkan, maka UMNO pusat terpaksa menyetujuinya. Meskipun perkembangan itu terus mengekalkan kedudukan Encik Ghafar sebagai pemimpin UMNO negeri Melaka, sedikit sebanyak krisis itu ada menjijaskan kedudukannya.

Satu perkembangan lagi ialah pemilihan anggota Majlis Kerja Tertinggi UMNO tahun 1972 dilaksanakana mengikut kehendak perlembagaan baru iaitu dilakukan tiga tahun sekali. Dalam pemilihan ini kedudukan Tun Razak dan Tun Dr. Ismail sebagai Presiden dan Timbalan Presiden tidak tercabar. Tetapi tiga kerusi Naib Presiden menjadi rebutan hebat. Enam tokoh telah bertanding iaitu Tan Sri Sardon Jubir, Datuk Hussein Onn, tan Sri Syed Nasir, Encik Ghafar Baba, Tan Sri Ghazali Shafie dan Dr Mahathir Muhamad. Keputusan inilah yang mempengaruhi pemilihan ganti Tun Dr Ismail 15 bulan kemudiannya.

Keputusan itu memberi kemenangan kepada Tan Sri Sardon, Datuk Hussein Onn dan Encik Ghafar Baba.

Jadi dari tiga nama inilah yang dicalunkan. Pemilihan yang dibuat dalam semangat musyawarah sebulat suara memilih Datuk Hussein Onn.

Tetapi kalaulah perlembagaan baru itu tidak dilaksanakan tahun itu, dan pemilihan Majlis Kerja Tertinggi dilakukan tiap-tiap tahun, maka Perhimpunan Agung bulan Jun 1973 mungkin merombak keputusan itu.

Apabila perkembangan dan waktu yang berlaku dalam beberapa kejadian sebelum ini banyak mempengaruhi keputusan dan cara bertindak anggota politik, maka faktor itu jugalah yang menentukan keputusan dan perkembangan selanjutnya. Siapa sesudah Tun Razak selepas ini tidak dapat dipastikan secara tepat. Ia bergantung pula pada waktu dan perkembangan kemudiannya.

Dalam masa ini agak manasabah perhatian di hari muka itu dibahagikan kepada empat peringkat: sekarang, lima tahun dari sekarang, sepuluh tahun dari sekarang dan lepas sepuluh tahun dari sekarang. Bila waktu itu berlaku akan menentukan siapa penggantinya.

Takdirnya kekosongan berlaku sekarang maka makanizam politik yang ada sekaranglah yang menentukan suasana. Sebarang perkiraan yang berlaku sekarang dengan sendirinya ia akan digantikan oleh Timbalan Presiden sekarang iaitu Datuk Hussein Onn, atau dalam keadaan kesihatan Datuk Hussein yang terganggu itu takdirnya beliau tidak dibolehkan bekerja berat, maka dengan sendirinya Encik Ghafar Baba akan menjadi orang pertama yang baru.

Perhimpunan Agung bulan Jun, 1975 ini dapat menentukan permulaan perhatian siapa akan muncul sebagai pemimpin UMNO dalam lingkungan waktu lima tahun lagi. Dalam peringkat ini orang-orang yang dirasakan layak terlibat dalam perlumbaan itu ialah Datuk Hussein Onn, Encik Ghafar Baba, Datuk Harun Idris, Tengku Tan Sri Razaleigh, Tan Sri Ghazali Shafie, Dr Mahathir Muhamad dan Encik Khir Johari.

Antara sebab-sebab mengapa mereka dikira tokoh yang layak berlumba dalam tempoh itu selain dari mereka adalah antara tokoh yang dihormati oleh ahli-ahli UMNO, usia mereka sendiri menjadi perhitungan. Kecuali Tengku Razaleigh, lain-lain tokoh yang disebut

kekal untuk menggantikan Presiden Nasser. Anggapan rendah pada mulanya itu rupanya tidak tepat. Sadat membuktikan dirinya begitu gigih sehingga mulai terdapat penilaian baru bahawa beliau sesungguhnya semacam lebih berjaya dari Nasser sendiri.

Apakah Datuk Hussein Onn dapat menjadi Anwar Sadat Malaysia akan menjadi perhatian, tetapi tidaklah mudah diramalkan kerana mekanizam politik itu sesungguhnya lebih berhak menentukan situasi dari pendapat-pendapat politik. Yang pokoknya sekarang mekanizam itu ada di tangannya, dan perhatian dibuat terhadap cara-cara ia digunakan.

Sesungguhnya kalau kekosongan itu berlaku kira-kira sepuluh tahun dari sekarang, yang bererti sesudah lima belas tahun Tun Razak menjadi Perdana Menteri, maka suasana tentunya berlainan sekali. Waktu itu usia Tun Razak sekitar 60 tahun ke atas. Rata-rata pemimpin yang terkemuka di samping beliau sekarang juga hampir-hampir sebaya dengannya. Kecuali Tengku Tan Sri Razaleigh masih muda - belum 50 tahun.

Oleh yang demikian kecenderungan ketika itu berkehendakkan pemimpin yang lebih muda besar sekali, kecuali tokoh-tokoh yang di bawah usia lima puluhan tidak berdaya menunjukkan kemampuannya. Besar kemungkinan kebanyakan dari nama-nama tadi akan hilang dari senarai perlumbaan, kecuali mereka memperlihatkan keistimewaan yang tidak mungkin dimundurkan oleh usia.

Berdasarkan kepada faktor-faktor umur itu, maka orang yang paling handal sekali ketika itu dengan sendirinya jatuh ke tangan Tengku Tan Sri Razaleigh. Bagaimanapun Dr. Mahathir ketika itu belum begitu tua sangat kerana beliau dianggarkan baru menjangkau usia 60.

Tetapi jangan terkejut, pelumba handal yang

mencabar segala pelumba lain pada masa itu ialah Datuk Musa Hitam. Datuk Musa adalah orang yang layak bertanding buat setiap waktu, tetapi beliau adalah menghitung segala gerak geri politiknya. Meskipun sekarang beliau sudah memperlihatkan kematangannya, tetapi situasi yang bergolak seperti sekarang tidaklah mudah baginya mengamati kemampuan lain-lain pemimpin. Tetapi sepuluh tahun dari sekarang beliau bertambah matang kerana setidak-tidaknya sudah lebih sepuluh tahun berpengalaman sebagai menteri.

Bagaimanapun besarnya tenaga Datuk Musa, berlumlah pasti yang perlumbaan itu mudah dimenangnya. Ketika itu Tengku Tan Sri Razaleigh tentunya sudah agak berakar sebagai seorang dari lima atau enam orang pemimpin terbesar negara. Kedudukannya sebagai Naib Presiden sekarang, walaupun ditentukan oleh Majlis Kerja Tertinggi saja, memberi pengaruh tertentu bagi mengekalkan kedudukan sekurang-kurangnya buat tiga atau empat kali perhimpunan Agung UMNO lagi.

Tetapi bahaya orang yang memegang satu jawatan agak lama memang ada. Dalam politik moden, dan UMNO adalah sebuah parti politik yang bergerak ke arah itu, perhatian sentiasa diberikan kepada kemampuan seseorang yang sudah dipilih menjalankan tugasnya. Segala kerja-kerjanya akan dinilai dan dihakamkan. Bertambah lama seseorang memegang satu jawatan, maka bertambah pula jumlah kesilapannya. Bagaimanapun jumlah kesilapan itu mudah ditutup oleh jumlah kejayaan yang dicapai, tetapi kejayaan itu mistilah yang cemerlang. Kejayaan yang kecil-kecil lazimnya tidak begitu diindahkan oleh manusia.

Dari segi ini orang-orang baru yang belum mencatat kesilapan agak lebih bernasib baik. Tetapi kelemahan orang baru pula, dia sentiasa dihadapkan dengan tanda

tanya bahawa dia belum diuji. Dalam soal ini seorang pelumba dalam pemilihan ketua parti yang baru tidak saja dihitung dari kegiatannya sebagai pemimpin parti, tetapi juga diperhatikan apakah kelemahan dan kejayaannya sebagai seorang menteri.

Tetapi dalam perlumbaan ini penyertaan Dr Mahathir dan Datuk Patinggi Abdul Rahman Yaakub tidak dapat dianggap sepi. Kemungkinan mereka turut serta masih ada. Imbangan ini nantinya akan mempengaruhi atau menjijaskan kekuatan yang ada pada Tengku Tan Sri Razaleigh dan Datuk Musa Hitam.

Suatu perkara yang mungkin pula ialah peranan Encik Khir Johari. Kiranya beliau terus berdiam selama sepuluh tahun ini, dan kemudian mencuba untuk datang semula ke arina politik, meskipun sudah agak tua ketika itu, tetapi ia boleh memberi kesan yang menggugat.

Dalam apa situasi jua, kalau Tun Razak dapat menunjukkan tenaga yang besar, dan soal pemergiannya tidak timbul sehingga lebih sepuluh tahun dari sekarang, maka tidak mungkin ada muka-muka yang sekarang terdaya berlumba selain dari Tengku Tan Sri Razaleigh dan Datuk Musa Hitam saja.

Sehingga ini belum ternampak adanya tokoh-tokoh muda UMNO yang memperlihatkan keupayaan untuk menjadi pemimpin utama selain dari dua tokoh itu. Orang yang berhajat banyak, tetapi kemampuan masing-masing nampaknya belum ada.



## UMNO ITU MELAYU

Dalam buku kecil "UMNO image and reality" - yang ditulis oleh Encik Salleh Daud dan diterbitkan dalam tahun 1966, beliau berkata, "sesudah dua puluh tahun UMNO tetap sebuah parti orang-orang Melayu lagi."

Memang dari mulanya UMNO dilahirkan di Istana Besar di Johor Baharu adalah untuk mempertahankan kedaulatan orang-orang Melayu yang ketika itu diancam oleh Malayan Union anjuran British. Di atas gelombang dan riak Malayan Union inilah UMNO ditegakkan, dan ia berjaya menempuh segala detik dan getir bagi mengembalikan kedaulatan orang-orang Melayu.

Meskipun UMNO lahir atas gabungan 29 buah pertubuhan Melayu di seluruh Semenanjung termasuk

Singapura, tetapi ketika itu ianya bukanlah sebuah sahaja badan yang mewakili orang-orang Melayu. Sebelumnya sudah lahir Kesatuan Melayu Muda yang kemudiannya menjelma menjadi Parti Kebangsaan Melayu Malaya, dan Persatuan Melayu Semenanjung. Tetapi dalam perjuangannya yang mengambil jalan sederhana dan konservatif, tidak bertolak ansur dengan gerakan komunis dan golongan kiri, mengambil langkah sedia berunding dengan pihak penjajah British, maka UMNO dengan perjuangan orang-orang Melayu berjaya melalui segala ancaman.

Betapa nasionalistik perjuangan UMNO dari mulanya dapat dilihat dari cogan kata perjuangannya - HIDUP MELAYU. Walau pun Hidup Melayu itu ditukar kepada MERDEKA, tetapi perjuangannya tetap bercorak Melayu dalam segala segi dan bentuk hingga ke hari ini.

Dengan caranya yang tersendiri, UMNO dapat bekerjasama dengan British sebelum merdeka. Sesudah Malayan Union dikuburkan, maka beberapa orang pemimpin-pemimpin UMNO telah dipilih menjadi Menteri dalam Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu dan semua Menteri Besar adalah terdiri dari orang-orang UMNO. Kerjasama ini menyebabkan parti itu boleh hidup dan mengembangkan pengaruhnya ke seluruh negara. Tetapi lain-lain pertubuhan-pertubuhan Melayu, PKMM umpamanya, kerana menjalankan kegiatan yang 100 peratus anti penjajah lalu diharamkan oleh British dan sekalian pemimpin-pemimpin utamanya telah ditahan.

Tidak mudah untuk dihujah apakah UMNO saja parti yang paling baik bagi orang-orang Melayu, maka ia tidak diharamkan. Samada ia saja parti yang paling baik bagi orang-orang Melayu tidak timbul, tetapi dengan taktik dan pegangannya, ia berjaya hidup dan

memperjuangkan masaalah orang-orang Melayu dan negerinya dalam baki zaman penjajah itu. Realiti inilah yang menentukan perjuangan politik itu sendiri.

Lain-lain parti mungkin lebih baik, tetapi kurang arif untuk mengenal realiti dan kurang licin berpolitik, maka parti itu tidak dibenarkan berpolitik. Bila ia sudah tidak boleh berpolitik, betapa baik sekali pun cita-citanya, berertilah orang-orang Melayu tidak boleh lagi menggunakan sebagai alat berpolitik, sedangkan yang penting bagi politik ialah alat yang bernama "parti".

UMNO yang mempunyai kekuatan awal searamai 50,000 orang ( lihat "UMNO image and reality," ) memang sudah gagah untuk tegak sebagai sebuah parti politik. Banyak sebabnya mengapa UMNO boleh lahir sebagai sebuah parti yang kuat dan liat. Pertama, ia mengambil jalan sedia berunding dengan British. Kedua, pemimpin-pemimpin UMNO terdiri daripada Orang-orang Besar Melayu termasuk Anak-anak Raja yang memang sedia menjadi ketua tradisional masyarakat Melayu. Dan ketiga, UMNO memang dari awal lagi sudah dianggotai oleh segenap lapisan orang-orang Melayu seperti orang bangsawan, para pentadbir, kakitangan kerajaan, kaum tani, ibu-ibu bapa dan kaum belia.

British sebagai sifatnya penjajah tidak rela membiarkan mana-mana jua badan yang cuba mempersoalkan kekuasaannya apalagi seperti UMNO yang pernah mencabar projek Malayan Unionnya dan kemudian mula menyuarakan soal kemedekaan. Seboleh-bolehnya British cuba melumpuhkan UMNO dengan apa cara jua. Tetapi kerana UMNO mengambil jalan berbaik-baik dengannya, dan di satu pihak lagi bertali rapat dengan DYMM Sultan-Sultan, maka memang sulit baginya untuk memperdayakan UMNO.

Di satu pihak lagi, ahli-ahli UMNO yang terdiri dari rakyat biasa adalah lantang membidas penjajahan British semau-maunya. Tetapi British tidak dapat berbuat apa-apa.

Sebagai penjajah, British memang pandai mencabar dan memang bijak melakukan eksploitasi. Ia berbuat sesuatu yang menjolok mata yang tujuannya mahu menguji kebijaksanaan sesuatu golongan. Dan bila seseorang bertindak di luar garis undang-undang yang berupa menentang Kerajaan, maka ia akan bertindak semahu-mahunya. Inilah caranya British mengharamkan PKMM dan menghancurkan pemberontakan Azahari di Brunei.

Pengharaman lain-lain parti menyebabkan orang-orang Melayu dalam parti-parti tersebut kehilangan alat atau tempat untuk berjuang. Peluang yang terbuka kepada mereka untuk menyambung perjuangan ialah melalui parti orang-orang Melayu yang masih wujud. Parti yang ada pada ketika itu hanya UMNO dan UMNO juga adalah memperjuangkan kemerdekaan. UMNO sendiri yang tujuannya untuk menyatu padukan orang-orang Melayu memang membuka pintu kepada orang-orang yang mahu bersama-sama menuntut kemerdekaan. Memang ramai bekas PKMM kemudiannya masuk UMNO dan berjuang di baris depan seperti Allahyaraham Tan Sri Ibrahim Fikri bin Muhamad dan Encik Abdul Ghafar Baba.

Satu lagi punca mengapa UMNO mendapat sokongan ialah disebabkan cerita kesetiaan orang-orang Melayu. Orang-orang Melayu telah dicanangkan sebagai bangsa yang setia kepada ketua. Dalam beberapa hal ini memang benar. Apabila UMNO dari awal-awal lagi dipimpin oleh setengah-setengahnya terdiri daripada Orang-orang Besar Melayu yang menjadi pemimpan terdisional orang-orang Melayu,

memang ramai orang-orang Melayu masuk UMNO kerana mengikut pemimpin mereka itu dan mereka memberi sepenuh kesetiaan kepada parti.

Apa jua nasihat dan langkah yang dibuat oleh pemimpin akan mereka ikut. Tetapi kesetiaan mereka nampaknya dibuat terhadap sesuatu yang menaikkan maruah orang-orang Melayu. Bila ketua-ketuanya mengajak orang-orang Melayu menentang Malayan Union, mereka sedia mengikut. Bila ketua-ketuanya mengajak berarak ke Istana meminta restu Raja-Raja Melayu untuk mengadakan pilihanraya, mereka ikut. Bila diajak menentang komunis, juga mereka ikut. Tetapi bila ketuanya, Datuk Onn bin Jaafar meminta mereka membukakan pintu UMNO kepada lain-lain kaum, mereka tidak setia lagi. Datuk Onn mengugut. Ugutlah! Datuk Onn keluar UMNO, keluarlah sendirian. Orang-orang yang ramai itu membuktikan mereka tidak pula sedia setia kepada ketuanya.

Keengganan orang-orang Melayu mengikut Datuk Onn keluar dari UMNO tahun 1951, adalah tanda-tanda awal yang orang-orang Melayu sudah mula tertambat kepada UMNO. Sebelumnya orang-orang Melayu setia kepada katuanya, kerana lambang ketuanan terletak kepada pemimpin tradisional mereka iaitu Raja-Raja dan Orang-orang Besar. Tetapi setelah orang-orang Melayu melihat institusi Raja-Raja dan Pembesar-pembesar itu sendiri diruntuhkan oleh Malayan Union, kemudian ditegakkan semula oleh UMNO, maka dengan sendirinya lambang ketuanan itu bertukar kepada UMNO.

Projek Malayan Union itu sendiri dan perkembangannya telah menukarkan aliran kesetiaan orang-orang Melayu daripada pemimpin tradisionalnya kepada UMNO, sebuah pertubuhan politik. Dan bertolak dari sini orang-orang Melayu akan

memberikan kesetiiaanya kepada UMNO hatta UMNO menghendaki mereka bertentangan dengan pemimpin-pemimpin tradisional itu sekali pun. Kesetiaan kepada UMNO itu amat sukar dirombak kecuali UMNO itu sendiri tidak bermaya untuk mempertahankan kedaulatan orang-orang Melayu.

Kesetiaan itu telah ditunjukkan oleh orang-orang Melayu dalam beberapa langkah selanjutnya. UMNO kemudiannya menghadapi politik negara dengan mengadakan kerjasama dengan MCA dan MIC. Kerjasama itu yang mulanya dilahirkan kerana munafaat bersama yang kebetulan, akhirnya menjelma menjadi regu yang kekal dan damai. Pencapaian dalam bentuk Perikatan telah direlakan oleh orang-orang Melayu, kerana realiti politiknya ialah "UMNO teras politik, dan Melayu teras negara."

Majoriti pengundi-pengundi Melayu dalam tahun 1955 telah memberikan mandat kepada Perikatan walau pun peratus pengundi-pengundi Melayu pada ketika itu sebanyak 82.2, China cuma 11.2 dan 4.6 peratus lain-lain kaum terutamanya India. Daripada 52 kawasan pilihanraya, 50 bermajoriti Melayu dan dua sahaja bermajoritikan China. Tetapi orang-orang Melayu sedia berdiri di belakang lembaga ini walau pun Perikatan mencalonkan 10 orang China, dua India dan 35 Melayu. Calon Perikatan yang tawas cuma seorang iaitu Tuan Haji Sulaiman Palastin dari Kerian.

Pengundi-pengundi Melayu bersedia menyokong calon-calon Perikatan yang terdiri daripada orang-orang China dan India kerana setia kepada UMNO yang lojiknya teras kepada Perikatan. Maskipun Perikatan suatu kumpulan menggabungkan parti-parti bercorak perkauman daripada tiga rumpun terbesar, tetapi toleransi itu memberikan gambaran bahawa kuasa di belakang Perikatan itu ialah UMNO.



ENCIK ABDUL GHAFAR BABA

Undi yang diberi oleh pengundi-pengundi Melayu kepada calon-calon China, bukan kerana peribadi calon-calon itu, tetapi ialah parti calon itu. Dalam tahun 1955 Allahyarham Ustaz Abu Bakar Bakir, Mudir Madrasah Ehya El-Sharif Gunung Semanggul, seorang ulama terkenal, bekas tahanan politik adalah seorang yang sangat terkemuka dan disanjung tinggi oleh masyarakat Melayu. Allahyarham itu bertanding di satu kawasan sekitar Taiping atas nama Parti Bumiputra menandingi seorang calon China dari Perikatan. Majoriti pengundi-pengundi dalam kawasan pilihanraya tersebut adalah Melayu. Orang-orang Melayu tidak memilih tokoh Melayu yang terkenal itu, sebaliknya menyokong seorang China yang belum mereka kenali. Demikianlah gambaran betapa setianya orang-orang Melayu kepada UMNO.

UMNO sendiri sebenarnya mengambil langkah berunding dengan orang-orang bukan Melayu seperti yang terbukti dalam Perikatan itu sesudah mereka merasa hak-hak dan kedaulatan orang-orang Melayu yang dihancurkan oleh Malayan Union itu mulai terjamin. Realiti orang-orang bukan Melayu harus diterima sebagai warganegara memang sudah lama dilihat oleh parti itu, tetapi ia tidak sedia berunding. Ia mulai sedia berunding setelah kumpulan-kumpulan bukan Melayu bersedia menerima hakikat kedaulatan politik Melayu. Apakah keselamatan kedaulatan Melayu itu benar-benar diperhetong oleh pemimpin-pemimpin yang mengusulkan muafakat Perikatan itu agak kabur dari mulanya, hingga beberapa ketika orang-orang Melayu merasa cemas terhadap tolak ansur pemimpin-pemimpin Perikatan itu, tetapi realiti yang tidak dapat ditolak, samada dalam suasana cemas atau tidak, pemimpin-pemimpin UMNO tetap berjaya mengekalkan peranan UMNO sebagai teras politik negara dari semasa



ke semasa.

Peranan yang dimainkan oleh UMNO dalam keadaan-keadaan itu tidak serupa. Ia menari mengikut rentak gandang. Ia menyesuaikan diri mengikut situasinya, dalam apa situasi juga. Bagi UMNO, politik itu lebih merupakan satu seni dari suatu sains, kata buku "UMNO image and reality." Ia dapat melalui apa jua suasana walau pun untuk tujuan "survival" itu ia telah dicap dengan kata-kata: 'feudal,' 'Anti sosialis,' 'Konservatif' atau anti-kaum pekerja," dan sebagainya. Ia tidak pernah mahu menyatakan apa ideologinya. Tuduhlah apa saja, tetapi ia cuma mahu "nationalismanya" dan "demokrasinya" diterima. Atas nasionalisma dan demokrasi itulah ia hidup dan bergerak.

Dalam keadaan seperti itu UMNO tidak sulit menghadapi musuhnya terutama golongan yang juga memperjuangkan kepentingan politik Melayu. UMNO tidak mudah menghadapi PKMM, tetapi PKMM diharamkan oleh British. Sesudah Datuk Onn gagal untuk memperjuangkan "Malayan" melalui IMP dia cuba patah balik ke belakang untuk menegakkan perjuangan orang-orang Melayu dengan Parti Negaranya, tetapi kesetiaan orang-orang Melayu kepada UMNO tidak dapat dicelah-celah lagi, lalu Parti Negara mati begitu saja setelah kalah teruk dalam pilihanraya.

Menjelang tarikh kemerdekaan dan sesudah tercapainya kemerdekaan, atau dalam lengkungan dasawarsa kedua kelahirannya, UMNO berdepan dengan saingan hebat dari PAS dan Parti Rakyat. Kedua-dua buah parti ini juga adalah memperjuangkan politik yang berteraskan Melayu. Kebanyakan anggota kedua buah parti ini adalah bekas pendokong-pendukung PKMM. Perhatikan adanya Dr. Burhanuddin al Hilmy dalam pimpinan PAS, dan

Ahmad Boestamam dalam Parti Rakyat - sedangkan kedua-dua tokoh ini adalah pemimpin-pemimpin penting PKMM - seolah-olah adanya persefahaman yang di akhir jalan nanti kedua-duanya akan bersatu. Oleh kerana kedua-duanya adalah nakhoda, dan masing-masing mengemudikan bahtera yang berlainan, lalu mereka kian renggang dihanyutkan oleh gelombang Malaya Merdeka yang anginnya berbeza sekali dengan keadaan sepuluh tahun sebelumnya.

Bagaimana pun UMNO tercabar kekuatannya. UMNO terus memperjuangkan sebuah negara yang dimiliki bersama oleh semua kaum dengan Melayu sebagai teras. PAS memperjuangkan sebuah negara Islam dengan segala hak ketuanan di tangan orang-orang Melayu dan menapikan hak politik lain-lain kaum, sedangkan hak politik telah mereka perolehi sebelum PAS mampu menjadi sebuah parti yang menyaingi UMNO. Parti Rakyat pula adalah sebuah parti sosialis yang strukturnya semacam sama dengan IMP pimpinan Datuk Onn - bezanya pendokong-pendokong IMP kebanyakannya golongan reaksyener sedangkan Parti Rakyat berideologikan sosialis ala Malaya.

Parti seperti Parti Rakyat yang anggotanya terdiri dari berbagai-bagai kaum memang sukar hidup di negara ini, istimewa kalau pemimpin-pemimpinnya orang-orang Melayu, baik apa aliran politik sekali pun. IMP mati. Parti Buruh hidup sebentar dan akhirnya mati, dan kalau pun lahir parti-parti seperti itu kemudiannya seperti DAP, Gerakan dan Pekemas, masing-masing tidak dapat bertapak kuat. Hakikat inilah yang menyebabkan Partai Rakyat tidak dapat menarik perhatian orang-orang Melayu di kampung-kampung. Kemenangan parti ini yang didapatinya dari hasil gabungannya dengan Parti Buruh atas nama Front

Sosialis dalam pilihanraya tahun 1959 dan pilihanraya-pilihanraya Majlis Bandaraya Pulau Pinang dan beberapa kota lagi bukanlah disebabkan oleh kejayaan Parti Rakyat sendiri, tetapi undi yang didapatinya itu kebanyakannya dari penyokong-penyokong Parti Buruh - iaitu bukan Melayu.

Majoriti orang-orang Melayu yang tidak sukakan UMNO tidak menyertai Parti Rakyat, tetapi mereka lebih senang menyertai PAS. PAS dengan segala sepak terajangnya memang boleh menarik orang-orang Melayu untuk menyokongnya. Pemimpin-pemimpin PAS kebanyakannya adalah terdiri daripada golongan haji dan lebai yang lazimnya adalah orang-orang yang mudah merendah diri. Mereka ada di setiap kampung dan mempunyai pengaruh tersendiri di kampung-kampung itu.

Dalam pilihanraya umum tahun 1959 PAS berjaya menakluki dua buah negeri di Pantai Timur - Trengganu dan Kelantan. Dua buah negeri itu terus menjadi kubunya, sedangkan di lain-lain negeri ia tidak dapat bertapak. Orang-orang Melayu memang tertarik kepada PAS, tetapi mereka lebih yakin kepada UMNO sepanjang yang berhubung dengan pentadbiran.

Di beberapa tempat di Perak dan Kedah, PAS bertapak kuat. Hampir sama ramai penduduk-penduduk yang menyokong PAS dan UMNO. Tetapi UMNO lebih bijak dan faham mengenal realiti. Ia di samping mengemukakan perjuangan untuk orang-orang Melayu, terus memelihara persahabatan yang erat dengan MCA dan MIC. Di mana-mana juga tempat yang UMNO agak kurang bertenaga, seperti di Kerian, Bagan Datuk dan Kedah umpamanya, UMNO mampu mempertahankan kekuasaannya sekadar mendapat 40 peratus sokongan pengundi-pengundi Melayu. Biarlah antara 55 peratus dan 60 peratus daripada mereka

menyokong PAS, tetapi kalau lebih 80 peratus pengundi-pengundi China dan India menyokong Perikatan, maka Pas akan tewas juga kerana ia tidak mungkin mendapat sebarang undi bukan Melayu.

Realiti ini telah digunakan oleh UMNO sebaik-baiknya sehingga PAS tidak mungkin berjaya menandingi UMNO di sepanjang Pantai Barat sehingga tahun 1969 apabila Parti Islam berjaya mendapat tiga kerusi Parilimen di Kedah dan beberapa buah kerusi pula untuk Dewan Undangan Negeri Kedah dan Perlis dan ia juga berjaya memecahkan kubu UMNO di Parit, Perak. Tetapi dalam keadaan yang sama UMNO membuat beberapa kemajuan di Kelantan dan Trengganu. Besut satu kawasan yang tidak pernah di dapati oleh UMNO sejak tahun 1959, didapatinya pula pada tahun 1969. Begitu juga Dungun, Kuala Trengganu Utara, dan Ulu Trengganu yang dimenangi oleh PAS pada tahun 1959 telah ditawan balik oleh Perikatan dalam pilihanraya tahun 1964. Di Kelantan juga beberapa buah kerusi berjaya dimenangi oleh Perikatan yang sebelumnya adalah kubu PAS yang tak dapat ditembusi. UMNO juga dapat merampas semula Kerajaan Trengganu yang ditawan oleh PAS dalam tahun 1959, dan berjaya mempertahankan sehingga sekarang.

Sehingga sebelum terbentuknya Kerajaan Campuran Perikatan - PAS dalam tahun 1973, PAS adalah parti yang menapikan proses menjadikan UMNO itu Melayu dan Melayu itu UMNO. Kiranya tidak ada PAS, maka tidak ada tenaga yang dapat menghalang untuk menjadikan UMNO itu gelanggang politik orang-orang Melayu.

Pada 11 Mei, 1976 - kira-kira setahun dari sekarang, UMNO genap berusia 30 tahun. Menjelang waktu itu UMNO cukup dewasa dalam politikinya.

Tetapi sesudah menempuh usia yang sepanjang itu, kini sudah ternampak seolah-olah UMNO itu sudah menjadi satu ciri dari kehidupan orang-orang Melayu. Kiranya PAS yang sudah bersekutu dengan UMNO itu terus dengan keadaan yang ada, dan kalau pemimpin-pemimpin UMNO yang ada dan yang akan muncul pandai membawa diri dan terus diterima oleh orang-orang Melayu sebagai mewarisi pimpinan UMNO mengikut semangat 1946 dan 1955, maka tidak ada halangan untuk menjadikan UMNO sebagai politik Melayu yang tentunya sebahagian dari ciri kehidupan dan kebudayaan Melayu.

Lima belas tahun lalu pemerhati-pemerhati menyangkakan bahawa UMNO sukar untuk mengekalkan pengaruhnya sebagai parti yang mewakili orang-orang Melayu semata-mata disebabkan oleh perkembangan pelajaran dan industri yang pesat. Aliran yang terdapat dikalangan orang-orang Melayu yang mendapat pelajaran tinggi agak cenderung kepada sebuah parti yang beraliran sosialis seperti yang terdapat ketika itu ramai dari mereka menyertai Parti Rakyat atau Parti Buruh.

Demikian juga dengan adanya perkembangan industri yang nantinya menjelmakan Malaysia sebagai sebuah negara perkilangan, akan menjadikan golongan kaum pekerja bertambah ramai. Kaum pekerja ini tentulah tidak tertarik kepada UMNO yang pernah di cap sebagai anti kelas pekerja itu.

Ramalan-ramalan terus dibuat sepuluh tahun kemudian, malah hingga dewasa ini pun sangkaan itu masih ada. Tetapi sehingga ini ramalan itu tidak pernah tepat. Ramalan yang dibuat dalam tahun-tahun sebelum 1959, tidak berlaku demikian dalam tahun 1964. Kemudian ramalan itu dibuat lagi yang perubahan itu akan berlaku lima tahun lagi. Bila lima tahun datang, ia

tidak juga berlaku. Demikianlah ramalan demi ramalan tidak pernah tepat hingga sekarang ini.

Tetapi yang tentunya, lebih ramai pula orang cerdik pandai menyertai UMNO pada masa yang akhir-akhir ini. Mana yang belum menyertai mana-mana parti politik, kalau ia berhajat hendak menceburkan diri dalam politik, maka ia akan berfikir panjang untuk menyertai parti lain selain dari UMNO. Kalau mereka tidak suka kepada UMNO, mereka nantinya tidak begitu cenderung menyertai lain-lain parti. Dari menyertai lain-lain parti yang belum tahu di mana dia akan berakhir, lebih baik dia menjadi orang yang tidak berparti.

Dan setengahnya, sesudah menyertai lain-lain parti, tetapi tidak boleh mencari kemajuan, lalu berhenti atau mendiamkan diri begitu sahaja, dan tidak kurang pula yang mengubah haluan lalu mengisi borang UMNO. Tetapi memang ramai dari para intelek sudah melibatkan diri secara aktif dalam UMNO.

Setengahnya menyertai UMNO kerana hendak berjuang, dan ramai juga yang menyertainya kerana semata-mata makan gaji dan mahu cepat naik pangkat. Tetapi ternyata orang-orang yang mendapat pelajaran tinggi ini setengah-tengahnya berkhidmat dengan UMNO kerana tidak ada pilihan lain. Walau apa pun matalamat mereka, jelaslah UMNO mendapat faedah dari keadaan dan sikap-sikap itu.

Apakah perkembangan itu suatu yang sihat adalah satu hal yang harus ditentukan oleh UMNO sendiri, tetapi keadaan ini dengan sendirinya mengembangkan UMNO dan menggecilkkan harapan lain-lain pihak mengambil alih pimpinan dari UMNO.

Kemasukkan para candikiawan ini menjadikan komposisi UMNO itu lengkap dengan segala lapisan orang-orang Melayu dari anak-anak Raja hingga kepada

buruh kasar, dari alim ulama hingga kepada golongan buta huruf, dari saudagar hingga kepada pananam sayur, dari ketua pentadbir hinggalah kepada budak pejabat. Dan kalau kita meninjau pula ke kampung-kampung di mana-mana juga, nescaya akan kita dapati Penghulunya orang UMNO, Ketua Kampung orang UMNO, Imam dan bilal UMNO, jangan dikiralah guru-guru, peraih dan sebagainya. Walau pun ini agak jeneralisasi, tetapi inilah keadaan yang tidak dapat ditolak dikebanyakan tempat.

Dalam keadaan tertentu, kalau orang-orang kampung yang tidak punya pekerjaan tetap, akan merasa senang hati kalau dia dikatakan sebagai orang UMNO walau pun dia tidak pernah mengisi borang untuk menjadi ahli UMNO. Orang seperti ini akan marah dan sungguh-sungguh menapikan kalau dia dituduh tidak mengundi UMNO dalam satu-satu pilihanraya. Tetapi dia akan senang sekali kalau disebut dia sebagai penyokong UMNO walau pun dia tidak begitu suka atau tidak pernah mendaftarkan diri menjadi pengundi.

Memang ramai orang-orang Melayu di kampung-kampung yang tidak mendaftar diri menjadi ahli UMNO. Tetapi mereka tetap menganggap diri mereka itu orang UMNO kerana segala kegiatan UMNO di kampungnya diikutinya atau dia pernah mengundi calon-calon Perikatan dalam mana-mana pilihanraya.

Kebanyakan orang-orang Melayu - setengah-tengahnya ahli-ahli UMNO dan ada yang tidak - akan meninggalkan segala kerja-kerja harian untuk membuat kerja-kerja UMNO. Ada di antara mereka bertungkus lumus menjalankan apa yang disuruh oleh parti UMNO dalam musim pilihanraya. Bila-bila saja musim pilihanraya dia memberikan tenaga yang sepenuhnya. Calon-calon Perikatan yang ditolongnya itu sudah menang, dan setengahnya sudah jadi orang besar dan

sudah kaya. Tetapi dia tatap ditakak lama juga. Kalau dulu dia seorang penoreh getah, sekarang pun menoreh juga. Kalau dulu penarik baca, dia terus menarik baca juga.

Kalau ditanya, "Apa kamu dapat?"

"Tak ada apa-apa," jawabnya.

"Habis? Mengapa bertungkus lumus?"

"Saya suka" jawabnya, "Saya puas asal calun UMNO menang."

Orang-orang UMNO seperti ini kebanyakannya akan meninggalkan segala pekerjaan dan lupakan anak isteri di rumah apabila tiba musim pilihanraya. Mereka tidak kira siapa calun yang bertanding. Sebagai contoh dapat dilihat dengan nyata dalam kempen di Mengelembu bulan Ogos 1974.

Calun Barisan Nasional di situ ialah Dato' Sri S. P. Seenivasagam yang sebelum pembentukan Barisan Nasional adalah seorang anggota pembangkang yang dianggap oleh orang-orang Melayu sebagai musuh ketat mereka. Tidak dapat hendak disebutkan betapa tidak sukanya orang-orang Melayu terutama orang-orang UMNO kepada beliau. Tetapi kerana dia menjadi calun Barisan Nasional, maka seluruh anggota UMNO di Mengelembu telah turun membantunya. Mereka lupa siapa Dato' Sri Seenivasagam dulu. Kemarahan yang lama hilang semata-mata kerana Dato' Sri Seenivasagam bertanding atas tiket Barisan Nasional. Malah beliau sendiri menjadi kagum melihat betapa kuatnya orang-orang UMNO bekerja. Katanya, "Mereka bekerja seolah-olah calun yang bertanding itu terdiri dari calun UMNO."

Nampaknya sikap dan pendirian orang-orang Melayu sudah jelas. Mereka sedia menyokong seorang



yang pernah dianggap musuh paling merbahaya seperti Dato' Sri Seenevasagam semata-mata kerana partinya PPP bersekutu dengan UMNO. Tetapi mereka, khususnya orang-orang Melayu dari Johor tidak sedia menyokong Datuk Onn yang mengasaskan UMNO semata-mata kerana sesudah meninggalkan UMNO dia bertanding menentang UMNO.

Dalam sepanjang kempen orang-orang UMNO menjalankan kerja sungguh mengagumkan. Mereka nanti datang dengan tidak payah dipanggil. Mereka juga tidak meminta arahan untuk melakukan apa saja yang mereka boleh buat. Cukup bagi mereka diberi sebungkus nasi untuk tengah hari dan untuk petang kerana kebanyakan mereka meninggalkan rumah awal-awal pagi dan pulang lewat malam, biasanya setelah rapat umum selesai.

Sebilangan kecil orang-orang Melayu, atas desakan hidup mengambil kesempatan untuk bekerja dengan calon pembangkang. Kadang-kadang ini disebabkan terlalu ramai orang-orang yang bekerja membantu calon sekutu UMNO. Khidmat mereka kepada calon-calon pembangkang ini semata-mata untuk mencari wang atau rezeki yang boleh mereka dapati dari peluang-peluang yang datang sekali dalam masa lima tahun itu. Mereka mengambil upah menampal poster, memasang pentas dan sebagainya. Pada hari mengundi mereka mungkin mengambil upah membawa kereta mengangkut pengundi. Tetapi di bilik membuang undi mereka mengundi calon sekutu UMNO.

Di Trengganu kawasan MCA yang tunggal ialah kawasan Bandar yang pengundinya 70 peratus orang-orang Melayu. Calon kawasan itu, tahun 1974 ialah Encik Toh Seng Chong ditentang oleh Calon Partai Sosialis Rakyat, Encik Mazlan Embang.

Mazlan seorang guru dan menjadi Naib Ketua

Partai Rakyat Negeri Trengganu. Beliau selain dari aktif dalam kegiatan kebudayaan juga mempunyai keluarga yang ramai dalam kawasan itu. Pemerhati-pemerhati politik meramalkan kemungkinan Mazlan menang jauh lebih besar dari calon Barisan Nasional.

Kemungkinan itu bertambah terang bila jentera MCA di situ tidak bergerak lancar kerana adanya perpecahan dalam menentukan calon. Calon MCA yang pada mulanya diputuskan oleh Pusat ialah Encik Toh Seng Chai yang kemudiannya digugurkan dalam masa 24 jam sahaja. Ini menimbulkan perpecahan dikalangan MCA yang melibatkan lumpuhnya jentera pilihanraya di kawasan tersebut.

Tetapi ternyata orang-orang Melayu yang menjadi pengundi yang ramai di kawasan itu memberi undi kepada calon Barisan Nasional kerana UMNO menjadi teras kepada Barisan itu. Ini menggambarkan bahawa apa pun aliran fikiran orang-orang Melayu, mereka menerima bahawa UMNO itu adalah satu institusi yang di punyai oleh seluruh orang-orang Melayu sama seperti MARA dan BANK BUMIPUTERA. Ia menjadi lembaga yang menentukan peranan orang-orang Melayu dalam apa bidang jua. Dan sudah ada orang-orang Melayu yang begitu ekstrim mahukan setiap orang Melayu menjadi ahli UMNO kerana Melayu itu baginya ialah seorang yang berbahasa dan berkebudayaan Melayu, beragama Islam, Mazhab Shafie dan sekarang ditambah berpolitik UMNO.

Agak sinis bunyinya. Tetapi inilah hakikatnya bahawa orang-orang Melayu sudah hampir begitu kehendaknya kerana kepercayaan yang sehati kepada UMNO.

Walau pun UMNO sekarang mempunyai tunjang yang kuat namun pada permulaannya banyak menghadapi detik-detik yang mencemaskan. Oleh



TUN DATU MUSTAPHA BIN DATU HARUN

kerana UMNO tidak berjuang atas garis-garis ideologi maka ia sering dihadapkan dengan ramalan-ramalan bahawa ia tidak mungkin kekal lama dan ia akan diancam perpecahan dari semasa ke semasa. Ramalan seperti ini terdapat sepanjang sejarah parti ini tetapi ramalan itu tidak pernah tepat. UMNO hingga ini hampir menjangkau usia 30 tahun dan adalah menjadi parti orang-orang Melayu yang paling utuh, walau pun tidak sunyi diancam perpecahan.

Ancaman yang pertama datangnya dari penarikan diri Datuk Onn bin Jaafar dari pucuk pimpinan dan terus keluar dari parti. Datuk Onn sebagai Yang Di Pertua Agung UMNO yang pertama adalah orang yang bertanggungjawab mengasaskan UMNO. Tidak ada orang yang agak arif dapat memperkatakan dengan setepat-tepatnya apakah UMNO mungkin muncul ke dunia kalau tidaklah dengan dayausaha dan kepintaran Datuk Onn.

Datuk Onn merupakan tokoh yang sudah berpengalaman dalam politik, pernah berkrisis dengan Sultan Johor dan dibuang negeri beberapa ketika, berpengalaman menghadapi ancaman Jepun, adalah seorang yang begitu besar pengaruhnya di kalangan orang-orang Melayu, orang-orang bukan Melayu, Raja-Raja Melayu dan pegawai-pegawai Kerajaan British. Pengaruh yang ada pada dirinya itu sukar didapati dari orang-orang lain. Ini adalah satu syarat yang patut ada pada seseorang yang hendak memimpin parti politik pada ketika kebangkitan nasionalism Melayu sebelum merdeka.

Dan pengaruh yang ditunjukkan oleh Datuk Onn selama memimpin UMNO dari tahun 1946 hingga 1951 tidaklah dapat diperkecilkan. Tidak ada muka pada ketika itu dapat berhadapan dengan ketokohan Datuk Onn. Dan selama Datuk Onn menjadi ketua, soal

siapakah pimpinan selepasnya tidak dapat difikirkan, dan sebenarnya tidak ternampak lagi ketika itu siapakah orang yang mampu memimpin UMNO setanding dengan watak dan nilai-nilai yang ada pada diri Datuk Onn.

Apabila Datuk Onn bertindak untuk meninggalkan parti itu, lalu ia diikuti oleh tokoh-tokoh terkemuka UMNO yang lain seperti Dato Penglima Bukit Gantang, Tan Sri Nik Ahmad Kamil dan lain-lain muka, maka terdedahlah UMNO kepada pimpinan tokoh-tokoh yang kurang berpengalaman. Perpecahan mula berlaku, tetapi perpecahan itu banyak dalam bentuk dan peringkat tinggi.

Tunku Abdul Rahman Putera yang menggantikan Datuk Onn mengaku tentang kekurangan yang ada pada dirinya pada ketika itu dibandingkan dengan pengalaman dan kemasyhuran yang ada pada Datuk Onn. Malah dalam pemilihan untuk menggantikan Datuk Onn itu sendiri Tunku adalah orang yang kurang masyhur dibandingkan dengan dua orang tokoh yang menentangnya iaitu Tuan Haji Ahmad Fuad Hassan dan Dato' Panglima Kinta C.M. Yusuf. Dalam pengenalan calon-calon yang dibuat dalam acara pemilihan itu, pencadang Tunku tidak membuat kata-kata yang berapi-rapi seperti yang dilakukan oleh pencadang-pencadang calon yang lain.

Encik Bahaman Shamsudin, pencadang Tunku itu, cuma bercakap beberapa minit sahaja. Antara katanya, "Saya kenal baik dengan Tunku dan saya percaya kalau Tunku dipilih beliau dapat membuat kerja-kerja itu." Bagaimana pun Tunku menang dalam pencalonan itu.

Tidak lama selepas itu, Tuan Haji Ahmad Fuad yang ditewaskan oleh Tunku dan seorang yang besar juga pengaruh dalam parti terutama di kalangan alim ulama mengikut langkah Datuk Onn berpisah dengan UMNO bersama-sama dengan penyokong-

penyokongnya.

Sebenarnya tidak ada apa-apa yang dapat menghalang UMNO dari berpecah dan seterusnya menghadapi kehancuran. Pemergian pengasas-pengasasnya itu sudah cukup untuk menggugat perjalanan parti. Dan ini tentulah menyulitkan pemimpin-pemimpin baru yang tidak mempunyai pengalaman yang cukup itu untuk memulihkannya.

Datuk Onn tidak pergi sendiri dan tidak pula bersara dari politik. Dia membuat parti baru - Parti Kemerdekaan Malaya (IMP) - untuk menentang UMNO. Ancaman ini sesungguhnya tambah menyulitkan suasana. Orang-orang yang terpengaruh dengan pimpinan Datuk Onn yang masih berhajat untuk berjuang tentunya tidak teragak-agak lagi untuk menyertai parti baru itu.

Tetapi kesetiaan sebahagian besar orang-orang Melayu yang sudah mula terikat dengan UMNO tidak mudah mengubah tikad. Walaupun yang mengikut Datuk Onn rata-rata terdiri dari golongan bangsawan dan orang-orang yang sudah mendapat tempat dalam Kerajaan penjajah sebagai Menteri, Menteri-menteri Besar dan lain-lain jawatan penting dalam Kerajaan, sebaliknya rakyat jelata yang tidak terikat dengan peraturan bekerja di bawah sistem penjajah tetap tidak berganjak dari UMNO.

Cara-cara sederhana yang bersengaja yang ditunjukkan oleh Tunku Abdul Rahman dan rakan-rakannya adalah antara sebab-sebab mengapa UMNO berjaya mengatasi kehancurannya, tetapi yang lebih logik ialah mula terjalinnya rasa perpaduan orang-orang Melayu di bawah UMNO atau sudah wujudnya hasrat untuk menjadikan UMNO itu satu tempat berkampung orang-orang Melayu.

Berkat keyakinan orang-orang Melayu terhadap

dasar dan perjuangan UMNO itu menjadikan politik Datuk Onn di luar UMNO tidak sampai ke mana-mana dan beliau sendiri menghadapi hari-hari akhirnya dengan kekecewaan.

Satu peristiwa lagi yang mengancam perpaduan UMNO yang tidak kurang hebatnya ialah pertentangan antara pucuk pimpinan parti dengan golongan guru-guru Melayu yang dipimpin oleh Cikgu Mohd Nor Bin Ahmad atas soal Sekolah Menengah Melayu. Guru-guru Melayu mahukan satu dasar penggunaan Bahasa Melayu yang radikal perlaksanaannya. Pemimpin-pemimpin UMNO tidak bersetuju dengan kehendak itu kerana kurang persediaan. UMNO mahukan perlaksanaannya dijalankan secara beransur-ansur.

Cikgu Mohd Nor Ahmad sendiri adalah seorang pemimpin UMNO yang terkemuka dan disampingnya ada beribu-ribu guru-guru Melayu yang menjadi pegawai-pegawai UMNO di peringkat Cawangan dan Bahagian di seluruh tanahair. Dengan lain perkataan, boleh dikatakan hampir 90 peratus kekuatan UMNO diperingkat cawangan dan bahagian didokong oleh tenaga kaum guru. Kerana adanya pertentangan ini maka seluruh guru-guru Melayu bertindak keluar UMNO dan mereka adalah bebas menyertai mana-mana parti yang mereka fikir dapat menguntungkan perjuangan mendaulatkan bahasa secara radikal itu.

Tindakan guru-guru Melayu dalam tahun 1958 itu menyebabkan UMNO lumpuh dan ia boleh hancur pada bila-bila masa sahaja. Ini disebabkan guru-guru Melayu yang meninggalkan UMNO itu berada di mana-mana sahaja dalam masyarakat dan mereka boleh melumpuhkan UMNO sekiranya mereka mendapat sokongan dari orang-orang Melayu. Melihat kepada pengaruh guru-guru yang dianggap sebagai pemimpin masyarakat itu maka UMNO boleh hancur sekiranya

orang-orang Melayu mengikut mereka.

Tetapi dugaan dan ramalan kebanyakan pihak adalah meleset. Orang-orang Melayu rupanya memandang jauh dan mereka buat pertama kali menunjukkan sikap tidak bersetuju dengan tindakan guru-guru itu. Bertolak dari peristiwa penting ini maka pandangan masyarakat Melayu terhadap guru-guru mulai menurun. Tindakan guru-guru yang pada pandangan kasar boleh melumpuhkan UMNO sebenarnya tidak berjaya melumpuhkannya. Jawatankuasa-jawatankuasa di semua peringkat parti yang ditinggalkan oleh golongan guru-guru itu segera diisi oleh orang-orang lain. Dalam keadaan seperti inilah maka ramai pula guru-guru yang berundur berpatah balik kepada UMNO.

Bagaimana pun, sedikit sebanyak tindakan kaum guru itu dapat memberi kesan juga kepada perkembangan UMNO. Pilihanraya Umum tahun 1959 - selepas setahun dari krisis guru-guru itu - menyebabkan Perikatan tawas dalam dua buah negeri Melayu - Kelantan dan Trengganu. Beberapa buah kerusi Parlimen telah berjaya dimenangi oleh calon-calon PAS. Bagaimana pun Perikatan berjaya menguasai majoriti dua pertiga dalam Parlimen. Kemenangan Perikatan itu setelah menghadapi krisis kaum guru yang bagitu hebat menunjukkan bahawa kesetiaan orang-orang Melayu kepada UMNO tidak juga terjejas oleh krisis tersebut.

UMNO selepas itu tidak lagi menghadapi ancaman yang besar yang boleh melumpuhkan atau menghancurkannya. Meskipun terdapat beberapa krisis lagi tetapi setiap krisis itu berjaya dihadapi oleh UMNO dengan tidak menjejaskan sokongan orang-orang Melayu kepadanya.

Tiga lagi contoh besar yang perlu disebutkan di sini



yang pernah dihadapi oleh UMNO ialah kes Aziz Ishak, pemberhentian Tun Dr. Ismail bin Datuk Abdul Rahman dari kabinet dan kes Dr. Mahathir Muhamad.

Kes Encik Abdul Aziz Ishak tidak sebesar ancaman krisis berikut dari pemberhentian Datuk Onn dan sikap keluar beramai-ramai yang dilakukan oleh guru-guru Melayu. Bekas Menteri Pertanian itu tidak berbalah dengan UMNO atas sebab-sebab dia tidak bersetuju dengan dasar dan perjuangan UMNO. Perbalahannya berpunca diri keengganannya ditukarkan ke Kementerian Kesihatan. Apa yang mendorong Encik Aziz Ishak untuk terus menentang keputusan Tunku menukarkan jawatan kabinetnya itu ialah kerana adanya sokongan yang diberikan kepadanya oleh UMNO Selangor, penyokong kilang kertas dan kilang baja uria yang diselanggarkannya. Berikut dengan keengganannya itu dia kehilangan kerusi Menteri.

Encik Aziz sebenarnya adalah salah seorang tokoh UMNO ketika itu yang mempunyai banyak pengikut. Ramai anggota Syarikat Kerjasama di seluruh negara bekerja rapat dengannya. Memang ada setengah-tengah daripada mereka cuba menunjukkan sikap sebagai pengikut Aziz yang setia. Sedikit sebanyak inilah yang mendorong beliau untuk lebih berani mencabar pemimpin-pemimpin seperti Tunku Abdul Rahman dan Tun Razak. Encik Aziz sebenarnya telah membuat silap perhitungan dan kesilapan ini menghancurkan politiknya sendiri. Orang-orang yang menyokong Encik Aziz pada ketika itu adalah juga orang-orang UMNO yang setia kepada Tunku dan Tun Razak.

Ini dapat dibuktikan dari hanya beberapa orang yang sanggup keluar mengikut Encik Aziz Ishak apabila beliau, setelah dipecat, membantuk partinya sendiri. Parti itu tidak dapat hidup sendiri dan gagal pula untuk mendapatkan kerjasama menghadapi pilihanraya umum

1964 dengan Sosialis Front.

Orang-orang UMNO rasanya tidak salah untuk menyokong Encik Aziz Ishak dalam perkara-perkara yang difikirkannya Encik Aziz di pihak yang benar. Ini adalah satu keadaan yang sentiasa wujud dalam mana-mana parti yang mengamalkan dasar demokrasi. Anggota-anggota parti berhak menyuarakan sebarang pendapat sebelum sesuatu keputusan diambil. Tetapi setelah keputusan dicapai, maka tiap pihak perlulah memathui keputusan itu.

Sikap orang-orang Melayu menyokong Encik Aziz pada peringkat awal itu tidak bertujuan untuk menentang UMNO. Sebarang apa yang dikira dapat membawa kebaikan boleh disokong, tetapi setelah melihat Encik Aziz bertindak lebih jauh - keluar UMNO dan menubuhkan parti lain - maka mereka tidak lagi dapat bersama-sama Encik Aziz walau bagaimanapun tokoh itu disayanginya. UMNO mesti dipertahan dan diselamatkan.

Setelah 10 tahun merdeka, suatu perselisihan berlaku antara Tun Dr. Ismail dengan pucuk pimpinan parti. Berikutan dengan krisis itu, Tun Dr. Ismail meletakkan jawatannya dari kabinet. Kebetulan ketika itu beliau sakit. Lalu dia berselindung di sebalik soal kesihatan itu dan berhenti dari jawatan Menteri.

Krisis ini sebenarnya hebat. Perpecahan dalam parti boleh berlaku kerana pendirian Tun. Dr. Ismail selalunya tegas dan dihormati oleh kawan dan lawan. UMNO boleh terancam kiranya Tun Dr. Ismail mengambil langkah-langkah yang berlawanan. Tetapi dalam masaalah ini Tun Dr. Ismail tidak mengambil langkah-langkah yang boleh memecahkan parti. Kiranya dia mahu menunjukkan kehandalannya, dia boleh memberontak atau bertindak apa saja. Kalau dia berbuat demikian, berbagai kemungkinan boleh berlaku

terhadap UMNO dan ini akan merugikan UMNO dan orang-orang Melayu.

Tun Dr. Ismail nampaknya dalam bertindak lebih mementingkan keunggulan UMNO dan kepentingan orang-orang Melayu dari kepentingan dirinya sendiri. Dia sesungguhnya bertindak seperti lain-lain orang-orang Melayu yang kasihkan UMNO.

Kes Dr. Mahathir Muhamad selepas peristiwa 13 Mei, 1969 adalah satu lagi contoh yang perlu diperhatikan. Dr. Mahathir setelah dipecat dari UMNO terus juga menjalankan kegiatan politiknya di seluruh negara. Dalam keadaan seperti ini dia terpaksa bercanggah dengan angin UMNO. Ramai orang-orang UMNO yang merasa simpati dengannya dan di luar UMNO pula beliau mendapat perhatian yang sangat menggalakkan. Pemimpin-pemimpin Pusat UMNO terus menerus mengecam Dr. Mahathir dan beliau pula tidak berhenti-henti menyindir pemimpin-pemimpin UMNO.

Dr. Mahathir tidak segan-segan naik ke pentas rapat umum PAS untuk membidas pemimpin-pemimpin UMNO. Beliau ketika itu banyak berkawan dengan pemimpin-pemimpin pembangkang. Tetapi satu perkara yang jelas bahawa beliau tidak pula menyertai mana-mana satu parti politik pembangkang yang ada atau menubuhkan parti politik sendiri.

Apakah beliau benar-benar sayang kepada UMNO adalah satu perkara yang tidak mudah hendak dipastikan ketika itu. Tetapi beliau tentunya menyedari bahawa UMNO tidak mungkin ditubuhkan dalam jangka waktu yang singkat kerana orang-orang Melayu memberi sepenuh sokongan kepadanya.

Dr. Mahathir boleh menubuhkan parti sendiri. Tetapi barangkali dia berundur setelah melihat nasib yang dihadapi oleh Datuk Onn dan Encik Aziz Ishak,

maka hal itu mungkin juga berlaku kepada dirinya kalau dia berbuat tindakan yang serupa. Pengajaran ini sedikit sebanyak menyebabkan Dr. Mahathir terus menaruh keyakinan kepada UMNO walau pun beliau berbalah dengan UMNO. Krisis ini diakhiri oleh UMNO dengan menerima semula permohonannya untuk menjadi anggota baru setelah lama menunggu tidak jemu-jemu.

Lima krisis UMNO yang terbesar ini sebenarnya sudah mengancam UMNO, tetapi apa yang membenamkan krisis itu sendiri ialah kebulatan tikad orang-orang Melayu yang menerima UMNO sebagai payung berteduh dari hujan dan panas. Itulah hakikat yang ada pada UMNO setelah hampir 30 tahun bertunjang dalam politik tanah air.

### **TANDUS PIMPINAN**

Setelah Kerajaan Lim Yew Hock di Singapura dijatuhkan oleh PETIR di bawah pimpinan Mr. Lee Kuan Yew dalam tahun 1959, pimpinan UMNO Singapura pada ketika itu tidak padu lagi di bawah Datuk(sekarang bergelar Tan Sri) Abdul Hamid Jumat. Perpecahan dalam parti terbayang dengan nyata. Untuk mengatasi krisis pimpinan ini, UMNO tidak berusaha mencari seorang pemimpin dari anggota parti tempatan yang ramai itu. Ibu Pejabat UMNO di Kuala Lumpur selepas tidak dapat menyelesaikannya, lalu menghantar Encik Mohd Khir Johari untuk menjadi Ketua UMNO Singapura.

Encik Khir Johari pernah di pilih untuk menjadi Ketua Perhubungan UMNO Pulau Pinang bila UMNO di situ menghadapi krisis. Apabila Tan Sri Ghazali Jawi di hantar ke Mesir untuk menjadi Duta setelah

berdepan dengan krisis di Perak, maka Tun Razak telah mengambil alih jawatan Ketua Perhubungan UMNO negeri itu. Tun Razak juga pernah mengambil alih Ketua Perhubungan UMNO Kelantan dan Trengganu. Demikian juga dengan Datuk Senu bin Abdul Raham, Setiausaha Agung UMNO sekarang, pernah diangkat menjadi Ketua Perhubungan UMNO Negeri Sembilan, ketika beliau menjadi Menteri dalam kabinet Tunku Abdul Raham dulu.

Tetapi lebih jauh lagi bila UMNO Bahagian Kemaman telah tidak dapat mengatasi krisis pimpinannya berikut dengan perselisihan faham antara Haji Wan Yahaya dan Allahyarham Datuk Taha bin Embong yang menjadi Ketua Bahagian di situ, maka Tun Razak yang ketika itu menjadi Timbalan Yang di Pertua Agung UMNO telah bertindak mengambil alih jawatan Ketua Bahagian Kemaman. Haji Wan Yahaya kemudian berhenti dari UMNO dan masuk menyebelahi PAS.

Cara UMNO mengatasi krisis seperti ini berjalan hingga sekarang. Berikut dengan pengunduran Haji Nik Hassan bin Haji Wan Abdul Rahman dari Menteri Besar Trengganu dan Ketua Perhubungan UMNO Negeri itu, maka buat kali keduanya UMNO Perhubungan Negeri Trengganu telah diambil alih oleh Tun Razak. Tun masih menjadi Ketua Perhubungan Negeri Trengganu ketika buku ini selesai ditulis.

Apa yang dilakukan oleh UMNO itu dalam beberapa hal ada lojiknya, kerana ia dapat mengatasi krisis-krisis di tempat-tempat tersebut. Krisis UMNO Singapura tadi berakhir. Pemimpin-pemimpin tempatan yang saling bertentangan sebelumnya tidak lagi bercakaran sesama sendiri dalam masaalah pimpinan. Tetapi tidak pula dapat dijamin bahawa kedatangan Encik Khir Johari ke Singapura itu dapat mendamaikan



DATUK HAJI HARUN IDRIS

selisih faham antara seorang tokoh dengan tokoh yang lain. Yang nyata, mereka dapat duduk bersama-sama ketika Encik Khir datang mempengerusikan mesyuarat atau datang untuk membincangkan perjalanan parti.

Bagaimana pun UMNO Singapura berikutan dengan kedatangan Encik Khir Johari itu menyediakan pula seorang tokoh tempatan, Haji Ahmad Taff, untuk mengambil alih pimpinan kiranya Encik Khir Johari mahu menyerahkan pimpinan. Sesungguhnya inilah yang berlaku bila beliau mengakhiri perkhidmatannya itu.

Dalam beberapa hal tindakan Ibu Pejabat dan tindakan Encik Khir itu semacam satu kejayaan juga kerana sengketa pimpinan itu dapat diatasi. UMNO Singapura sesudah itu nampaknya dapat berjalan mengikut cara-cara yang dikehendaki oleh organisasi di bawah pimpinan Haji Ahmad Taff.

Kejayaan besar Encik Khir Johari dalam hal ini ialah dapat menimbulkan Ahmad Taff di tengah-tengah krisis itu. Tetapi tidak pernah ada dalam kajian tentang apakah sebab-sebab maka pimpinan Ahmad Taff itu tidak tercabar? Adakah kerana berkesannya tindakan Ibu Pejabat UMNO atau suasana politik di Singapura itu sendiri tidak menggalakkan sangat orang-orang Melayu yang berkebolehan dan berkemampuan untuk melibatkan diri dalam politik?

Melihat kepada perkembangan politik di Singapura, maka peluang bagi orang-orang Melayu untuk meningkat dalam politik memang susah. Seseorang ahli politik yang berjaya harus mempunyai tapak yang kuat. Singapura bukanlah tapak yang menjamin bagi seorang Melayu untuk berpolitik, istimewa politik UMNO. Oleh itu orang-orang yang punya kebolehan tentunya merasa lebih mudah bekerja dengan Kerajaan atau menyertai parti-parti lain dari



menyertai UMNO yang seluruh penyokongnya adalah orang-orang Melayu dan parti itu pula bertapak di Semenanjung.

Dan satu punca lagi ialah pengunduran terus Tan Sri Abdul Hamid Jumat dari kegiatan pimpinan UMNO Singapura kerana beliau ditawarkan berkhidmat sebagai diplomat Malaysia. Tetapi apakah suasana itu mudah ditenteramkan kiranya Tan Sri Abdul Hamid Jumat tidak melepaskan kecenderungan bergiat dalam politik Singapura itu?

### **PULAU PINANG**

Kemudian kita cuba memerhatikan perkembangan di Pulau Pinang pula. Negeri itu adalah sebuah lagi kawasan yang tandus pemimpin. Sesudah tidak bergiatnya Allahyarham S. M. Zainal Abidin dan tersisihnya Cikgu Mohd. Noor Ahmad, maka tidak ada orang-orang terkemuka yang muncul begitu saja untuk memimpin UMNO Pulau Pinang.

Ibu Pejabat mengangkat Encik Khir Johari sebagai Ketua Perhubungan. Krisis pimpinan berakhir semasa Encik Khir memegang jawatan itu. Tetapi Encik Khir sendiri tidak boleh terus menerus menjadi pemimpin UMNO Negeri itu kerana beliau sendiri disamping bukan orang Pulau Pinang, juga mempunyai lain-lain tugas dalam parti.

Masaalah tentunya timbul semula bila Encik Khir terpaksa meninggalkan UMNO Pulau Pinang. Seolah-olah tidak terdapat orang yang benar-benar layak atau dapat dipercayai oleh Encik Khir bagi mengisi kekosongan itu. Dalam keadaan seperti ini orang yang hendak menggantikan Encik Khir itu mistilah seorang yang dipercayai olehnya. Encik Khir mungkin dapat orang-orang tertentu, tetapi apakah orang itu dapat

diterima oleh orang ramai? Persoalan ini nampaknya tidak dapat dipecahkan oleh UMNO bila Encik Khir berundur.

Bagaimana pun bila Encik Khir berundur, Perhubungan UMNO Pulau Pinang dipegang oleh Datuk Syed Hasan Aidid, seorang tokoh UMNO di Bandaraya Pulau Pinang dan seorang saudagar intan berlian yang terkemuka. Datuk Syed Hassan seorang yang dihormati oleh masyarakat sekelilingnya kerana beliau seorang yang baik. Tetapi UMNO Pulau Pinang tentulah tidak cukup sekadar mempunyai seorang pemimpin yang baik semata-mata. Ia tentu memerlukan lebih dari itu, seorang pemimpin yang dinamis dan gigih. Oleh itu sehingga hari ini soal pimpinan di Pulau Pinang itu tidak juga selesai, dan inilah sebabnya Perikatan Pusat menjelang pilihanraya 1974 mengirim Tan Sri Ghazali Shafie untuk memimpin Perikatan negeri itu.

Kiranya langkah pengiriman seorang dari Ibu Pejabat itu bertujuan untuk mengatasi masalah UMNO seluruhnya, nyatalah ia kurang berjaya. Dan kalaulah berjaya tentulah tidak perlu Tan Sri Ghazali Shafie yang tidak pernah ada sebarang hubungan dengan Pulau Pinang sebelumnya boleh dihantar memimpin parti.

## PERAK

Masalah ini juga berlaku di negeri Perak. Sesudah Tan Sri Ghazali Jawi dihantar ke Mesir maka negeri itu terdedah kepada kekosongan pimpinan. Dato' Shaari Shafie tidak berjaya menyatukan UMNO Negeri itu. Dan beliau tidak berkemampuan untuk menerima atau mengambil alih pucuk pimpinan parti yang ketika itu dipegang oleh Tun Razak.

Tempoh Dato Shaari yang tidak memperlihatkan

sebarang bakatnya itu berakhir menjelang pilihanraya umum tahun 1964. Dato' Seri Ahmad Said pula dipilih menjadi Menteri Besar dan Timbalan Ketua Perhubungan UMNO negeri Perak. Tetapi tempohnya berakhir juga dalam tahun 1970. Tempatnya digantikan oleh Dato' Seri Haji Kamaruddin bin Mohd. Isa.

Dalam masa 12 tahun ketiadaan Tan Sri Ghazali Jawi itu pentadbiran UMNO Negeri Perak bolehlah dikatakan mengikut apa yang dikehendaki oleh Tun Razak yang berpangkalan di Kuala Lumpur. Orang lain tidak begitu dapat membantu Tun Razak dalam menentukan corak pentadbiran parti. Walau pun Tun Razak ada mengangkat Timbalannya sepanjang beliau menjadi Ketua Perhubungan itu, tetapi Timbalannya itu tidak berupaya menggantikannya.

Keadaan yang berlaku di Perak itu sangat mengagumkan ramai orang. Orang hampir-hampir tidak percaya bahawa UMNO Perak tidak berdaya mendapatkan seorang yang pandai untuk menjadi pemimpin UMNO, pada hal Perak adalah sebuah negeri yang terkenal mempunyai ramai cerdik pandai. Di jabatan-jabatan kerajaan di Kuala Lumpur dan di mana-mana juga di negara ini terdapat ramai anak Perak yang berpelajaran tinggi yang memegang jawatan-jawatan penting.

Ketandusan ini berbunga dari semenjak mula-mula perkembangan UMNO lagi. UMNO Perak yang dulunya di bawah pengaruh Dato' Panglima Bukit Gantang telah menentang keputusan UMNO untuk mencapai kemerdekaan dalam waktu yang secepat mungkin. Berikut dengan itu habis bahagian-bahagian UMNO di negeri Perak keluar dari UMNO kecuali Bahagian Bagan Serai yang diketuai oleh Ghazali Jawi (sekarang Tan Sri). Kejadian ini berlaku tidak lama selepas Tunku mengambil alih pimpinan UMNO. Mulai

dari waktu itu habislah orang-orang bijak pandai Perak keluar dari UMNO.

UMNO Perak yang lumpuh itu kemudiannya dibangunkan semula oleh Tan Sri Ghazali Jawi. Beliau tidak cuba membawa orang-orang yang berpelajaran berjuang bersama-samanya. Kebanyakan mereka yang berjuang bersama-sama dengannya ketika itu adalah orang-orang yang cuma boleh menjadi ketua bagi peringkat cawangan-cawangan sahaja.

Tokoh UMNO yang terkemuka dari Perak sebelum merdeka, selain dari Tan Sri Ghazali Jawi ialah Encik Bahaman Shamsuddin. Beliau yang berasal dari Negeri Sembilan ini mula-mula memenangi pilihanraya tahun 1955 bagi kawasan Teluk Anson. Sesudah beliau menjadi menteri, beliau balik berpindah ke Negeri Sembilan.

Tan Sri Ghazali Jawi mempunyai keupayaan menggerakkan parti. Ini telah terbukti dari apa yang ditunjukkannya di Perak. Beliau berjaya menggembelingkan tenaga orang ramai untuk bersama-sama dengan UMNO menuntut kemerdekaan dan memerintah negeri. Mengikut Tunku Abdul Rahman Putera dalam siri rencana "Looking Back" yang disiarkan oleh akhbar "The Star" Pulau Pinang bahawa Tan Sri Ghazali Jawi cuma seorang pegawai kecil saja dalam Jabatan Parit dan Taliair. Beliau tidak ada apa-apa kalau dibandingkan dengan pegawai-pegawai Kerajaan yang diketuai oleh Dato' Panglima Bukit Gantang pada ketika itu.

Bagaimana pun, Tan Sri Ghazali Jawi lah yang menghidupkan UMNO Perak, dan bertanggungjawab atas kemenangan Perikatan dalam pilihanraya tahun 1955. Beliau jugalah yang bertanggungjawab menumbangkan ketokohan Dato' Panglima Bukit Gantang dan beliaulah Menteri Besar pilihan rakyat

yang pertama di negara ini apabila Dato' Bukit Gantang meletakkan jawatan Menteri Besar Perak kira-kira setahun lebih sebelum merdeka.

Ini adalah satu kejayaan besar dan memperlihatkan kemampuan seorang yang berpelajaran sederhana membina satu tenaga politik yang berjaya. Tetapi beliau tidak mempunyai kemampuan untuk mendapatkan seorang pemimpin politik yang berbakat untuk UMNO Negeri Perak. Kegagalannya itu menyebabkan Perak terumbang ambing dan hingga hari ini masih tercari-cari siapakah yang akan memimpin Perak selain dari Tan Sri Ghazali Jawi.

Satu lagi sebab mengapa Perak tidak punya pemimpin ialah kerana pada peringkat awal penubuhan UMNO keseluruhan orang bijak pandai - tentunya pegawai-pegawai Kerajaan - adalah memihak kepada Dato' Panglima Bukit Gantang dan mereka begitu antagonis terhadap Tan Sri Ghazali Jawi. Apabila kumpulan Dato' Panglima Bukit Gantang, kebanyakannya anggota NAP (Party Kebangsaan Perak) tewas, rasa permusuhan itu terikut-ikut sama. Selepas itu Tan Sri Ghazali Jawi tidak segera mengusahakan pengambilan orang-orang yang boleh memimpin parti seperti yang dapat ditunjukkan oleh UMNO Negeri Johor yang membawa Datuk Musa Hitam, Datuk Ali Haji Ahmad dan Datuk Muhamad Rahmat.

Ini mendedahkan UMNO Negeri Perak dalam keadaan yang tidak setabil sesudah ketiadaannya. Kedatangan Tun Razak ke Perak berjaya menghindarkan kelemahan parti, tetapi soal pemimpin tempatan tetap tidak selesai juga.

Dalam masa ketiadaan Tan Sri Ghazali Jawi tidak ada percubaan yang tegas untuk melahirkan pemimpin tempatan. Keadaan yang wujud di Perak tidak sama dengan lain-lain negeri. Pegawai-pegawai muda

Kerajaan tidak mahu tampil ke hadapan disebabkan komposisi pengundi di Perak tidak benar-benar menjamin kerusi selamat bagi Menteri Besar UMNO. Dari 40 buah kawasan pilihanraya Dewan Undangan Negeri, kurang dari separuh yang benar-benar bermajoritikan pengundi-pengundi Melayu. Justeru itu, tidak ada orang yang berkebolehan mahu mencuba nasib mereka kalau tidak dengan jaminan-jaminan yang nyata.

Satu lagi sebab mengapa UMNO Perak tidak berupaya mencungkil bakat-bakat terpendam ialah kerana tidak adanya para menteri yang datang dari Perak yang boleh memilih Setiausaha Politik yang kemudiannya boleh menjadi pemimpin. Tan Sri Sardon Jubir, umpamanya, dengan inisiatifnya memilih pemuda-pemuda Johor yang berbakat untuk menjadi Setiausaha Politiknya secara bergilir-gilir dari Datuk Musa Hitam kepada Datuk Muhamad Rahmat dan akhirnya Encik Abdul Jalal Abu Bakar. Orang-orang ini kemudiannya dapat diketengahkan untuk jadi pemimpin.

Encik Khir Johari memilih Encik Sharif Ahmad dari Pahang untuk menjadi Setiausaha Politiknya. Miskipun Encik Khir tidak memilih orang senegeri dengannya, tetapi Pahang sedikit sebanyak berjaya mendapat seorang pemimpin melalui cara ini. Tetapi secara kebetulan, tidak ada seorang pun orang dari Perak yang terpilih untuk jadi Setiausaha Politik. Oleh itu, melalui cara ini pun Perak tidak juga beroleh sesiapa untuk ditonjolkan.

Kemungkinan anggota UMNO Negeri Perak untuk merebut jawatan ketua atau jawatan penting parti bagi negeri itu tidak begitu menggalakkan kerana mereka tidak berupaya atau tidak tergamak berbuat sesuatu disebabkan jawatan ketua itu dipegang oleh Tun Razak



DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN

sendiri. Oleh kerana seorang pemimpin utama negara memegang jawatan Ketua tentunya semua pihak berpuashati, dan oleh itu tidak terdaya sesiapa pun untuk merebutkan sebarang jawatan kerana perbuatan seperti itu nanti akan dianggap tidak sopan kepada pemimpin atau tidak syukur dengan peluang adanya seorang pemimpin besar seperti Tun Razak itu sedangkan tidak semua negeri lain berpeluang untuk berketuakan beliau.

Tetapi apabila setahun dulu Tun Razak melepaskan jawatan Ketua Perhubungan itu, maka terdapat perbalahan yang hebat di kalangan pemimpin-pemimpin UMNO Negeri Perak. Anggota-anggota UMNO tidak dapat mempertikaikan pemilihan terhadap Tan Sri Ghazali Jawi menjadi Ketua Perhubungan sebab kuasa mutlak lantikan itu adalah hak Presiden, tetapi soal pemilihan Menteri Besar telah menjadi ribut.

Dengan sendirinya pengirisan seorang dari Ibu Pejabat untuk mengatasi soal krisis pimpinan UMNO negeri Perak tidak dapat diselesaikan dengan mudah. Ia dapat dipadamkan ketika jawatan itu dipegang oleh Tun Razak, tetapi ia kembali berkocak bila Tun Razak melepaskan jawatan itu.

Kekecohan sesudah Tun Razak melepaskan pimpinan terus UMNO Negeri Perak mungkin merupakan suatu yang bersifat sementara. UMNO Perak kerana patuh kepada pimpinan Ibu Pejabat akan menerima segala keputusan dengan berbagai perasaan, meski pun terdapat semacam ketenangan sesudah memberi peluang beberapa ketika kepada Tan Sri Ghazali Jawi untuk mengatasi hal itu tetapi ianya tentulah mengorbankan beberapa orang ahli-ahli UMNO.



## KELANTAN

Kelantan adalah juga sebuah negeri yang cuba diselesaikan ketandusan pimpinan melalui proses yang serupa. UMNO Kelantan tentulah berbeza keadaannya dengan lain-lain negeri kerana negeri itu dikuasai oleh PAS. Pimpinan Tengku Indera Putera dan Datuk Nik Hassan Yahaya tidak dapat mengatasi kelemahan UMNO Kelantan.

Dalam gelombang PAS yang kuat itulah Tun Razak datang memegang jawatan Ketua Perhubungan UMNO Negeri Kelantan. Dalam beberapa hal tindakan itu adalah dikira lojik. Pemimpin-pemimpin UMNO tempatan terkulai satu demi satu akibat kuat dan kencangnya pengaruh PAS. Tidak ada pemimpin tempatan boleh bangun dalam waktu yang singkat. Ini memaksa Tun Razak datang sendiri memimpin UMNO Negeri Kelantan. Itu pun terpaksa menempuh jalan-jalan yang berliku-liku.

Kemudian Datuk Wan Abdul Kadir bin Ismail dihantar ke Kelantan untuk membuat kerja-kerja yang radikal bagi menguatkan UMNO Kelantan. Datuk Wan Kadir telah berhijrah terus ke negeri itu untuk beberapa ketika. Beliau sesungguhnya telah membuat langkah yang nikad dengan memujuk beberapa orang anggota Dewan Undangan Negeri PAS untuk menyeberang ke khemah UMNO. Usaha Wan Kadir ini agak menarik perhatian kerana telah diumumkan empat orang anggota PAS termasuk Speakernya Ustaz Abdullah bin Haji Yusuf telah melompat dari PAS kepada UMNO.

Peristiwa ini berlaku beberapa hari saja menjelang sidang Dewan Undangan Negeri. Ia sangat menggemparkan dan kalau kena caranya Kerajaan PAS boleh tumbang seperti juga nasibnya dengan Kerajaan PAS Trengganu yang dipimpin oleh Encik Daud Samad

yang dibentuk selepas pilihanraya tahun 1959 dan dapat hidup selama dua tahun lapan bulan sahaja.

Tetapi apa yang memeranjatkan, anggota-anggota Dewan PAS yang sudah berikrar hendak melompat ke pihak UMNO, sudah pun keluar dalam siaran TV dan akhbar-akhbar, sudah menemui Setiausaha Agung di IBU Pejabat UMNO, tiba-tiba berubah fikiran terus melompat semula ke khemah PAS bila Dewan Undangan Negeri Kelantan membincang usul undi tidak percaya kepada Kerajaan PAS. Usul itu telah dibawa oleh anggota UMNO.

Angkara lompat dan lompat semula ini adalah satu episod sedih yang paling menyayat jiwa UMNO. Bagaimana pun UMNO Negeri Kelantan tentulah tidak dapat hendak disalahkan kerana kegiatan itu adalah didaya usahakan oleh seorang tokoh UMNO yang bukan datang dari Kelantan. Datuk Wan Abdul Kadir Ismail yang menjalankan usaha lompat tak jadi itu adalah wakil dari Ibu Pejabat UMNO. Oleh yang demikian kejadian itu haruslah dipikul oleh Ibu Pejabat UMNO sendiri.

Bertolak dari sinilah pimpinan UMNO Kelantan itu sedikit demi sedikit diserahkan kepada tokoh-tokoh tempatan. Mula-mula Datuk Abdullah Mahmud (Allahyarham), bekas Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan telah dilantik oleh Tun Razak menjadi Setiausaha Perhubungan UMNO Negeri Kelantan. Sesudah itu UMNO bertemu pula dengan Tan Sri Tengku Razaleigh Hamzah yang baru pulang dari England yang kemudiannya memainkan peranan yang hebat dalam politik Kelantan dan politik negara.

Tan Sri Tengku Razaleigh mula berdamping dengan UMNO dalam tahun 1962 ketika Tunku Abdul Rahman menjadi Yang Di Pertua Agung Parti. Sebelum tahun 1969 beliau dipilih menggantikan Tun Razak

sebagai Ketua Perhubungan UMNO Negeri Kelantan. Tahun 1971 menjadi Pengurus Perikatan menggantikan Tan Sri Nik Ahmad Kamil. Tidak banyak orang yang menyangka bahawa pemilihan itu suatu yang tepat. Orang cuba mempertikaikan kebeliaannya dengan latar belakang pendidikannya yang didapati dari negeri Barat itu. Apakah latar belakang yang demikian sesuai untuk negeri Kelantan?

Dan apakah sifat yang ada padanya berdaya menandingi Datuk Mohd. Asri? Pada hal jiwa orang-orang Kelantan begitu bulat kepada agama, dengan sekolah-sekolah pondok yang begitu banyak, maka orang tertanya-tanya dan ragu-ragu apakah Tunku Razaleigh boleh menjadi pemimpin UMNO yang berbakat untuk menentang Datuk Asri yang populer ketika itu.

Tetapi dalam masa yang singkat beliau telah menunjukkan keupayaannya dan telah membuat banyak kerja yang memberangsangkan untuk menghadapi pilihanraya umum 1969. Sedikit demi sedikit beliau menunjukkan bakat, dan merupakan orang tempatan yang paling berjaya untuk menghidupkan UMNO Kelantan yang sebenarnya tidak berupaya ketika itu. Dengan lain perkataan, Tan Sri Tengku Razaleigh berhak menerima kepujian kerana peranannya yang berjaya memberi nafas baru kepada UMNO Kelantan.

### NEGERI SEMBILAN

Untuk menyelesaikan pergesiran pemimpin-pemimpin UMNO Negeri Sembilan, Ibu Pejabat menghantar Datuk Senu bin Abdul Rahman ke sana. Sebagai Ketua Perhubungan sebenarnya tidak banyak yang dapat dibuat untuk mengatasi hal itu. Sebagaimana di lain-lain negeri yang menghadapi krisis

yang serupa maka UMNO Negeri Sembilan hanya dapat menyingkirkan perbalahannya di hadapan Datuk Senu sahaja. Krisis itu bagaimana pun tidaklah melumpuhkan organisasi parti. Tetapi siapa anak tempatan yang harus memimpin UMNO tidak dapat dipecahkan juga.

Walaupun Datuk Senu ada dalam UMNO Perhubungan, pertentangan antara tokoh dengan tokoh yang lain berjalan juga. Menjelang pilihanraya umum 1969 soal siapa harus menjadi Menteri Besar tidak mudah hendak diputuskan. Pertentangan hebat berlaku antara Tan Sri (Dr.) Mohamad Said, Menteri Besar ketika itu, dengan Datuk Abdul Samad Idris yang menjadi Timbalan Menteri Besar.

Untuk menyelesaikan pertikaian itu, akhirnya UMNO mencari orang yang ketiga iaitu Datuk Mansor bin Osman yang ketika itu menjadi Pengarah Latihan MARA. Datuk Mansor Osman yang kemudiannya terpilih menjadi Menteri Besar Negeri Sembilan juga mengambil alih Ketua Perhubungan. Bagaimana pun peninggalan Datuk Senu dan penggantinya yang disandang oleh Datuk Mansor itu tidak juga dapat menghindarkan pertikaian pimpinan itu.

Menjelang pilihanraya tahun 1974 baru-baru ini, krisis yang bergerak seperti api dalam sekam itu timbul semula dan hampir-hampir berjaya menggoncang kerusi Menteri Besar. Bagaimana pun Datuk Mansor bertanding juga dan kawasannya terpaksa diberikan seluruh tumpuan kerana bimbangkan seteru di luar dan di dalam parti.

Walaupun kedudukan Datuk Mansor sebagai Ketua Parti dan Kerajaan di Negeri Sembilan nampaknya semakin kukuh dengan kerjasama yang rapat dari pegawai-pegawai kanan dari anak-anak Negeri Sembilan yang berpengalaman yang dibawa balik ke negeri itu

dan kalangan parti sendiri, namun krisis itu berjalan juga. Krisis yang lama hapus ditelan masa, tapi yang baru berbunga semula.

## TRENGGANU

Ketiadaan Tan Sri Ibrahim Fikri mendedahkan Trengganu dalam ketiadaan pimpinan. Walaupun Tan Sri Ibrahim Fikri adalah seorang pejuang yang gigih tetapi dalam masa hayat pimpinannya beliau tidak membentuk orang yang kedua. Setelah Tan Sri Ibrahim berundur diri oleh sebab-sebab kesihatan orang banyak menyangka bahawa jawatan Menteri Besar akan diisi oleh Datuk Mansor bin Muhamad, Datuk Sulong Mahmud atau Datuk Wan Ishak Ali. Ketiga-tiga mereka ini adalah anggota EXCO kanan dalam Kerajaan Trengganu dan berpengaruh dalam parti.

Malangnya ketiga-tiga mereka tidak terpilih dan nama yang disebut untuk menggantikan Tan Sri Ibrahim Fikri sebagai Menteri Besar ialah Encik Abdullah bin Jusoh yang tidak mempunyai sebarang kedudukan yang kukuh dalam parti pada ketika itu.

Tetapi entah bagaimana keputusan melantik Encik Abdullah bin Jusoh ditarik balik dalam tempoh duapuluh empat jam sahaja sebelum istiadat mengangkat sumpah dilakukan. Penarikan itu berikutan dengan bantahan ahli-ahli EXCO yang mahukan seorang Menteri Besar yang berada dalam lingkungan ahli EXCO sendiri. Datuk Haji Nik Hassan yang ketika itu menjadi Setiausaha Sulit kepada Perdana Menteri terpaksa berulang alik ke Trengganu menghadapi keadaan ini yang akhirnya merasakan kalau bantahan anggota EXCO itu tidak dilayan maka krisis pimpinan yang lebih terdedah akan berlaku.

Pilihan memenuhi kerusi Menteri Besar Trengganu akhirnya jatuh kepada Datuk Mahmud bin Sulaiman, yang tidak pernah disebut-sebut sebelumnya. Datuk Mahmud bekas seorang guru agama biasa di Kampung Buluh Ulu Trengganu sebelum menjadi wakil rakyat dan tidak ada sebarang kedudukan kukuh dalam parti ketika itu. Bagaimanapun beliau memenangi kerusi Dewan Undangan Negeri Ulu Trengganu Timur dengan majoriti yang paling banyak.

Untuk memberi kekuatan kepada Datuk Mahmud maka dilantik tiga orang penasihat yang terdiri dari Wan Adnan bin Ismail, Datuk Bijaya Di Raja dan Datuk Wan Abdul Kadir bin Ismail. Penasihat-penasihat ini bertindak sebagai orang di belakang tabir bagi menggerakkan kekuatan Datuk Mahmud mengendalikan jentera Kerajaan. Inilah kali pertama dalam sejarah mana-mana negeri sekali pun diadakan jawatan penasihat khas kepada Menteri Besar bagi mentadbirkan Kerajaan bukannya parti.

Perhubungan UMNO Negeri diambil alih oleh Tun Razak sendiri, sementara Datuk Mahmud Sulaiman yang menjadi Menteri Besar cuma hadir dalam mesyuarat Perhubungan sebagai pemerhati saja. Setiausaha Perhubungan ketika itu dipegang oleh Wan Adnan bin Ismail yang kemudiannya berhenti setelah Datuk Nik Hassan menjadi Ketua Perhubungan dengan alasan hendak menumpukan masa kepada kerja-kerjanya sebagai peguam.

Untuk menghadapi ketandusan pimpinan di Trengganu maka dihantar Datuk Haji Nik Hassan, Ketua Setiausaha Sulit kepada Tun Razak, pulang ke Trengganu untuk menjadi Menteri Besar melalui pilihanraya kecil Batu Rakit pada bulan Ogos, 1971.

Wakil rakyat kawasan Batu Rakit waktu itu ialah Datuk Mansor bin Muhamad yang berkorban

mengosongkan kawasannya untuk Datuk Haji Nik Hassan. Beliau kemudiannya dilantik menjadi seorang Senator mewakili Negeri Trengganu hingga sekarang.

Setelah Datuk Haji Nik Hassan menjadi Menteri Besar Trengganu dalam tahun 1971 itu, maka jawatan Ketua Perhubungan UMNO Negeri Trengganu itu yang sebelumnya dipegang oleh Tun Razak telah diserahkan kepadanya. Bagaimana pun sebelum Datuk Haji Nik Hassan berjaya membentuk tenaga-tenaga pemimpin dalam UMNO berlaku krisis hubungan antaranya dengan Istana.

Sekarang Perhubungan Negeri Trengganu diletakkan di bawah Tun Razak sekali lagi dengan Wan Mokhtar Ahmad, Menteri Besar sekarang, menjadi timbalannya. Trengganu, sama saja dengan lain-lain negeri yang Tun Razak pernah menjadi Ketua Perhubungan tentulah tidak akan mempertikaikan pimpinan Tun itu.

Walaupun pada babak permulaan ketika Encik Ghafar Baba dalam pertemuannya dengan ahli-ahli Perhubungan beberapa hari selepas pilihanraya 1974, menyatakan keputusan Tun Razak untuk mengambil alih Perhubungan terdengar suara ikhlas supaya pimpinan terus diberikan kepada pemimpin tempatan namun suara itu mati setakat itu saja.

Soalan sekarang, apakah tidak mungkin timbul juga nanti pertikaian baru apabila Tun Razak terpaksa meninggalkan jawatan itu? Tun Razak tentu saja memegang jawatan itu untuk sementara saja, apakah sudah benar-benar ada persiapan untuk memastikan akan lahir tokoh untuk menggantikan Tun Razak nanti?

Berdasarkan kepada lain-lain negeri sebelumnya, maka masaalah Trengganu tentulah tidak berbeza.

Dari pengalaman-pengalaman yang ada itu jelaslah bahawa cara menyelesaikan krisis pimpinan UMNO

samada di peringkat Bahagian atau Perhubungan Negeri terpaksa dibuat mengikut cara lain yang lebih sesuai dan demokratik.

Pengiriman pemimpin-pemimpin besar dari Ibu Pejabat nampaknya tidak dapat menyelesaikan persoalan. Kejadian di Perak, di Negeri Sembilan, Pulau Pinang, Kelantan, Trengganu dan beberapa tempat lagi sudah membuktikan bahawa cara itu gagal. Ia dapat meredakan suasana buat sementara waktu yang singkat, tetapi pada jangka panjangnya ia tidak dapat menolong parti berdiri di atas kaki sendiri.

Krisis sebenarnya suatu yang tidak digalakkan berlaku. Tetapi dari segi lain perlulah dikaji mengapa krisis itu berlaku. Ada kalanya sengaja krisis itu ditimbulkan atas dorongan tidak puas hati. Tetapi tidak puas hati itu sendiri timbul dari banyak sebabnya pula. Kadang-kadang sebabnya kerana kelemahan atau penyelewengan dan sebagainya.

Dalam beberapa hal, krisis itu sendiri timbul kerana dibenarkan oleh demokrasi. Demokrasi membenarkan perbuatan tegur menegur. Salahkah seseorang menegur sesuatu yang dirasakan tidak baik? Dan salahkah kalau seseorang membangkang pimpinan orang lain yang dirasakan tidak tegas dan tidak layak? Demokrasi membenarkan amalan itu. Tetapi demokrasi yang mulia itu tidak senang untuk diterima oleh kebanyakan orang. Krisis itu sebenarnya berpunca dari sikap tidak faham menghadapi kehendak-kehendak demokrasi itu.

Cara mengatasi krisis yang ditimbulkan oleh demokrasi itu tidaklah dapat dijalankan dengan cara menghantar seseorang penyelesaian dari atas yang sesungguhnya asing bagi suasana, tempat dan masyarakat satu-satu kawasan.

Cara yang sesuai ialah dengan mewujudkan



pimpinan yang baik dari masyarakat tempatan itu sendiri. Pengiriman Tan Sri Tengku Razaleigh mengatasi keadaan di Kelantan, walaupun datangnya semacam dari atas juga, tetapi beliau adalah "nobody" pada ketika itu.

Dia anak Kelantan yang baru pulang dari seberang laut, dan mendapat pengalaman politik yang pertama di tanah tumpah darahnya sendiri. Dia berjaya. Mungkin orang lain tidak mungkin berjaya sepertinya. Tetapi kalau diutus sepuluh orang sepertinya ke satu masyarakat, apakah tidak mungkin dua atau tiga orang daripada mereka akan berjaya?

Pimpinan politik dalam negara demokrasi harus datang dari bawah. Orang yang datang dari bawah ini akan mengetahui segala masaalah dan kehendak setiap lapisan masyarakat. Dan dia akan diterima oleh setiap lapisan dalam masyarakat itu kerana orang yang datang dari bawah itu biasanya mengalami suka duka hidup dalam berbagai-bagai bentuk dan keadaan. Dia juga, kerana datang dari masyarakat itu tahu kehendak dan hasrat masyarakatnya.

Untuk menyuburkan oraganisasi politik dan demokrasi seperti UMNO adalah perlu anggota-anggota atau pendokongnya kenal siapa pemimpinnya. Tun Razak atau Encik Khir Johari adalah dikenali oleh semua orang dari semua lapisan. Tetapi rakyat di Kelantan atau di Perak tidak mungkin bebas dan lepas berbual dan bergaul dengan kedua-dua tokoh besar ini apabila mereka bertemu. Tentu ada canggongnya. Tetapi rakyat biasa yang serupa dari Pekan dan Kuantan kerana biasa dan mengetahui batang tubuh Tun Razak sejak dari kecil lagi tentulah tidak segan silu untuk bertegur sapa dengannya.

Demikian juga Encik Khir Johari dengan masyarakat di Sungai Petani. Mereka tidak merasa

sebarang kekurangan untuk berbual-bual dengan Encik Khir. Situasi ini perlu diperhatikan untuk memilih ketua yang sejati untuk peringkat Perhubungan, Bahagian dan Cawangan.

Inilah hakikat yang harus difahami oleh Ibu Pejabat UMNO. Sesudah memahami masalah ini, eloklah masalah pimpinan di Cawangan, Bahagian dan Perhubungan Negeri diputuskan oleh masyarakat setempat. Mereka mungkin bergeser, tetapi keputusan ahli-ahli yang ramai adalah muktamat. Demokrasi mengajar kita begitu. Kalau tidak yakin dan takut dengannya, maka orang itu tidaklah sungguh-sungguh mengenal seni demokrasi.

Mengapa percubaan-percubaan menyelesaikan krisis pimpinan UMNO di beberapa buah negeri yang disebutkan tadi tidak sepenuhnya berjaya ialah kerana Ibu Pejabat UMNO cuba hendak bermain dan bertaklid dengan kehendak demokrasi.

### **PEMIMPIN DARI ATAS**

A adalah seorang pemimpin UMNO yang merasa separuh hati saja untuk membantu calon Perikatan dalam satu pilihanraya kecil Parlimen. Dia berasa kecewa dengan pemilihan calon yang ditentukan oleh Ibu Pejabat parti. Dia sebenarnya bukan seorang saja yang bersikap demikian. Ramai lagi orang-orang yang sepertinya merasa kecewa dan tidak puashati dengan pemilihan itu. Tetapi sebagai seorang anggota parti yang setia, yang mahukan partinya menang dengan cemerlang, dan dia mahu kerajaan yang dipimpin oleh partinya menjadi sebuah kerajaan yang baik dan kuat, ia terpaksa membantu calon itu supaya menang.

Dia masuk UMNO tidak dengan tujuan hendak mencari keuntungan dirinya. Dia malah tidak terfikir untuk menjadi wakil rakyat. Tetapi kalau ada pihak

yang mahu dia menjadi wakil rakyat, tentunya dia tidak menolak. Apa salahnya kalau parti memberikan kepercayaan? Tapi yang jelas, A sedia menyokong siapa saja di antara orang UMNO yang bertungkus lumus menghidupkan parti, yang jujur dan berkelayakan diangkat menjadi calon. Yang dia tidak mahu, ialah seorang calon yang ia tidak kenal, yang datang ke kawasannya semata-mata untuk menghadapi pilihanraya itu.

"Kami yang bertungkus lumus menghidupkan parti di kampung-kampung," dia bersungut. "Kami bawa borang dan membahagi-bahagikan kepada orang-orang kampung. Kami terangkan apa faedah masuk UMNO dan apa munafaat yang boleh didapati oleh negara dan rakyat kalau ramai orang macam orang-orang kampung ini menyokong perjuangan UMNO."

A menyambung lagi, "Bila ada satu-satu tindakan yang tidak popular yang dibuat oleh Kerajaan, kamilah yang cuba membelanya. Bermacam-macam helah kami berikan untuk membetulkan perbuatan ketua-ketua dan menteri-menteri UMNO. Kami tidak mahu parti cacat sedikit pun, tidak juga Kerajaan."

Apa hadiah yang A boleh dapat? Belum tentu ada apa-apa. Tetapi A akan berpuashati kalau ada di antara rakan-rakannya dalam UMNO tempatan dipilih untuk jadi calon. Kalau boleh hendak dikatakan hadiah, maka itulah hadiah yang paling besar yang mereka boleh dapat setelah bergerak dalam parti bermati-matian.

Calun Perikatan yang bertanding itu seorang yang berpendidikan tinggi, tahu tentang masalah yang bergolak dalam dunia dan datang dari bandar. Ibu Pejabat Parti mengharapkan yang dia akan menjadi pemimpin UMNO di tempat itu kalau dia menang kelak. Kalau boleh, bukan sekadar menjadi wakil rakyat di

kawasan itu sahaja, malah dia juga boleh menjadi pemimpin yang lebih luas dari itu.

A tidak menentang cita-cita dan harapan Ibu Pejabat. Dia memang berkehendakkan pemimpin yang baik dan bertanggungjawab. Tetapi A, macam juga lain-lain aktivis UMNO mahu tahu dari dekat siapa orang itu? Bila masanya dia masuk UMNO? Dan sejauh mana dia telah menunjukkan jasa kepada UMNO?

"Yang kami takut," kata A, "sesudah pilihanraya nanti dia balik ke bandar dan mengangkat salah seorang teman-teman saya atau saya sendiri menjadi wakilnya." Mengikut A kejadian seperti ini berlaku sudah berulang-ulang. Wakil itu, paling rajin datang ke kawasannya sebulan sekali. Apa yang berbangkit nanti, samada masalah tempatan atau masalah nasional, yang mendorong orang ramai tidak puashati, maka orang macam A itulah yang terpaksa menghadapinya. Mereka nantinya akan berhadapan dengan segala macam pengundi.

Apa yang dihadapi oleh A itu adalah masalah yang banyak dikongsi oleh anggota-anggota UMNO yang lain hari ini. Hal ini tidak begitu mendapat perhatian Ibu Pejabat UMNO, atau UMNO sendiri tidak punya satu peraturan yang tegas tentang cara-cara pemilihan calon. Apakah Ibu Pejabat UMNO benar-benar tahu tentang rasa tidak puashati setengah-tengah anggota UMNO seperti yang digambarkan itu?

Dan apakah memadai bagi Ibu Pejabat UMNO mengabaikan rasa tidak puashati itu dengan alasan bahawa adalah mustahil untuk memuaskan hati semua orang? Atau apakah bijak bagi pemimpin-pemimpin UMNO berfikir bahawa apalah orang seperti itu tahu tentang masalah pemilihan calon yang sesuai? Atau apakah sudah difikirkan betul-betul bahawa soal pemilihan calon itu bukanlah perkara yang harus

difikirkan oleh ahli-ahli UMNO, tetapi adalah menjadi masaalah pemimpin-pemimpin tertinggi dan Ibu Pejabat UMNO?

Kiranya Ibu Pejabat Parti sudah berpuashati dengan langkah dan anggapannya itu, apakah ia sudah berfikir tentang natijah-natijah kalau anggota-anggota UMNO di kampung-kampung tidak lagi berminat untuk mengedarkan borang keanggotaan UMNO dan tidak lagi mahu sebok-sebok mengajak orangramai menyertai parti? Apakah peranan yang dimainkan oleh anggota-anggota aktivis UMNO di cawangan dan bahagian itu akan dilaksanakan pula oleh calun-calun ketua yang belum diuji itu? Dan apakah orang-orang yang berpelajaran tinggi yang sebok di kota-kota itu akan punya masa yang cukup untuk mengembara ke setiap desa bagi memujuk orangramai untuk menyertai UMNO? Atau apakah mereka sejujur orang-orang UMNO desa apabila mereka datang menyebarkan dakyah parti ke kampung-kampung?

Agak banyak lagi soalan yang belum dan perlu dijawab dalam menentukan sikap menghantar seorang calun atau bakal ketua parti secara tiba-tiba dari Ibu Pejabat itu. Pucuk pimpinan parti sebenarnya bertanggungjawab untuk memastikan yang setiap cawangan dari bahagian serta perhubungan dipimpin oleh orang-orang yang jujur, berkeelayakan dan mampu menggerakkan parti sesuai dengan kehendak-kehendak zaman dan matalamat perjuangannya.

Dalam banyak hal UMNO sudah menunjukkan bahawa ia punya caranya yang tersendiri untuk membawa orang cerdik pandai ke dalam parti dengan berbagai gaya supaya orang itu nantinya boleh memimpin parti. Dalam masaalah ini mereka yang dikira cerdik pandai dan berkebolehan itu lazimnya terdiri dari pegawai-pegawai tinggi Kerajaan atau pegawai-pegawai



TAN SERI SYED JAAFAR ALBAR

kerajaan yang sudah bersara.

Dato Harun Idris adalah satu dari yang awal sekali dalam masaalah ini. Menjelang pilihanraya umum 1964 UMNO Selangor berhadapan dengan ketiadaan orang yang munasabah untuk menjadi Menteri Besar Selangor.

Dato Abu Bakar Baginda yang menjadi Menteri Besar ketika itu tidak lagi dapat dikira efektif bagi Negeri Selangor yang berkembang pesat dari berbagai-bagai bidang itu.

Selangor sebuah negeri yang menjadi pusat segala pertubuhan dan tamaddun moden. Kuala Lumpur terletak di dalamnya. Kuala Lumpur sendiri memiliki sifat metropolitan yang berkembang pesat dengan berbagai-bagai perniagaan dan perusahaan. Pertumbuhan indasteri-indasteri digalakkan berkembang dengan secepat-cepatnya. Sebagai tempat terletakkannya Ibu Kota, maka di negeri itu juga berlangsung berbagai-bagai persidangan antara bangsa, dan ia juga akan dikunjungi oleh segenap lapisan manusia dari segenap penjuru angin termasuk ketua-ketua negara asing. Memandang kepada kehendak-kehendak ini, Selangor berkehendakkan seorang Menteri Besar yang mempunyai kebolehan dan kemampuan yang besar.

Hingga ke saat akhir UMNO tidak dapat mencari calon dari para aktivis UMNO yang sudah sedia ada. Syarat-syarat yang perlu ada kepada Menteri Besar Selangor tidak ada pada anggota-anggota UMNO Selangor yang ada itu. Atas kehendak-kehendak inilah maka UMNO memilih seorang yang berkelulusan undang-undang dan berkhidmat sebagai Penasihat Undang-undang Kerajaan Selangor bernama Harun bin Haji Idris (Datuk) untuk menjadi calon Perikatan di Morib.

Ketika itu UMNO Bahagian Morib sudah pun menyediakan calonnya Encik Abdul Samad Maharud-



din. Atas kehendak parti maka Abdul Samad Maharuddin mengundurkan diri untuk memberi jalan kepada Datuk Harun Idris. Beliau di terima oleh parti dan rakyat. Demikianlah Datuk Harun Idris mendapat tempat dalam politik sesuai dengan kata-kata pujangga agung Inggeris William Shakespeare, "Greatness Trust upon them (him)."

Sesungguhnya UMNO telah membuat satu pilihan yang baik dengan menempatkan Datuk Harun ke tempatnya yang ada sekarang. Pertimbangan yang dibuat oleh UMNO untuk mencari seorang yang berkebolehan dengan syarat-syarat yang mesti ada bagi seorang Menteri Besar Selangor itu adalah suatu yang bijak. Selangor tidak mudah menghadapi masaalannya kiranya ia gagal untuk mendapatkan seorang Menteri Besar yang begitu rupa. Dan keputusan mengemukakan Datuk Harun Idris di saat yang terakhir dengan cara yang agak dramatik itu adalah satu langkah berani yang mesti diambil oleh organisasi politik.

Dengan sokongan-sokongan dan kepercayaan yang diberikan oleh UMNO dan rakyat, Datuk Harun tidak berdepan dengan banyak masalah untuk menyesuaikan dirinya dengan UMNO dan cara-cara bergerak UMNO. Latar belakangnya sebagai seorang ahli undang-undang dan giat dalam sukan tidak menghalangnya untuk turun ke bawah menemui rakyat dengan caranya yang tersendiri sehingga sukar bagi sesiapa pun untuk menandingi betapa erat dan berakarnya hubungan beliau dengan rakyat dari segenap lapisan. Betapa kasihnya rakyat kepada Tunku Abdul Rahman dulu dan Tun Razak sekarang maka begitulah kasihnya orang Selangor kepada Datuk Harun dewasa ini. Hanya keadaan-keadaan yang tidak diduga sahaja yang boleh menghilangkan rasa hormat mereka kepada beliau.

Meski pun pilihan itu satu pilihan yang baik dan

tepat, tetapi mengikut proses politik berorganisasi dan kesuburan demokrasi itu sendiri, cara Datuk Harun Idris datang dan menjadi ketua kepada orang-orang Selangor itu bukanlah cara yang bijak yang harus diamalkan oleh UMNO. Kejayaan yang dicapai oleh Datuk Harun itu adalah kejayaan yang sesungguhnya menguntungkan UMNO kerana nasib UMNO baik. Tetapi kejayaan itu tidak harus dijadikan contoh bahawa cara yang serupa itu kalau dilaksanakan semula ditempat lain akan beroleh kejayaan yang serupa juga.

Kejayaan Datuk Harun dengan mendadak dan kemudiam bertakhta dihati rakyat adalah kejayaan peribadinya sendiri yang secara kebetulan dia orang UMNO dan bergerak atas nama UMNO. Tetapi kalau keadaan yang serupa dicubakan pula kepada orang lain, maka belumlah ia menjamin kejayaannya. Dalam hal ini UMNO Selangor memang bernasib baik kerana perjuangan Datuk Harun Idris turun ke bawah diterima oleh rakyat dengan tidak menempuh kepayahan.

Kedatangan Datuk Hamzah bin Datuk Abu Samah, Tan Sri Ghazali Shafie, Datuk Mansor Osman dan banyak lagi adalah mengikut cara ini. Demikian juga dengan Tengku Ahmad Reethaudin, Haji Muhamad Yaakub, Encik Abdullah Majid dan beberapa orang lagi. Apa yang mendorong keadaan ini tentulah banyak di sebabkan oleh kejayaan yang dibuktikan oleh Datuk Harun bin Haji Idris di Selangor itu.

Datuk Harun sendiri cuba mengikut jalan yang pernah ditempuhnya itu dengan membawa Haji Suhaimi bin Datuk Kamaruddin bertanding di Dengkil untuk kawasan Dewan Undangan Negeri tahun 1969 dan dalam satu pilihanraya kecil Parlimen di Kapar, Perikatan meletakkan seorang jurutera bernama Encik Tahir bin Manan. Walaupun Datuk Harun telah diterima dengan mudah oleh rakyat, tetapi Haji Suhaimi

dan Encik Tahir cuba diuji oleh anggota UMNO. Haji Suhaimi agak dikenali ramai sekarang, tetapi ternyata sekarang beliau sedang berusaha keras untuk tiba ke bawah. Manakala Encik Tahir yang bertanding di Kapar menggantikan kerusi Allahyarham Haji Hamzah Alang, meski pun menang, tetapi namanya hilang begitu sahaja sekarang. Ini bererti usahanya untuk turun ke bawah tidak tiba.

Tokoh-tokoh UMNO yang disebutkan tadi kini sedang berusaha keras untuk turun ke bawah. Ahli-ahli UMNO yang sepuluh jong masuk, anjing bercawat ekor juga, tidak mengira siapa yang datang, tetapi bagi ahli UMNO yang tahu sedikit sebanyak politik cuba memersoal keunggulan pemimpin-pemimpin itu. Orang-orang UMNO itu sebenarnya terkemuka dalam masyarakat kerana perkhidmatan mereka di bidang masing-masing. Tetapi apakah mereka sudah lama masuk UMNO? Ada di antara mereka telah menjadi ahli UMNO secara diam-diam sejak bertahun-tahun lamanya, tetapi dimanalah orang UMNO itu tahu kalau tidak dipukul canang lebih dulu?

Adakah mereka sudah menjadi anggota UMNO apabila nama mereka dicadangkan untuk bertanding? Atau adakah mereka dijanjikan kawasan pilihanraya terlebih dahulu sebelum mereka mendaftar diri menjadi ahli UMNO? Adakah orang-orang yang terkemuka itu berani masuk UMNO kalau mereka tidak dijanjikan apa-apa? Adakah mereka sanggup meletakkan jawatan tanpa mengharapkan sesuatu?

Pertanyaan seperti ini wajar ditanya oleh ahli-ahli UMNO kerana mereka adalah anggota pertubuhan politik. Orang politik misti begitu. Kalau orang politik tidak mahu bertanya itu dan ini, maka apalah yang diharapkan dari parti yang mereka menjadi anggotanya?

UMNO sebagai sebuah parti politik yang unggul ten-

tulah berkehendakkan anggotanya yang dinamik. Kalau sepuluh ribu anggota UMNO dalam satu Bahagian menikus sahaja, maka malulah UMNO. Itulah sebabnya Presiden Sukarno dulu mahukan "sepuluh pemuda yang bersemangat supaya dia boleh menggoncang dunia," tetapi seratus, seribu orang tua yang tak bersemangat, dia tidak dapat berbuat apa-apa.

Pemimpin-pemimpin ini tentulah terpaksa menghadapi segala macam pertanyaan yang berlainan pula di atas setiap anak tangga yang mereka pijak untuk turun ke bawah itu. Ada juga yang tersalah pijak anak tangga, terus terguling sebelum sempat tegak.

Disamping itu terdapat juga kecenderungan UMNO memilih calon pilihanraya dari kalangan Setiausaha Politik. Setiausaha Politik ini (Lihat Bab: Setiausaha Politik) adalah orang politik yang tidak tahu kedudukannya. Untuk dikatakan mereka orang politik, mereka tidak punya kawasan pilihanraya dan setengahnya diangkat menjawat jawatan itu kerana dia dikenali oleh menteri, bukan kerana dia orang kuat UMNO. Untuk dikatakan mereka pegawai Kerajaan, mereka tidak tertakluk di bawah peraturan 'am pegawai kerajaan.

Setengah daripada mereka memang bergiat dalam politik. Mereka menjadi anggota di Cawangan dan Bahagian tertentu dan memegang jawatan penting dalam parti di peringkat tertentu. Malah setengah daripada mereka menjadi anggota Jawatankuasa Pergerakan Pemuda UMNO peringkat Kebangsaan. Tetapi ada pula setengahnya tidak pandai membawa diri, dan tidak memegang apa-apa jawatan dalam parti baik di peringkat mana pun.

Lazimnya apabila ada pilihanraya maka ramai antara mereka termasuk dalam senarai calon. Antara mereka yang sudah mengalami proses ini ialah Datuk

Muhamad Rahmat, Encik Sharif Ahmad, Datuk Abdullah Ahmad, Encik Ali Sharif, Encik Muhamad Ujang dan beberapa orang lagi. Tetapi apakah sudah diteliti bahawa Setiausaha Politik ini sendiri sudah benar-benar berjasa dalam politik sehingga menjadikan mereka orang yang paling layak untuk bertanding di satu-satu kawasan itu? Apakah sudah diteliti bahawa mereka sudah punya tapak atau tidak di kawasan yang mereka akan dicalunkan?

Dan setengah dari mereka berkenal dengan UMNO pada ketika mereka hendak diangkat menjadi Setiausaha Politik. Dari kacamata politik keadaan mereka ini tentulah tidak begitu sebatu dengan parti. Oieh kerana mereka mendapat kedudukan bukan kerana parti tetapi kerana menteri, maka mereka tentulah lebih mengambil tahu tentang dan masaalah menteri dari mengambil tahu masaalah rakyat.

Sebarang pemilihan orang-orang yang belum begitu kenal dengan parti dan rakyat, tentulah meletakkan orang itu dalam jurang yang luas antara mereka dan rakyat. Mereka juga berdepan dengan masaalah untuk menyesuaikan diri. Pemimpin seperti ini juga terpaksa turun ke bawah.

Sebagai yang disebutkan tadi bahawa amalan ini tidak patut dijadikan contoh. Kecenderungan ini sebenarnya tidak sedikit pun menguntungkan parti. Selain dari itu akan mendedahkan parti dalam serba kepincangan. Cara ini sebenarnya bukanlah suatu yang sesuai dengan kehendak politik demokrasi yang dinamis. Cara membawa pemimpin turun dari atas ke bawah ini lebih berbau feodal, sedangkan politik yang kita hadapi ialah politik moden.

Pemimpin yang datang dari atas adalah sistem bangsawan zaman purba. Raja mengangkat para menteri dan biduanda dari kalangan orang-orang yang

dikenali di sekitar Istana, bukannya dari orang yang rakyat suka. Lazimnya orang itu adalah anak menteri dan anak orang-orang besar itu sendiri. Mereka ini manalah tahu hal rakyat. Dan setiap orang dikira berjasa kalau dia dapat berbakti kepada Raja dan orang-orang besar dan berbuat baik dengannya. Dalam sistem ini terdapat perbezaan yang luas antara pemimpin dan rakyat.

Bahaya yang akan dihadapi oleh UMNO dalam amalan ini ialah terciptanya pula satu sistem politik bangsawan dalam bentuk yang moden. Orang-orang yang mendapat asas pelajaran yang cukup tidak merasa perlu memulakan perjuangan dari apa yang sepatutnya. Mereka memadai berbaik-baik dengan para menteri dan pemimpin yang berpengaruh. Kalau mereka boleh dipilih menjadi pemimpin parti melalui cara yang mudah ini, apa perlunya mereka bersusah-susah menubuhkan cawangan di kampung-kampung dan membawa borang UMNO ke sana-sini. Kenyataan sudah membuktikan bahawa ramai dari pemimpin-pemimpin sekarang, baik di barisan hadapan mahu pun di barisan kedua, datang melalui jalan yang singkat itu.

Memang dalam politik tidak ada jalan yang singkat untuk naik ke atas. Dan ingatan ini sendiri dibuat oleh Tun Razak ketika berucap di Selayang Baru Kuala Lumpur 23 Februari 1975 ketika merayakan ulangtahun ke-10 UMNO Bahagian Batu. Pada teorinya keadaan itu betul. Orang yang naik mengikut jalan yang singkat tidak mengetahui banyak masalah, terutama masalah di tempat-tempat yang tidak dilaluinya. Dia tidak tahu hal orang bawah. Dia tidak tahu bagaimana perit payahnya membuka cawangan dan bagaimana hendak mendapatkan ramai ahli UMNO dan apa pula yang selalu ditimbulkan oleh orang-orang yang hendak masuk UMNO.

Tidak ada jalan singkat yang dimaksudkan dalam teori itu ialah keadaan itu tidak diterima oleh kehendak politik. Bukan kerana tidak ada orang buat. Bila ada orang buat, amatlah politik itu menuju jalan mundur. Tetapi UMNO sendiri telah membenarkan ramai orang melalui jalan singkat ini. Dalam masaalah ini UMNO harus mengadakan perhatian yang teliti untuk menyekat berleluasanya amalan yang sudah berlanjut itu. Seorang yang cenderung berpolitik, dan peluang yang ada dan terbuka hanya UMNO saja, maka hendaklah dia memulakan kegiatan mengikut saluran yang tertib. Dia harus menyertai UMNO di peringkat Cawangan dan menunjukkan kerja-kerja membina di situ.

Dia harus menjadi pemimpin di peringkat itu. Kiranya dia berjaya di peringkat Cawangan, barulah dia bergerak pula ke peringkat Bahagian. Peluang-peluang untuk naik patutlah diberikan kepada orang-orang yang menunjukkan kebolehan dan kemampuan. Bagaimanapun UMNO pada peringkat awal dulu tentulah tidak diharapkan boleh berbuat demikian kerana ia dalam tahap membangun. Ketika itu ia memerlukan segala rupa bakat dan orang yang berkebolehan. Memang dapat diterima lojiknya UMNO melonggarkan peluang kepada sesiapa saja guna menguatkan parti dan membolehkan ia mendapat orang yang sebaik-baiknya untuk memimpin parti. Pada peringkat parti belum kuat dan belum mempunyai harapan yang cerah, tentu tidak ramai orang yang tertarik untuk menyertainya, istimewa orang-orang yang sudah punya kedudukan dalam masyarakat.

Dalam keadaan itu kiranya UMNO terlalu memilih, maka tentulah sukar baginya untuk mendapat ramai pengikut. Keadaan seperti itu dapat difikirkan oleh sesiapa pun, tetapi janganlah kerana mahu mendapatkan beberapa orang yang berkebolehan, UMNO terpaksa

membuat dasar pintu terbuka, tidak teliti lansung. Dalam keadaan tertentu, UMNO kadang-kadang tidak punya pilihan atau tidak dapat banyak memikir untuk menerima seseorang yang layak menjadi pemimpinnya. Dalam masaalah pencalunan Datuk Musa Hitam di Segamat Utara tahun 1968 adalah satu contoh yang baik untuk diperhatikan. Beliau telah memasukki pilihanraya kecil di kawasan itu kerana menggantikan wakil rakyat Perikatan yang meninggal dunia.

Pencalunan Datuk Musa tidak dibuat dengan mendadak. Namanya dicalunkan oleh sebuah cawangan UMNO di kawasan itu. Dia segera disokong oleh beberapa buah cawangan lain. Datuk Musa walaupun ketika itu tidak menetap di Johor atau di kawasan itu, tetapi beliau adalah seorang aktivis muda UMNO yang sudah diterima oleh parti. Ketika itu beliau tidak lagi menjadi Setiausaha Politik kepada Tan Sri Sardon Jubir. Beliau adalah Setiausaha Kerja UMNO.

Meskipun latar belakang beliau sebelum menjadi Setiausaha Politik tidak begitu jelas sepanjang yang berhubung dengan UMNO, tetapi tidak diragu-ragukan lagi bahawa beliau telah menunjukkan kebolehan mempertahankan keutuhan UMNO. Apakah pandangan politik beliau selari dengan semua kalangan anggota parti adalah satu hal yang lain, tetapi dari kerja-kerja yang beliau tunjukkan semasa bekerja di bawah Tan Sri Sardon Jubir telah memberi faedah kepada UMNO. Dan sesudah dilantek menjadi Setiausaha Kerja UMNO, sebagai orang yang bertanggungjawab kepada Setiausaha Agung Kehormat Encik Khir Johari, Datuk Musa Hitam sering keluar Kuala Lumpur untuk menemui anggota-anggota parti di seluruh negara.

Dalam keadaan ini kedatangan Datuk Musa Hitam itu, meski pun dianggap mendatang juga ke Segamat Utara, tetapi masih dapat ditimbangkan. UMNO boleh



mengambil langkah yang liberal terhadap kes seperti ini kerana Datuk Musa sudah menunjukkan bakat dan jasa. UMNO akan kerugian kiranya bakat yang ada pada Datuk Musa yang pandai membawa diri itu tidak dipupuk dan dipelihara. Tetapi Datuk Musa tentu lebih bertenaga kalau beliau dapat masuk melalui jalan tertib yang disebutkan tadi.

Kemasukan Encik Sharif Ahmad juga menasabah diteliti oleh UMNO. Encik Sharif masuk ke arena politik bersama-sama Datuk Abdullah Ahmad. Kedua-dua mereka adalah wartawan yang dipilih oleh Tan Sri Jaafar Albar untuk mengikuti perkembangan pilihanraya Presiden Amerika tahun 1960. Tan Sri Jaafar Albar ketika itu menjadi Menteri Muda Penerangan dan Penyiaran.

Sepulangnya dari Amerika, Encik Sharif Ahmad dipilih oleh Encik Khir Johari menjadi Setiausaha Politiknya, dan Datuk Abdullah Ahmad pula, yang bekerja di Pejabat Perikataan buat sementara, dipilih oleh Tun Razak menjadi Setiausaha Politiknya.

Encik Sharif Ahmad menunjukkan kerja-kerja yang lincah. Beliau berjaya menjadi anggota Jawatankuasa Pergerakan Pemuda UMNO pusat di bawah pimpinan Datuk Senu Abdul Rahman ketika itu. Beliau adalah yang menjadi arkitek Pemuda UMNO Tahan Lasak yang sangat-sangat terkenal pada akhir tahun 60an dulu.

Dalam pilihanraya umum 1969 nama Sharif Ahmad dicadangkan bertanding di Langat. Hubungan beliau dengan tempat itu adalah biasa sahaja sebelumnya. Tetapi sesudah beliau menjadi wakil Parlimen bagi kawasan itu, maka muka Sharif dapat dilihat di situ pada tiap-tiap minggu. Beliau mengusahakan sedaya mungkin untuk berakar di situ. Tetapi ternyata usahanya itu kurang berjaya. Tentu Encik Sharif memberi alasan bahawa orang-orang UMNO tempatan telah

diasut supaya tidak sukakan beliau. Tetapi apa pun yang orang lakukan, kalau usaha turun ke bawah itu berjaya, orang tidak dapat buat apa-apa. Ekoran dari hubungan seperti itu maka Encik Sharif Ahmad, dalam Pilihanraya umum 1974, telah ditukarkan bertanding dalam kawasan Jerantut.

Pahang adalah sebuah negeri nelayan. Encik Sharif sebenarnya macam juga Datuk Musa Hitam sudah berjasa kepada UMNO dan sedikit sebanyak UMNO sendiri ada mendapat faedah dari kegiatannya. Kerana Encik Sharif sendiri sudah ada nama dalam UMNO, maka UMNO merasakan perlu beliau diberi kawasan. Sekarang Encik Sharif berlumba lagi untuk bertapak di kawasan yang baru. Bagaimanapun Encik Sharif telah berhempas pulas dalam UMNO sejak 10 tahun sebelum beliau mendapat kerusi Parlimen yang pertama tahun 1969.

Datuk Abdullah pula menghabiskan banyak masanya di Jabatan Perdana Menteri di Kuala Lumpur. Dia pergi ke mana sahaja Tun Razak pergi. Oleh itu beliau tidak punya peluang langsung untuk bertapak di mana-mana. Tempat asalnya Kelantan, tetapi beliau jarang-jarang balik ke Kelantan. Dia menjadi Setiausaha Politik lebih awal dari Datuk Musa Hitam dan Datuk Muhamad Rahmat. Tetapi Setiausaha -setiausaha Politik yang lain berjaya mendapat tempat dalam UMNO samada di peringkat cawangan, bahagian atau pusat, tetapi Datuk Abdullah tidak pernah timbul.

Sudah 14 tahun beliau menjadi Setiausaha Politik Tun Razak baru beliau dapat menjadi anggota Parlimen tahun 1974. Sebelumnya dia sendiri tidak tahu apa yang patut dibuat untuk mengukuhkan namanya dalam UMNO. Hanya beberapa bulan menjelang pilihanraya tahun 1974 beliau melancarkan penglibatan terus dalam politik melalui Konvensyen UMNO Kelantan dan

Trengganu. Dalam konvensyen ini beliau mengemukakan kertas kerjanya bersama-sama pemimpin-pemimpin pusat yang lain seperti Tan Sri Ghazali Shafie dan Dr. Mahathir Muhamad. Dan perjuangan Datuk Abdullah untuk mendapat kawasan juga sangat menarik. Beliau jarang balik ke Kelantan, dan di Kelantan ini sendiri sudah cukup ramai orang UMNO yang pandai-pandai yang telah membuat berbagai-bagai kegiatan dalam parti. Bagaimanapun kerana Datuk Abdullah adalah Setiausaha Politik Tun Razak sejak 14 tahun lalu, maka beliau menggunakan kesempatan dan kedudukannya itu untuk mendapat tempat dalam UMNO.

Sekarang Datuk Abdullah berusaha pula untuk menjadi pemimpin rakyat. Adakah beliau akan berjaya?

Samada beliau akan berjaya atau tidak bergantung kepada kemampuan beliau untuk menyesuaikan diri dalam parti sesuai dengan pandangan Tun Razak pada Harijadinya yang ke-53 bahawa "Setiap pemuda yang ingin menjadi pemimpin harus pandai menyesuaikan dirinya lebih dulu dengan parti, sesudah itu baru masuk berjuang."

Kes Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah juga adalah satu contoh yang perlu dikaji oleh UMNO samada dia datang dari atas atau dari bawah. Beliau dalam usia yang begitu muda, di bawah 30 tahun, dilantik menjadi Ketua Perhubungan UMNO Kelantan. Ketika itu beliau baru saja pulang dari belajar di England. Kedatangannya di tengah-tengah UMNO Negeri Kelantan adalah terlalu mendadak.

Kedatangan beliau cuma dipertikaikan siapa dia Tengku Razaleigh yang datang hendak memimpin UMNO Kelantan. Umurnya telalu muda. Sedangkan sudah ramai orang-orang yang lama berjuang dalam UMNO sebelumnya tidak berdaya menghidupkan

UMNO Kelantan. Satu datang, satu terkulai, kerana PAS sesungguhnya begitu kuat, begitu kemas tunjangnya di tengah-tengah rakyat Kelantan.

Apakah anak muda yang tidak ada pengalaman itu boleh berjaya? Fikir banyak pehak dalam UMNO dan pemerhati-pemerhati politik pada babak permulaan Tengku Tan Sri Razaleigh memegang tugas penting dan berat itu. Tetapi beliau sesungguhnya telah menunjukkan kebolehannya yang luar biasa. Beliau dapat memberikan nafas kepada UMNO Kelantan dan sedikit demi sedikit UMNO Kelantan dapat memecahkan tembok PAS di beberapa tempat. Walaupun PAS tidak dapat ditumbangkan oleh Tengku Rzaleigh melalui pilihanraya, dan Kerajaan Kelantan masih di tangan PAS, tetapi hasil pilihanraya 1969 sangat menggalakkan. UMNO mendapat 11 buah kerusi dari 30 yang dipertandingkan bagi dewan negeri dan 4 kerusi Parlimen dari 10 buah kerusi. Dari kejayaan yang dicapai itu jelas membuktikan bahawa UMNO Kelantan yang dipimpin oleh Tengku Tan Sri Razaleigh itu kembali bertenaga.

Dalam masaalah ini tidak ada siapa pun yang dapat memperkecilkan peranan yang telah dimainkan oleh Tengku Tan Sri Razaleigh. Benar beliau datang dari atas. Sebenarnya sepanjang yang berhubung dengan UMNO Kelantan tidak siapa pun yang mahu datang samada ikut pintu depan atau pintu belakang. Tidak ada orang pandai atau orang lama UMNO atau orang ternama negeri yang berani memimpin UMNO Kelantan. Kebanyakannya memikirkan dari memimpin UMNO Kelantan baiklah "terjun laut."

Datuk Abdullah Ahmad yang sudah sekian lama dengan Tun Razak dan banyak memiliki sifat-sifat pimpinan Tun tidak juga berani memimpin UMNO Kelantan pada masa itu. Beliau sendiri malah tidak

tahu hendak berbuat apa-apa. Kalau beliau sebenarnya seorang pemimpin unggul, dia sepatutnya sudah lama boleh memimpin UMNO Kelantan. Tetapi tidak ada orang yang cukup bijak yang berani mengorbankan masa dan tenaga untuk pergi ke Kelantan, kecuali Tengku Tan Sri Razaleigh. Dari kejayaan yang dicapai oleh UMNO Kelantan setakat ini bolehlah dikatakan bahawa Tengku Razaleigh diterima oleh rakyat Kelantan dan beliau berhak menerima sanjungan dan perhormatan.

Tengku Ahmad Rithaudeen dan Haji Muhamad Yaakub yang datang kemudian dari Tengku Razaleigh tentulah tidak dapat menyaingi keistimewaan yang didapati oleh pemimpin muda Kelantan itu. Dalam hal tertentu, kedatangan Tengku Razaleigh, yang pada mulanya tidak dapat dilihat cerah gelapnya masa depan UMNO Kelantan, adalah sama hakikatnya dengan kedatangan Tunku Abdul Rahman Putera dan Tun Haji Abdul Razak ke dalam pimpinan UMNO tahun 1951 dulu. Oleh itu cara masuk Tengku Razaleigh tidak dapat dipertikaikan lagi.

Dari beberapa contoh kedatangan tokoh baru dan muda itu UMNO tentu dapat membuat kesimpulan bagaimana caranya yang harus diamalkan untuk menjaga keutuhan parti supaya ia kekal sebagai sebuah parti yang gagah yang dapat meneruskan perjuangan nasionalism Melayu sesuai dengan kehendak Malaysia.

Sepatah kata Yang Teramat Mulai Tunku Abdul Rahman Putera dalam ucapan sulungnya sebagai Yang Di Pertua Agung UMNO, pada 26hb. Ogos, 1951, "Saya ini bukanlah menaruh perasaan yang sekadar hendak menjadi Yang Di Pertua UMNO saja, saya berpuas hati memegang apa jua jawatan asalkan dapat saya memperhambakan diri kepada bangsa saya. Jika UMNO runtuh nescaya binasalah Melayu sekalian."

Tujuan Tunku menyertai UMNO dan berjuang didalamnya samalah juga dengan hasrat kebanyakan orang-orang kampung yang menganggotai parti itu. Orang-orang yang setengahnya tidak bersekolah, dan kebanyakannya bersekolah atap sahaja, tidak bercita-cita untuk mendapat apa-apa dari parti. Apa yang mereka mahu ialah sebuah Kerajaan UMNO yang baik dan kuat. Kiranya cita-cita itu tercapai, mereka berhasrat untuk berteduh di bawah Kerajaan itu sahaja.

Oleh yang demikian perlulah pemimpin-pemimpin datang dari orang-orang yang sanggup menepati seruan Tunku, "Tiap-tiap pegawai UMNO mistilah berjalan ke merata-rata tempat dan menerangkan dasar perjuangan UMNO kepada semua orang supaya janganlah orang menyangka setelah menerima wang yuran tidak ada apa yang UMNO buat untuk mereka. Di England ahli-ahli pertubuhan siasah bersyarah di atas tong sabun dan di merata-rata simpang jalan, maka kita kenalah mengambil langkah-langkah seperti itu."

Peranan dan tugas ini sudah dijalankan oleh pegawai-pegawai UMNO di cawangan dan Bahagian. Seorang pemimpin yang datang dari bawah ke atas sudah dapat melakukan kehendak ini. Tetapi dapatkah ini dilakukan dengan jayanya oleh seorang pemimpin yang datang dari atas?

Orang-orang yang datang dari atas ini tidak sama mimpinya. Memang antara mereka mempunyai cita-cita UMNO yang luhur, tetapi ramai pula yang datang untuk merebut peluang yang mereka boleh dapat dari UMNO. Motif orang seperti ini lazimnya adalah lebih banyak didorong dari apa yang UMNO boleh beri kepada mereka, dan sedikit sangat apa yang mereka dapat beri kepada UMNO. Oleh kerana agak sukar untuk memastikan siapa di antara mereka yang jujur dan siapa pula "tukang cukur" maka perlulah ditutup saja cara



TAN SERI SYED NASIR BIN ISMAIL

membawa pemimpin masuk dari atas kecuali dengan sebab-sebab yang kukuh.

Kemasukkan ini selain dari memungkinkan lemahnya parti, juga boleh mengubah perjuangan parti. Datuk Senu Abdul Rahman dalam makalahnya berjudul "Falsafah Perjuangan UMNO" yang disiarkan dalam buku "UMNO 20 Tahun" menyebutkan bahawa perjuangan UMNO ialah demokratik Nasionalism. Tun Razak sendiri pun ketika menjawab pertanyaan dari Haji Ahmad Said dari Seberang Prai Utara dalam satu perhimpunan Agung UNMO juga menyebutkan bahawa UMNO berpegang teguh kepada perjuangan "demokratik Nationalism." Dasar ini tentu mudah diselewengkan kalau UMNO tidak berhati-hati. Demokratik Nationalism inilah yang menelurkan demokrasi berparlimen yang ada sekarang yang rasanya sedikit sebanyak telah memberi nikmat kestabilan politik.

Orang-orang yang datang dari atas yang tidak sama mimpinya belum tentu dapat mempertahankan dasar demokrasi itu. Sebagai contoh riak setengah-tengah pihak berhasrat untuk menukarkan sistem pemerintahan Malaysia kepada corak sistem satu parti adalah satu usaha untuk merombak atau mengkaji semula amalan demokrasi dalam UMNO itu.

Usaha ini masih boleh ditangkis oleh UMNO kalau masih ramai anggota-anggota terdiri dari orang yang sudah berakar umbi dalam UMNO. Tetapi kalau pemimpin-pemimpin lebih ramai yang menjadi pemimpin dulu selepas itu baru masuk UMNO, maka masanya akan terlewat bagi UMNO untuk mengekalkan keutuhan dan keasliannya.



### **KONSEP SETIAUSAHA POLITIK.**

Selepas pilihanraya umum 1959, untuk menyempurnakan tugas politik para menteri, setiap anggota kabinet dibenarkan oleh Perlembagaan mempunyai Setiausaha Politik masing-masing. Setiausaha-setiausaha Politik ini diangkat oleh Perdana Menteri, tetapi mereka adalah pilihan para menteri sendiri. Jawatan politik ini mempunyai kedudukan keempat di tiap-tiap kementerian selepas Menteri, Timbalan Menteri dan Setiausaha Parlimen.

Sehingga ini belum ada tugas yang nyata bagi seseorang Setiausaha Politik. Nampaknya dalam amalan selama ini tugas mereka bergantung kepada kemahuan Menteri itu sendiri. Ada para Menteri menggunakan Setiausaha Politiknya itu untuk menjaga kawasan pilihanrayanya seperti yang dibuktikan oleh

Allahyarham Tun Dr. Ismail terhadap Setiausaha Politiknya Allahyarham Haji Abdul Aziz Ishak dulu. Contoh yang sama dilakukan oleh Encik Khir Johari yang walaupun menjadi Duta Besar Di Amerika melantik Encik H. M. S. Hussein menjadi Setiausaha Politiknya yang khusus menjaga kawasan pilihanrayanya.

Allahyarham Haji Aziz Ishak sendiri adalah seorang anggota Parlimen. Sebagai Setiausaha Politik beliau berhijrah ke Kuala Lumpur kerana dia mesti berpejabat di Kementerian Menterinya. Kebanyakan dari tugasnya adalah memerhatikan segala masalah politik yang berbangkit di kawasan pilihanraya Tun Dr. Ismail. Cara ini juga digunakan oleh Allahyarham Encik Abdul Rahman Talib yang mengangkat Encik Ali Sharif sebagai Setiausaha Politiknya. Encik Muhamad Ujang yang menjadi Setiausaha Politik kepada Encik Bahaman Shamsuddin juga banyak bertugas seperti ini.

Setengah-tengah Menteri menugaskan mereka menjalankan kerja-kerja yang ada hubungannya dengan politik seperti Datuk Abdullah Ahmad yang menjadi Setiausaha Politik kepada Tun Razak, Datuk Syed Kechik, Setiausaha Politik Datuk Senu Abdul Rahman dan Encik Sharif Ahmad, Setiausaha Politik kepada Encik Khir Johari pada suatu masa dulu. Datuk Abdullah Ahmad umpamanya, pada peringkat pertama lebih banyak menjadi orang perantaraan Tun Razak dengan akhbar-akhbar. Dan kemudian beliau menjaga report tentang wakil-wakil rakyat.

Encik Sharif Ahmad lebih banyak bertindak sebagai penasihat kepada Menterinya. Datuk Musa Hitam dan Datuk Syed Kechik disamping membuat kerja-kerja yang diperlukan oleh Menteri, mereka sering menyertai forum-foram dan memberi ceramah di sana sini.

Antara tugas besar Setiausaha Politik ini ialah menyediakan ucapan-ucapan atau bahan-bahan ucapan Menteri. Sering juga mereka menjadi wakil Menteri dalam acara-acara rasmi. Pokoknya Setiausaha Politik ini, kalau ditinjau cara keseluruhannya adalah orang yang begitu penting kepada Menteri dan beliaulah sebenarnya penyambung lidah antara Menteri dengan masyarakat luar. Dan para Menteri kerana kedudukannya demikian rupa banyak bergantung maklumat dari Setiausaha Politik.

Memandangkan pentingnya peranan seseorang Setiausaha Politik itu maka perlulah para Menteri memilih orang yang selayak-layaknya untuk mengisi jawatan itu. Tetapi dalam beberapa hal memang terdapat Setiausaha-setiausaha Politik yang tidak muncul sebagai penasihat kepada Menteri, tetapi mereka lebih banyak ke tengah sebagai seorang yang mengikut ke mana Menteri pergi.

Sesudah sekian lama, kedudukan Setiausaha Politik itu sudah semakin jelas. Ternyata dalam politik golongan ini boleh menjadi satu tenaga penting dalam parti dan mereka dalam prosesnya akan menjadi orang yang akan mengambil alih jawatan kabinet. Sebagai contoh lihat saja Datuk Musa Hitam. Kegiatan politik beliau bermula sebagai Setiausaha Politik kepada Tan Sri Sardon Jubir. Tetapi jawatan yang disandangnya bukannya sesuatu yang didapati begitu mudah. Beliau terpaksa juga melalui jalan-jalan liku sebelum berjaya dilantek menjadi Menteri.

Datuk Abdullah Ahmad yang kini menjadi Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, tidak pernah memegang jawatan penting dalam parti sebelum tahun 1973 dan memang selama-lamanya tidak lahir sebagai tokoh parti selain dari menjadi orang kanan Tun Razak. Dalam pemilihan jawatankuasa Pergerakan

Pemuda UMNO yang terbaru, nama beliau dicalunkan, tetapi dalam senarai nama-nama calon yang diedarkan, namanya tiada. Tentulah ketiadaan itu atas kemahuannya sendiri. Bagaimana pun kemunculannya sebagai Timbalan Menteri tidak memeranjatkan kerana hubungannya dengan Tun Razak selama 14 tahun sebagai Setiausaha Politik tidak dapat dipersoalkan oleh sesiapa pun.

Datuk Muhamad Rahmat, selepas Datuk Musa Hitam, menjadi Setiausaha Politik Tan Sri Sardon, juga memanjat tangga Timbalan Menteri melalui takuk Setiausaha Politik itu. Demikian juga beberapa orang Setiausaha Parlimen sekarang yang dulunya menjadi Setiausaha Politik seperti Encik Ali Sharif.

Pendek kata seseorang Setiausaha Politik yang dipilih oleh Menteri, walau apa pun asalnya, mempunyai jalur-jalur yang jelas untuk naik ke atas. Dan kemungkinan di masa-masa akan datang, kalau proses itu tidak berubah, kebanyakan Menteri, Timbalan Menteri dan Setiausaha Parlimen bermula sebagai Setiausaha Politik dulu. Bagaimanapun peluang untuk naik ke atas itu bergantung kepada daya usaha dan kecekapan masing-masing untuk merebut peluang. Tetapi yang nyata Setiausaha Politik itu adalah warisan pimpinan atau apa yang dipanggil "cadre."

Walaupun pengambilan Setiausaha Politik itu ada kalanya dibuat untuk menjaga kawasan pilihanraya Menteri seperti Allahyarham Haji Abdul Aziz Ishak misalnya, tetapi Haji Ikhwan Nasir, yang lojiknya juga dipilih oleh Allahyarham Tun Dr. Ismail menjadi Setiausaha Politiknya untuk tujuan yang sama, telah memainkan peranan yang lebih aktif.

Ikhwan Nasir tidak mahu memamatkan bakatnya sebagai penjaga dan pegawai kawasan pilihanraya Tun Dr. Ismail saja, beliau mahu pergi lebih jauh dari itu.

Dengan mendadak dia lahir sebagai seorang pemimpin Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia yang agak lantang selepas Datuk Harun Idris dan Datuk Musa Hitam. Peluang menjadi Setiausaha Politik itu telah diteroka oleh Ikhwan Nasir dengan sebijak-bijaknya sehingga membolehkan beliau menjadi pemimpin Pemuda yang baik dalam masa yang singkat. Malang baginya, kerana tuannya pergi dulu, dia menjadi kehilangan tuan. Berikut dengan itu, Ikhwan kehilangan bilik Setiausaha politiknya. Kalaulah bilik itu tidak hilang, maka tangga Ikhwan untuk naik ke atas melalui jalan singkat memang terbentang.

Datuk Syed Kechik tidak lama menjadi Setiausaha Politik kepada Datuk Senu disebabkan beliau menceburkan diri dalam bidang perusahaan. Tetapi ternyata penglibatannya dalam politik bermula ketika beliau menjadi Setiausaha Politik itu. Encik Ahmad Mustafa Hassan yang kini menjadi Setiausaha Akhbar kepada Perdana Menteri Tun Abdul Razak, juga memulakan penglibatannya dalam politik sebagai Setiausaha Politik menggantikan tapak yang ditinggalkan oleh Datuk Syed Kechik.

Orang gagah Angkasapuri sekarang, Encik Sharif Ahmad adalah di antara contoh bekas Setiausaha Politik yang begitu terkemuka di kalangan masyarakat sekarang. Beliau adalah seorang yang paling berani melanggar "red tape," begitu nekad menjalankan tindakannya sama ada semasa menjadi Setiausaha Politik di Kementerian Pelajaran dulu dan sebagai Timbalan Menteri di Kementerian Penerangan dan Penyiaran sekarang.

Walaupun kini beliau tidak memegang jawatan penting dalam parti, tetapi pernah menjadi orang yang paling terkemuka dalam Pergerakan Pemuda UMNO

semasa Datuk Senu memimpin Pergerakan itu. Encik Sharif mampu menunjukkan keberaniannya sebagai seorang yang agak lantang di suatu masa dulu terutama dalam pertentangannya dengan Tan Sri Syed Nasir mengenai dasar bahasa. Beliaulah orang yang mengenalkan "pemuda tahan lasak" yang agak hangat pada suatu masa dulu. Kerana politik ini sendiri ada pasang surutnya, Encik Sharif lebih terkemuka di tengah-tengah parti semasa menjadi Setiausaha Politik dari semasa menjadi Setiausaha Parlimen dan Timbalan Menteri sekarang.

Muka-muka baru dalam Pergerakan Pemuda UMNO seperti Encik Abdul Kadir Sheikh Fadhil dan Encik Sharir Samad adalah antara orang yang memanjat ke tempat sekarang melalui tangga Setiausaha Politik tadi. Sementara itu di peringkat negeri boleh dikatakan ramai Setiausaha Politik Menteri Besar menjadi Ahli Dewan Undangan Negeri dan Anggota EXCO sekarang seperti Haji Ahmad Razali, Encik Rosdin Yaakob di Selangor, Abdul Rahman Mahmud Johore dan Mohamad Adib Omar Trengganu. Dalam PAS juga, Wan Ismail yang menjadi Timbalan Menteri Besar Kelantan, memulakan karier politiknya sebagai Setiausaha Politik Datuk Asri.

Melihat kepada perkembangan-perkembangan di atas, jelaslah bahawa jawatan Setiausaha Politik itu memudahkan seseorang untuk naik ke atas. Apa yang diperlukan oleh mereka cuma "pandai membawa diri" saja.

Satu perkara yang perlu diperhatikan sekarang ialah setengah-setengah dari nama-nama yang disebutkan tadi datang ke tengah arena politik dengan cara tiba-tiba sahaja. Apakah mereka sebelum dipilih menjadi Setiausaha Politik itu sudah menjadi anggota parti atau tidak, nampaknya tidak menjadi begitu perlu

dipertimbangkan oleh para menteri. Ada diantaranya menjadi ahli UMNO di saat menjelang perlantikan untuk menjadi Setiausaha Politik itu sahaja.

Bertolak dari saat itu mereka mula melibatkan diri sebagai orang politik, dan ramai yang berjaya menyesuaikan diri. Tetapi tidaklah mustahil kalau ada di antaranya terpaksa mengambil masa yang agak lama untuk turun ke bawah. Bagaimanapun memang ada di antara Setiausaha Politik itu pula memang sudah menjadi orang parti terlebih dahulu. Encik Shafie Abdullah, Anggota Dewan Rakyat dari Baling umpamanya dipilih oleh Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putera menjadi Setiausaha Politik adalah seorang aktivis UMNO yang giat di Kedah.

Allahyarham Tun Dr. Ismail, dalam masaalah ini nampaknya lebih mengutamakan orang-orang parti lebih dulu. Peranan Allahyarham Haji Abdul Aziz Ishak sebelum menjadi Setiausaha Politik adalah jelas. Allahyarham adalah wakil rakyat dan Setiausaha Perhubungan UMNO Negeri Johor. Begitu juga Encik Ikhwan Nasir. Walaupun beliau ketika dipilih menjadi Setiausaha Politik itu seorang wartawan, tetapi beliau adalah seorang yang sudah lama bergiat dalam UMNO. Beliau memegang jawatan penting dalam Cawangan UMNO dan pernah beberapa kali namanya dicalunkan untuk bertanding dalam pilihanraya, tetapi malangnya nama itu hilang dalam tapisan.

Encik Ali Sharif dan Encik Muhamad Ujang juga adalah orang UMNO yang giat di tempat masing-masing. Encik Saadon Kechut lebih anih lagi. Beliau menjadi Setiausaha Politik kepada Tan Sri Ghazali Shafie selepas meletakkan jawatan sebagai Senator.

Encik Saadon Noah, Setiausaha Politik Kepada Encik Ghafar Baba juga seorang yang aktif dalam pertubuhan UMNO. Beliau pernah menjadi ahli

Jawatankuasa Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia dan tokoh yang paling laris dijemput untuk memberi ceramah parti. Dia pernah disebut-sebut untuk bertanding dalam pilihanraya yang lepas tetapi namanya tidak nampak dihari penamaan calon. Dari huraian di atas ternyatalah bahawa peranan Setiausaha-Setiausaha Politik perlulah dikaji semula supaya khidmatnya dapat digunakan dengan sebaik-baiknya. Sebelum para menteri mempunyai Setiausaha Akhbar sendiri, mereka bertanggungjawab untuk menulis ucapan dan mengusahakan untuk mendapat tempat istimewa di akhbar-akhbar. Tetapi peranan itu sekarang sudah banyak diambil alih oleh Setiausaha Akhbar.

Apa yang kelihatan sekarang seolah-olah kedudukan Setiausaha Politik itu semacam lebih gagah dari Setiausaha Agung UMNO. Setiausaha Agung UMNO sekarang menjaga Ibu Pejabat dan memastikan kegiatan Perhubungan, Bahagian dan Cawangan. Dia masih dikira orang yang menentukan nadi dan nafas parti. Kedudukan seorang Setiausaha Agung, walau dengan cara apa pun beliau diangkat, mempunyai kedudukan yang tinggi dan terhormat. Dalam beberapa hal dia mempunyai penghormatan yang lebih tinggi dari anggota kabinet. Sebarang kata-katanya haruslah mencerminkan pendapat UMNO dan sebarang perintahnya dikira oleh UMNO sebagai undang-undang.

Tetapi dalam keadaan seperti sekarang Setiausaha Politik nampaknya lebih berkuasa dan berpengaruh dari Setiausaha Agung UMNO. Ada Setiausaha Politik tidak segan-segan untuk menyatakan tentangan terhadap Setiausaha Agung kiranya pandangan Setiausaha Agung itu bertentangan dengan pendapatnya atau pendapat menterinya.

Tidak terdapat kenyataan secara hitam putih betapa Setiausaha Agung tidak dihormati oleh Setiausaha



Politik kerana ia tidak dibuat secara terbuka. Tetapi tantangan terbuka dari Datuk Abdul Samad Idris berhubung dengan pemilihan Ketua Pergerakan Pemuda 1974 terhadap kenyataan Setiausaha Agung adalah satu bukti betapa tidak efektifnya organisasi dan disiplin UMNO. Setiausaha Agung sepatutnya boleh menegur segala dasar yang tidak dilaksanakan. Untuk memastikan yang dasar itu dilaksanakan dia mestilah mengetahui segala perjalanan dan perkembangan tiap-tiap Kementerian termasuk segala perkara yang sulit.

Untuk mengetahui segala perkembangan itu Setiausaha Agung patut diberi laporan dari semasa ke semasa atau laporan bulanan. Walaupun Kementerian menyediakan laporannya, tetapi laporan berbentuk politik dan sulit adalah lebih diperlukan. Sepatutnya antara tugas Setiausaha Politik itu ialah menyediakan laporan itu.

Setiausaha Politik hendaklah membuat kerja yang lebih serious, menasihati dan mengecek perjalanan menteri dan Kementerian. Sepatutnya di samping mereka bertuankan menteri, patut juga mereka menjadi ajen atau mata dan telinga kepada Setiausaha Agung di kementerian-kementerian. Tentunya ini tidak disukai oleh menteri. Tetapi adanya susunan seperti ini tentulah tidak mudah penyelewengan berlaku, dan agak kurang kemungkinan dasar kementerian yang gagal. Sekiranya ini difikirkan, maka dasar parti menguasai Kerajaan mudah terlaksana. Dan perjalanan dasar Kerajaan juga menjadi semakin licin.

Bagaimanapun, bila Setiausaha Politik diberi tugas yang penting itu, janganlah mereka lebih sebuk dari menteri dan mencampuri urusan Kementerian dengan sesuka hati sehingga terserlah suatu suasana politik yang terlalu banyak campur perkara pentadbiran.

## **AMALAN DEMOKRASI YANG SALAH**

Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putera telah meletakkan landasan yang harus dipegang oleh UMNO ialah demokrasi. Demokrasi itu baginya ialah demokrasi berparlimen. Tan Sri Ghazalie Shafie pula dalam salah satu ucapannya yang panjang lebar di Parlimen menekankan bahawa "demokrasi yang harus kita pakai bukan ala Westminster."

Dalam Manipol 11 Mei, 1971 Tun Razak meletakkan "demokrasi ala Malaysia." Tentang demokrasi ini juga, allahyarham Tun Dr. Ismail pula menekankan bahawa "UMNO percaya kepada demokrasi, sentiasa menjunjung demokrasi, asalkan demokrasi itu diasaskan kepada kehendak-kehendak rakyat." (lihat ucapannya merasmikan Perhimpunan Agung Wanita dan Pemuda UMNO pada 23hb. Jun, 1972).

Pendirian UMNO dalam hal ini adalah jelas. Tetapi demokrasi itu sendiri hanya dapat digunakan seindah-indahnya di luar khemah UMNO. Dalam UMNO sendiri demokrasi itu pernah disalahgunakan. Penyalahgunaan itu terdapat dalam istilah apa yang dipanggil "membeli undi." Amalan ini terdapat dalam dua peringkat. Satu dengan mendapatkan seramai-ramai ahli di Cawangan dan Bahagian dengan apa cara pun, dan kedua, cara melobi.

Mengikut cara pertama, seorang yang bercita-cita untuk menjadi ketua cawangan harus mempunyai penyokong yang ramai dalam cawangannya. Apa yang dia harus buat ialah mendapatkan seramai-ramai orang menjadi anggota UMNO. Dalam gerakan ini, orang yang ingin menjadi ketua akan mendaftarkan selagi ada nama dalam kampungnya. Ada antara mereka yang meminta orang-orang kampung bersetuju menjadi anggota UMNO dengan memberi tanda tangan dan nombor kad pengenalan saja, sedangkan urusan yuran dan pendaftaran tidak payah ambil pusing. Semuanya akan dibereskan oleh orang atau kumpulan yang menjalankan gerakan itu sendiri.

Dalam pendaftaran ini ada terdapat beberapa nama yang menjelaskan yurannya sekali untuk beberapa tahun. Dan ada pula nama-nama orang yang sudah meninggal dunia masih menjadi ahli-ahli UMNO yang sah. Orang yang sudah mati itu, dalam kontek ini, mempunyai hak yang sama dengan ahli-ahli yang masih hidup.

Sebagai contoh, UMNO Cawangan Bandar Kuala Trengganu setelah dipegang oleh Dr. Zakaria Salim, dalam tahun 1972 telah mengadakan penyusunan semula senarai ahli-ahli yang berjumlah hampir 600 orang itu. Setelah senarai baru itu selesai disusun ternyata bahawa separuh daripada bilangan ahli yang

ramai itu telah meninggal dunia, berpindah ke negeri lain dan ada yang menjadi ahli parti lain.

Dalam kes yang lain, ada orang-orang UMNO yang tidak tinggal di tempat itu menjadi ahli UMNO di cawangan itu. Ini dibolehkan oleh parti. Tetapi cara ini digunakan oleh ramai orang untuk menjadi ahli di beberapa buah cawangan. Itulah sebabnya ada cawangan yang ahli-ahli tidak kenal antara satu dengan lain. Dan ada pula cawangan, ada ahli UMNO yang tidak pernah ditengok oleh orang lain. Kadang-kadang ada cawangan yang mempunyai ahli UMNO yang lebih ramai daripada bilangan penduduk kampung itu sendiri.

Itulah sebabnya Encik Khalid Ahmad bin Sulaiman, seorang tokoh muda di Pulau Pinang yang disukai oleh orangramai dan dijangka boleh menang menjadi ketua sebuah cawangan pada ketika beliau mula masuk UMNO awal 70han, tetapi dia kalah. Ramai orang tidak menyangka bahawa UMNO Cawangan itu mempunyai bilangan ahli yang begitu ramai. Masing-masing ghairah bila mendapati begitu ramainya ahli sebagai menandakan kemajuan cawangan itu. Ahli-ahli yang ramai yang muncul dengan tiba-tiba itu berhak mengundi, dan undi itu pergi kepada orang yang berusaha mendaftarkan segala nama mereka.

Satu kes lagi yang menarik ialah bila Tengku Mahyuddin Sulaiman dipecat dari menjadi Ketua UMNO Jalan Pekeliling, Kuala Lumpur, oleh ahli-ahli Jawatankuasa UMNO Cawangan itu. Untuk memastikan pemecatan itu sah atau tidak, satu mesyuarat agung tergepar cawangan telah diadakan. Tengku Mahyuddin menang kerana ahli-ahli UMNO yang datang pada hari itu begitu ramai dibandingkan dengan mesyuarat agung sebelumnya.

Jumlah ahli-ahli yang berdaftar satu-satu cawangan memberikan bilangan tertentu bagi perwakilan ke

Bahagian. Dalam peraturan lama Perlembagaan UMNO menetapkan tiap-tiap 50 orang ahli boleh menghantar seorang wakil ke mesyuarat Bahagian. Dan bilangan ahli di seluruh Bahagian itu pula menentukan bilangan perwakilan ke Persidangan Agung. Oleh yang demikian, orang-orang yang hendak mengekalkan kedudukannya sebagai Ketua Cawangan, atau Ketua Bahagian akan mengusahakan apa juga cara yang boleh meramaikan ahli, dan ahli-ahli yang ramai itu akan memberi undi kepada mereka.

Mengikut Perlembagaan UMNO, seorang yang dilantik menjadi Ketua Bahagian itu secara otomatis menjadi ahli jawatankuasa Perhubungan - badan yang tertinggi dalam susunan UMNO Negeri.

Perbuatan membeli undi seperti ini tentunya sudah berjalan lama tetapi ia tidak begitu ketara. Hal ini menjadi ribut menjelang pemilihan ahli-ahli jawatankuasa peringkat Cawangan dan Bahagian sebelum Perhimpunan Agung UMNO pada bulan Jun, 1972.

Sebelumnya kegiatan seperti ini tidak begitu ditimbulkan kerana perlembagaan parti membolehkan jawatankuasa dipilih pada tiap-tiap tahun. Mengikut perlembagaan baru, Jawatankuasa Bahagian dipilih dua tahun sekali. Oleh itu seseorang ahli UMNO yang tidak dipilih tahun ini bererti dia terpaksa menunggu tempoh dua tahun untuk bertanding semula. Dalam masa dua tahun ini, tentunya satu jangka waktu yang panjang, macam-macam perkembangan boleh berlaku. Oleh yang demikian kegiatan membeli undi itu dirancarkan oleh setengah-tengah orang, dan perkara itu menjadi begitu ketara.

Tindak tanduk yang dimainkan oleh ahli-ahli UMNO itu adalah satu kebebasan yang diperolehi di bawah disiplin yang tidak ketat. Mereka berbuat

demikian kerana kebebasan bergerak itu dijamin oleh demokrasi. Tetapi cuba kita lihat apa amaran Tun Dr. Ismail berhubung dengan pembelian undi dan demokrasi ini dalam amanatnya kepada Perhimpunan Agung Pemuda dan Wanita pada 23hb. Jun, 1972:

“ . . . . . sesungguhnya pun demokrasi memberikan peluang kepada setiap rakyat bertindak dalam partinya, tetapi terdapat anasir-anasir dalam parti yang menggunakan demokrasi untuk mengekalkan kedudukan. Perbuatan membeli undi, telatah Ketua-ketua Bahagian membayar yuran kepada ahli-ahli semata-mata mahu mendapat sokongan dan memberi kekuatan kepadanya adalah contoh-contoh bagaimana demokrasi disalah gunakan dan bertentangan dengan susila dan peraturan demokrasi.”

Orang mungkin menghujah sejauh mana pintarnya pendapat allahyarham itu. Kalau perbuatan membeli undi itu adalah sesuatu yang menyeleweng dari amalan demokrasi, apakah sebenarnya dapat kita ragukan dengan perjalanan demokrasi negara sekarang, sedangkan amalan membeli undi itu bukanlah perkara baru.

Membeli undi ini adalah satu rahsia yang bukan sulit lagi. Ia telah lama dilakukan atas sebab-sebab mahu mengekalkan kedudukan sebagai pemimpin UMNO dari peringkat Cawangan, Bahagian, Perhubungan malah di peringkat Pusat. Seorang pembeli undi di peringkat Cawangan akan dapat memastikan yang dirinya akan berjaya menjadi pemimpin di situ, atau bagi yang sedia jadi pemimpin pula akan dapat mengekalkan kedudukannya. Ini juga akan memastikan bahawa teman-temannya yang setia kepadanya akan memegang jawatan-jawatan penting. Pengaruh undi itu juga akan memastikan bilangan wakil



ENCIK KHIR JOHARI

yang akan dihantar ke mesyuarat Bahagian adalah terdiri dari golongan mereka.

Pengaruh yang serupa juga dapat dimainkan di peringkat Bahagian. Seseorang yang berhajat untuk memimpin UMNO di peringkat ini akan cuba membeli ahli-ahli di peringkat Cawangan, atau mengusahakan supaya wakil-wakil ke mesyuarat Agung Bahagian adalah terdiri dari orang-orang yang boleh menyokongnya menjadi Ketua Bahagian atau apa-apa jawatan dalam Jawatankuasa Bahagian.

Dalam amalan yang lama, sebuah Bahagian yang mempunyai ahli paling ramai akan menerima hadiah. Dengan galakan ini, semua Bahagian tentulah berusaha keras untuk membolehkan ia menjadi Johan atau Naib Johan Bahagian yang ramai ahli itu. Dari satu segi ia menggalakkan pemimpin-pemimpin UMNO berusaha bersungguh-sungguh untuk meramaikan ahli. Tetapi dari satu segi yang lain pula, apakah tidak mungkin adanya Bahagian-bahagian yang membayarkan yuran-yuran bagi ahli-ahli supaya ia dapat muncul sebagai Bahagian yang terbesar sekali? Perkara ini mungkin berlaku tetapi faedah yang didapati dari Johan itu sendiri tidaklah begitu besar. Demokrasi kita masih boleh bertolak ansur dengannya.

Tetapi sepanjang tujuan yang berhubung dengan mengekalkan kedudukan sebagai Ketua di berbagai peringkat, maka tidak mungkin ini boleh ditoleransi walaupun toleransi itu sendiri adalah syarat penting bagi keutuhan sesebuah parti politik. Seorang ketua atau pemimpin yang naik melalui jalan ini dengan sendirinya akan lari daripada kehendak-kehendak "demokrasi ala Malaysia" yang diharapkan oleh Tun Razak atau "Manipol 11 Mei, 1971."

Demokrasi yang berjalan di Malaysia adalah satu demokrasi yang mahu memberi peluang kepada semua



orang yang berkebolehan. Ia menghendaki setiap orang yang berbakat, dan ia berusaha seboleh-bolehnya mendapatkan orang yang paling baik dan paling layak. Orang yang paling layak ini hanya boleh didapati melalui perlumbaan yang tidak banyak menggunakan wang ringgit dan mata benda.

Masyarakat Malaysia yang muda dan sedang membangun ini rata-rata berpendapatan rendah. Sedikit saja yang berpendapatan sederhana dan bilangan yang mewah pula terlalu kecil. Kiranya perbuatan membeli undi itu dibiarkan, maka bertilalah golongan itu menyekat golongan yang terbesar mencuba bakat atau menyertai perjuangan yang aktif dalam UMNO. Ini akan mendedahkan UMNO kepada pimpinan orang-orang yang berada yang jumlahnya begitu kecil. Orang-orang yang mampu membeli undi itu hanya orang-orang kaya sahaja atau orang-orang parti yang dulunya miskin tetapi sudah menjadi kaya setelah memegang jawatan penting dalam politik. Sedangkan orang yang dikira "the best man" tidak semestinya daripada golongan mereka yang berada yang kecil jumlahnya itu. "The best men" sebenarnya ada dalam tiap-tiap golongan.

Perbuatan itu dengan sendirinya menyekat parti mencari seramai-ramai "the best men", dan kedua, ia akan menjadikan UMNO parti untuk orang-orang kaya seperti yang terdapat dalam demokrasi Barat. Apakah untung ruginya bagi demokrasi Barat ini dapat kita lihat dari skandal Watergate dan lain-lain perlumbaan merebut jawatan Presiden Amerika Syarikat.

Dalam skandal Watergate terdapat adanya kisah-kisah akaun pilihanraya Nixon yang tidak selesai dan ada juga punca-punca wang yang tidak jelas. Dalam perlumbaan untuk menjadi calon Presiden Parti Republican bersama Richard Nixon, George Romney adalah salah seorang calon yang agak popular. Dia

menjalankan kempen yang bertenaga. Sesudah sembilan bulan berkempen dia kehabisan wang. Tiba-tiba dia berhenti dari berlumba, dan peluangnya untuk menjadi pemimpin tergendat.

Dalam masaalah ini Malaysia sendiri adalah terbawa-bawa dengan keadaan serupa itu. Dalam pilihanraya umum 1969, Perikatan telah mencalonkan Encik Wong Teng Seng bagi kawasan Negeri Lekir, Perak. Wong Teng Seng bukanlah seorang tokoh MCA yang terkemuka. Ketika dicalunkan dia tidak pandai berbahasa Inggeris dan tidak pula cekap berbahasa Melayu. Kelulusannya? Tidak ramai yang mengetahui. Timbul pertanyaan atas alasan apakah maka dia dipilih menjadi calon?

Alasannya mudah. Bapanya dulu adalah saudagar kilang papan dan bersahabat baik dengan Too Joo Hing, Setiausaha Agung MCA ketika itu. Mendiang bapanya seorang dermawan dan Encik Wong Teng Seng yang mewarisi perniagaan bapanya itu banyak menyumbangkan wang kepada Perikatan. Dia menjadi wakil rakyat sehingga ditewaskan oleh DAP dalam tahun 1969. Bagaimanapun selama menjadi wakil rakyat itu dia tidak lahir sebagai pemimpin yang cekap. Peranan itu tentu dapat dimainkan oleh orang lain dengan lebih memuaskan, tetapi sayang orang lain tidak mampu berderma dan setengahnya pula tidak ada apa-apa yang hendak didermakan.

Dalam pilihanraya yang terbaru - Ogos 1974, UMNO berdepan dengan masaalah hendak meletakkan seorang calon UMNO di Wilayah Persekutuan. Kawasan Setapak adalah sebuah sahaja kawasan yang bermajoritikan Melayu dari lima buah kesemuanya. Calon Barisan Nasional yang terdiri dari bukan UMNO tentulah mempunyai kedudukan wang yang kukuh. Bagaimana dapat calon di Setapak menandingi

kerancangan kedudukan calon-calon Barisan di empat kawasan lagi di Wilayah Persekutuan itu? Jawabnya ialah Barisan terpaksa mencari seorang anggota UMNO yang paling banyak wang.

Inilah jalannya Haji Idris bin Haji Ibrahim dipilih menjadi calon di Setapak. Encik Idris bekas Pengurus Syarikat Percetakan Utusan Melayu adalah seorang ahli perniagaan yang pintar dan berjaya. Beliau juga menjadi Ketua Bahagian Setapak disamping menjadi jawatankuasa kepada beberapa buah pertubuhan-pertubuhan kebajikan. Walaupun beliau sebelum itu menjadi Ketua Bahagian UMNO Setapak dan memang suka mengambil tahu hal-hal masyarakat, tetapi kecenderungan memilihnya menjadi calon banyak disebabkan beliau sajarah yang dapat menandingi calon-calon Barisan Nasional sepanjang yang berhubung dengan wang.

Dan Encik Idris sendiri, sepanjang kempen pilihanraya itu telah berbelanja besar. Dalam beberapa hal, cara yang ditunjukkannya dalam kempen itu sama caranya dengan pilihanraya di Amerika. Dia menggunakan beratus-ratus papan nipis untuk posternya disamping menempah baju dan songkok khas yang bertulis namanya dan lambang Barisan Nasional.

Apa yang dibuat oleh Encik Idris Haji Ibrahim itu tentu tidak salah. Tetapi apakah perbuatan seperti itu mampu dilakukan oleh calon-calon lain? Dan bagaimanakah nanti calon selepasnya akan menyainginya? Kerana hal ini sudah menjadi satu syarat, maka adakah orang-orang UMNO yang lain dapat memenuhi syarat yang tak bertulis itu? Dan bagaimana kalau ada tokoh lain yang lebih layak tetapi tidak punya banyak wang?

UMNO tentulah tidak berkehendakkan wakil-wakil rakyatnya bangsat atau sentiasa tidak cukup wang.

Tetapi apakah UMNO membiarkan perkembangan yang menggalakkan orang-orang yang berada sahaja yang berpeluang untuk memimpin UMNO?

UMNO patut memerhatikan bahawa amalan berbelanja besar itu jelaslah satu amalan mengikut kehendak-kehendak demokrasi Barat, iaitu demokrasi yang memberi peluang bergerak kepada orang-orang yang berwang sahaja. Dengan amalan seperti ini maka ia telah lari dari bentuk "demokrasi ala Malaysia."

Kegiatan ini kerana sudah dilakukan lama, maka tidak dapat dipastikan dengan tepat yang mana satu antara pemimpin-pemimpin UMNO yang ada sekarang ini yang tidak dinaikkan oleh undi-undi yang dibeli itu. Cuma yang tentu bersih dari sebarang pengaruh membeli undi ialah Tunku Abdul Rahman Putera dan Tun Razak sendiri kerana kedudukan mereka tidak pernah ditandingi oleh sesiapa pun sejak mereka lahir sebagai pemimpin-pemimpin besar UMNO tahun 1951.

Allahyarham Tun Dr. Ismail, Datuk Hussein Onn dan beberapa orang lagi pemimpin-pemimpin yang bersih, tentulah tidak terlibat dalam pembelian undi ini, dan mereka memang tidak tahu untuk melakukannya. Tetapi undi-undi yang mereka dapat dalam pilihan Naib Presiden atau anggota Majlis Tertinggi sebahagiannya datang dari undi-undi yang dibeli itu. Di luar sedar, setengah-setengah para perwakilan ke Presidangan Agung itu adalah orang-orang yang dikirim oleh Bahagian, hasil dari pembelian undi. Mereka sudah pun menggunakan hak mengundi masing-masing untuk anggota-anggota Majlis Kerja Tertinggi.

UMNO bagaimanapun telah cepat mengetahui penyalahgunaan demokrasi ini lalu menyuarakan protes-protes. Protes ini didengar oleh parti. Sebuah jawatankuasa dibentuk diketuai oleh Datuk Ali bin Haji Ahmad menjelang permilahan pegawai-pegawai UMNO

di setiap peringkat tahun 1974 guna mendengar aduan-aduan tentang pembelian undi itu.

Allahyarham Tun Dr. Ismail pernah memberi amaran supaya perbuatan itu diberhentikan. Tun Razak memberi amaran, tindakan tegas akan diambil terhadap orang-orang yang membuat perkara itu. Jawatankuasa yang dibentuk terus bergerak dari sebuah Bahagian ke sebuah Bahagian untuk menyelidik dan menyiasat tentang aduan-aduan yang diterima. Tetapi sehingga hari ini, belum terdengar sebarang laporan siap dibuat oleh jawatankuasa ini mengenai penyiasatan mereka. Apakah jawatankuasa ini sudah menyelesaikan tugasnya atau ia wujud tetapi tidak bertugas, adalah sukar hendak dicatitkan.

UMNO tidak atau belum pernah mengenakan tindakan-tindakan terhadap orang-orang parti yang mempermain demokrasi parti itu, mungkin untuk muslihat paling tinggi. Tetapi tindakan sudah pun dijalankan untuk mengelakkan perbuatan itu dengan meminda perlembagaan parti sepanjang yang berhubung dengan bilangan perwakilan di semua peringkat.

Bilangan perwakilan ke peringkat Bahagian dan Perhimpunan Agung sekarang tidak lagi ditentukan oleh ramainya bilangan ahli, tetapi ditentukan oleh bilangan Cawangan dan Bahagian. Betapa ramai pun ahli-ahli bagi sesebuah cawangan itu ia hanya boleh menghantar paling ramai 5 orang wakil ke mesyuarat perwakilan Bahagian. Ke Perhimpunan Agung UMNO, setiap Bahagian, walau bagaimanapun ramai ahlinya, cuma dapat mengirim paling ramai 10 orang sahaja. Dalam perenggan ini perlembagaan UMNO menentukan bahawa tiap-tiap Bahagian boleh menghantar seorang wakil bagi tiap-tiap 500 orang ahli tetapi kalau ahli Bahagian itu melebihi 5,000 orang ahli ia tidak dapat menghantar lebih dari 10 orang.

Peraturan ini tetap tidak dapat menghapuskan perbuatan membeli undi itu kecuali dapat mengurangkan perbuatan tersebut. Pemimpin-pemimpin yang berada dan berhajat hendak mengekalkan kedudukannya melalui cara tidak jentelmen ini masih boleh membayarkan yuran ahli-ahli dengan menambahkan segala yang kurang bagi membolehkan Bahagian yang lemah mendapat haknya menghadiri Persidangan Agung dengan jumlah perwakilan yang cukup.

Mengikut perkembangan baru, pengundian tidak lagi dibuat oleh seorang ketua atau berkelompok. Tong undi disediakan dan tiap-tiap wakil nanti datang ke tong itu untuk membuang undi yang sulit itu. Tetapi kecenderungan mengundi orang itu sendiri biasanya sudah dapat ditentukan. Ia bergantung kepada mahu atau tidak mahunya seseorang Ketua Perhubungan menggunakan pengaruhnya untuk memutuskan apakah mereka akan mengundi cara berkelompok yang dilaksanakan seorang demi seorang dalam bentuk yang rahsia, atau membiarkan wakil-wakil menggunakan kearifan sendiri secara yang liberal.

Dalam suasana sekarang, jarang didapati adanya seseorang Ketua Perhubungan yang sedia bersikap demikian. Sikap yang diambil oleh Ketua Perhubungan itu sendiri ialah kerana dia memikirkan yang kerjanya itu adalah kerja politik dan dia sendiri seorang politik. Orang-orang politik jarang membiarkan kerja-kerja politik berjalan mengikut kemahuan dasar dan prinsip, tetapi dialah yang hendak memastikan dasar dan prinsip itu.

Perelembagaan yang baharu membahagikan Bahagian-bahagian mengikut kawasan pilihanraya parlimen. Pembahagian ini juga dengan sendirinya

menjadikan UMNO negeri-negeri tertentu kuat dan UMNO negeri lain kecil. UMNO Perak sekarang muncul sebagai pihak yang paling bertenaga sekali kerana dengan sendirinya ia mempunyai 21 buah bahagian. Ini diikuti oleh Johor 16 Bahagian, Selangor 16 Bahagian termasuk 5 Bahagian dalam Wilayah Persekutuan. Melaka yang sering menjadi Johan dulu, dalam peraturan baru ini, tiba-tiba menjadi kecil dengan mempunyai 4 Bahagian sahaja. Perlis mempunyai 2 Bahagian, Negeri Sembilan 6, Trengganu 7, Pahang 9, Kedah 13, Kelantan 12 dan Pulau Pinang 9.

Mengikut keadaan yang ada semua pihak sekarang tertumpu untuk mendapatkan sokongan Negeri Perak. Tan Sri Ghazali Jawi sekarang adalah orang perseorangan yang mempunyai senjata paling besar. Kiranya beliau dapat menguasai fikiran ahli-ahli UMNO Perak, maka dialah nanti yang dapat menentukan siapakah orang yang patut diundi.

Jawatan Menteri Besar dan Jawatan Ketua Perhubungan yang dipegang oleh seseorang akan menentukan politik satu-satu tempat. Kedua-dua jawatan itu adalah makanizam politik yang ada di tangannya. Makanizam politik inilah yang menentukan rialiti, dan Tan Sri Ghazali Jawi adalah orang yang misti dirundingi sekarang oleh sesiapa saja. Kegagalan seseorang untuk mendapat sokongan Tan Sri Ghazali Jawi, berertilah jalan mudah untuk menang sudah tiada. Orang itu terpaksa bekerja keras untuk mendapatkan simpati lain-lain ketua yang kalau pun ada, tidak membawa sebesar undi yang diperolehi dari negeri Perak.

Dalam struktur seperti ini para pelobi tidak perlu membeli wakil dari Bahagian-bahagian. Kiranya Ketua Perhubungan itu seorang pemimpin yang efektif.

memadai usaha nantinya dibuat untuk mendapatkan sokongan daripadanya. Apakah usaha itu patut dibuat dengan bentuk membeli undi sahaja, atau memadai secara melobi sahaja, atau ada unjuk dengan tangan kanan dan tarik dengan tangan kiri, adalah hal yang harus ditentukan oleh aktivis UMNO sendiri.

Tetapi kalau UMNO mahu kekal sebagai parti yang membela rakyat secara efektif, elaklah demokrasi yang menggunakan wang ringgit itu, dan asuh ahli-ahlinya menggunakan kearifan politik yang diasaskan atas kehendak rakyat umum secara terbuka. Amalan membeli dan menjual undi kalau dibiarkan akan meletakkan UMNO sebuah parti yang dikuasai oleh beberapa kerat kapitalis.



## ZAMAN RAZAK BERMULA

*"Tiga belas tahun semenjak merdeka, jika diibaratkan sebuah rumah, kita telah mendirikan rangka, tiang, atap dan lantai. Sekarang kita mistilah mengadakan dinding, dan perkakas-perkakas yang lain supaya rumah itu dapat menurut bentuk dan rupa yang kita benar-benar kehendaki." Tun Razak.*

Tun Razak masuk dengan langkah kanan sebagai pemimpin baru UMNO yang dengan sendirinya menjadi pemimpin baru kerajaan. Kelahirannya sebagai pemimpin utama sudah terlebih dahulu disusuli oleh pengalaman lebih dari 20 tahun sebagai anggota parti. Lebih 19 tahun sebagai Timbalan Yang Di Pertua Agung (sekarang Timbalan Presiden), selama 15 tahun menjadi menteri di berbagai-bagai Kementerian, 13

tahun menganggotai Kerajaan Merdeka, dan selama 17 bulan menjadi Pengarah MAGERAN yang bertanggungjawab mengendalikan pemerintahan negara di bawah Undang-undang Darurat yang dicetuskan oleh Peristiwa 13 Mei, 1969 dan bertanggungjawab juga mengembalikan pemerintahan demokrasi mengikut bentuk dan wajah yang sesuai dengan Malaysia.

Dengan pengalaman-pengalaman itu Tun Razak telah melibatkan diri secara aktif dalam menjayakan apa yang disifatkannya "telah mendirikan rangka, tiang, atap dan lantai" bagi Malaysia yang diibaratkan sebagai sebuah rumah.

Dan bila beliau melangkah masuk ke ambang baru pada 20hb. September, 1970, maka tekad yang diazamkannya dalam ucapan sulungnya ialah "sekarang kita mistilah mengadakan dinding dan perkakas-perkakas yang lain supaya rumah itu dapat menurut bentuk dan rupa yang kita benar-benar kehendaki."

Kedatangannya sebenarnya tidak memeranjatkan sesiapa, kerana Tun dari awal-awal lagi sudah ditunjukkan oleh UMNO dan memang persediaan sudah dibuat bahawa tidak ada sesiapa lagi yang akan menggantikan Tunku Abdul Rahman selain dari Tun Razak. Hampir 20 tahun lamanya persediaan itu dibuat dan orang sudah tahu apa yang dilakukannya. Justeru itu orang tidak lagi menunggu-nunggu 100 hari pertama buatnya menyesuaikan diri sebagai Perdana Menteri seperti yang sering diberikan kepada pemimpin-pemimpin baru yang lain di dunia ini.

Apakah program Tun Razak tidak lagi ditanyakan kerana segala-galanya sudah pun terkandung dalam "Dasar Ekonomi Baru" yang keramat yang dilancarkan beberapa bulan sahaja sebelumnya. Keramat Dasar Ekonomi Baru itu terletak pada matlamatnya berbentuk serampang dua mata - menghapuskan

kemiskinan dengan tidak mengira kaum dan menyusun semula masyarakat. Tempoh 20 tahun diberikan untuk pelaksanaannya supaya sekurang-kurangnya 30 peratus dari nilai harta dimiliki oleh Bumiputera dan sekurang-kurangnya 30 peratus pula dari masyarakat apa saja terdiri dari Bumiputera.

Pelaksanaan dasar ini diharapkan dapat melahirkan sebuah masyarakat Malaysia yang kuat, maju dan padu. Atas wajah masyarakat inilah hendak ditegakkan keperibadian bangsa yang belum dapat dibentuk lagi. "Tiang" keperibadian ini adalah dalam bentuk mewujudkan satu kebudayaan nasional yang dikira oleh Tun Razak "sangat mustahak."

Corak kebudayaan nasional ini sudah tentu berteraskan kepada kebudayaan Melayu yang bersandarkan kepada semangat Rukunegara. Matalamat-matalamat penting yang lain yang diutarakan oleh Tun Razak ialah:

- Kita mesti menunjukkan sikap yang bebas sealiran dengan masa dan keadaan mengikut kepentingan kita sebagai satu bangsa yang merdeka dan membangun.
- Kita mistilah percaya dan menganut kepada dasar kerjasama dan persahabatan dengan semua negara-negara tidak kira apa corak dan bentuk atau sistem politik negara itu dan dasar tidak campur tangan dalam hal-hal dalam negeri negara-negara tersebut.
- Kita mistilah memberi sumbangan yang tegas bagi memelihara keamanan dan ketenteraman dan kerjasama dalam segala bidang di wilayah Tenggara Asia khususnya . . . . . (lihat ucapan Tun Razak pada 22hb. September, 1970.)

Pelaksanaan beberapa cita-cita tersebutlah yang akan menyempurnakan maksud Tun Razak hendak "mengadakan tiang dan perkakas-perkakas lain." Dan di atas garis-garis inilah Kerajaan Tun Razak tegak dan bergerak.

Pada permulaan zamannya, sebenarnya, tidak memberikan banyak kesulitan. Tun Razak tidak berlumba dengan sesiapa pun untuk mendaki mercu itu. Oleh itu beliau tidak berdepan dengan sebarang kemungkinan perpecahan dalam parti. Sesungguhnya selain dari semangat Dasar Ekonomi Baru yang terserap di jiwa seluruh rakyat, UMNO yang baru keluar dari musim darurat yang diakibatkan oleh kejadian berdarah 13 Mei, 1969 adalah satu pertubuhan yang sangat padu, malah belum pernah ia mencapai kegagahan sekuat dan sehandal itu. Pendek kata permulaan zaman Tun Razak itu adalah satu langkah kanan yang diresmikan oleh seluruh rakyat.

Satu dari masaalah besar yang dihadapi oleh Kerajaan sejak merdeka iaitu untuk melaksanakan kehendak dasar pelajaran seperti yang disarankan oleh Penyata Razak dan kemudiannya oleh Penyata Rahman Talib. Penyata-penyata itu menghendaki semua sekolah di negara ini mistilah menggunakan satu bahasa pengantar iaitu Bahasa Malaysia secara berperingkat-peringkat. Dasar ini kiranya dimulakan beberapa ketika selepas tarikh kemerdekaan, maka ianya dapat disempurnakan sekitar tahun 1970. Bertolak dari tahun itu sepatutnya semua sekolah rendah dan menengah sudah menggunakan bahasa pengantar Bahasa Malaysia.

Tetapi kehendak itu tidak berjalan langsung disebabkan oleh beberapa faktor yang antaranya kurang persediaan, kurang serious dalam menghormati cita-cita itu dan banyaknya tekanan politik dari parti-parti sekutu yang mendokong kerajaan. Masaalah ini tidak



TAN SRI GHAZALI SHAFIE

lagi jadi masalaah kepada Tun Razak bila beliau menjadi Perdana Menteri kerana apabila beliau menggantikan Tunku Abdul Rahman pada 22hb. September, 1970, pelaksanaan dasar satu bahasa pengantar sudah pun berjalan dengan licin selama sembilan bulan. Tidak terdapat sebarang tentangan dari mana-mana pihak jua, meskipun terdapat khabar-khabar angin yang menyatakan ramai ibubapa akan menghantar anak-anak mereka belajar di luar negeri kiranya dasar itu terlaksana, tetapi apabila sekolah dibuka dalam bulan Januari, 1970 tidak seorang pun dari kanak-kanak yang didaftarkan untuk masuk ke sekolah tahun itu yang tidak datang belajar. Ini bererti dasar itu diterima tanpa sebarang bantahan.

Dasar ini berjalan dengan sempurna. Dalam tahun 1981 semua sekolah-sekolah menengah akan menggunakan satu bahasa pengantar saja dan bermula dari 1982 pula maka penggunaan satu bahasa di peringkat universiti pula berjalan. Apakah satu kebudayaan nasional akan dapat berkembang dari kemajuan yang dicapai oleh dasar bahasa yang disempurnakan itu akan menjadi perhatian. Bagaimanapun pencapaian dalam mewujudkan sejenis sekolah saja buat Malaysia tentunya membuka jalan kepada cita-cita nasional itu.

Mudahnya dasar itu berjalan, memudahkan pula pimpinan Tun Razak menumpukan soal-soal lain. Tugas baru yang terbentang di hadapannya ialah untuk menyempurnakan segala kehendak yang termaktub dalam Dasar Ekonomi Baru. Dasar itu telah diterima oleh semua pihak sebagai satu dasar yang baik, tetapi yang banyak dipersoal, apakah kehendaknya dapat dilaksanakan mengikut apa yang tersurat di atas kertas itu?

Meskipun dasar yang dikemukakan itu baru, tetapi

sistem ekonomi yang terpakai adalah lanjutan dari sistem lama iaitu meneruskan dasar ekonomi bebas yang dalam beberapa hal menggalakkan amalan ekonomi campuran. Pihak pengkeritik kerajaan sendiri berbelah bagi dengan Dasar Ekonomi Baru yang memakai sistem lama itu. Parti-parti seperti Gerakan, PAS dan PPR yang masing-masing mempunyai pengalaman memerintah dapat bertolak ansur menerima dasar itu, tetapi parti-parti yang tidak berpengalaman memerintah baik pada apa-apa peringkat pun tetap mengira dasar itu tidak menguntungkan rakyat jembel, sebaliknya ia menguntungkan pihak pemodal.

Dasar itu sebenarnya tidak bertujuan untuk menyekat pihak pemodal untuk mencari keuntungan, tetapi adalah menjadi cita-cita Kerajaan untuk memberi keuntungan kepada semua pihak. Saudagar-saudagar yang sedia ada diajak melibatkan diri tetapi mereka haruslah bertanggungjawab sama membantu kerajaan membaiki kehidupan rakyat. Sebenarnya kerajaan mahu melibatkan para pengusaha dan pedagang secara langsung, dan mereka haruslah menerima tanggungjawab memajukan ekonomi negara dan membentuk masyarakat yang adil.

Dasar ini tidak membolehkan kerajaan mengambil milik dan perusahaan orang lain yang sedia ada untuk diberikan kepada pedagang dan pengusaha baru yang hendak dilahirkan oleh Dasar Ekonomi Baru itu. Ini adalah untuk mengelakkan perbuatan mengambil harta dan peranan yang dimiliki oleh bukan Bumiputera bagi diberikan kepada Bumiputera. Amalan seperti ini lojiknya akan terus dielakkan oleh pemerentahan yang ada selagi ia berkemampuan untuk memikirkan cara lain yang lebih adil. Oleh yang demikian peluang-peluang berdagang dan sebagainya yang akan diberikan kepada Bumiputera dalam usaha memenuhi

matalamat Dasar Ekonomi Baru itu ialah melalui peluang baru yang dicipta oleh Kerajaan dengan bantuan semua pihak istimewa saudagar-saudagar yang sudah maju dan berjaya mengecap nikmat kemerdekaan.

Apa pun berlaku nyatalah cabaran begitu besar dan tembok yang hendak ditembusi adalah sangat tebal. Kekuatan kaum modal adalah jelas, dan mengikut teori-teori ekonomi yang sedia ada, terutama teori Karl Marx, adalah tidak mungkin kaum modal ini memberi bantuan sejujur-jujurnya untuk meningkatkan kehidupan orang-orang tidak berada istimewa dalam mencipta golongan pedagang dan pengusaha baru. Atas pengaruh teori ini, terdapat pertanyaan apakah mungkin matalamat Dasar Ekonomi Baru itu terlaksana sepenuhnya dalam ombak perlumbaan bebas itu?

Teori Karl Marx dan orang-orang sealiran dengannya adalah suatu pendapat yang universal dicipta lama sebelum dunia mengenal moden dan sebelum kemajuan teknologi moden. Ketika pendapat itu dikembangkan, dunia penuh dengan hutan belantara dan politik dunia sendiri masih banyak berbentuk politik rumahtangga. Berkembangnya ideologi sosialisma adalah perkembangan yang berlatar belakang kemajuan di Eropah. Karl Marx sendiri ternyata tidak arif dengan sistem ekonomi Islam serta kebudayaannya, dan dia juga ternyata tidak begitu mengetahui tentang kebudayaan Hindu dan ajaran-ajarannya.

Oleh yang demikian, apakah ajaran itu masih sesuai untuk semua zaman dan semua tamaddun? Dan apakah perkembangan-perkembangan selepas Karl Marx dan Lenin tidak memungkinkan ada cara dan sistem baru yang lebih sesuai? Apakah para saudagar atau yang dipanggil kapitalis itu tidak pernah belajar dari teori-teori ekonomi yang memburukkan amalan kapitalis di



zaman lampau? Dan apakah pemodal-pemodal yang ada sekarang tidak dapat memenungkan apakah nasib yang diterima oleh pemodal-pemodal dan bangsawan yang tidak bertimbang rasa di Russia dan lain-lain negara sebelum menjadi negara-negara sosialis dulu? Apakah segala pengalaman dan kejadian itu tidak memungkinkan timbul pertimbangan baru di kalangan mereka sehingga mereka dapat menjadi kapitalis yang bertimbang rasa, yang tahu zalim tidaknya mengambil untung berlebihan?

Lebih jauh dari itu para pemodal itu sendiri, selain dari sudah melihat kesan buruk yang diterima oleh pemodal dulu, dan sesudah mempelajari banyak ilmu dari yaysan pelajaran tinggi, tentulah sudah melihat sendiri kesan tentangan rakyat dengan menukar sistem yang terpakai dan bebas kepada sistem yang tidak membolehkan mereka bergerak dan berdagang dengan bebas. Kiranya sistem ini berjalan di negara ini tentulah ia tidak menguntungkan para pemodal sendiri. Dan dalam hal ini apakah para pemodal itu tidak mungkin memikirkan untuk mengelakkan keadaan yang tidak menguntungkan mereka. Keadaan itu mudah terhindar kiranya orang lain mengambil tanggungjawab dalam membaiki kehidupan seluruh anggota masyarakat termasuk rakyat jembel. Inilah cabaran para pengusaha, peniaga dan tuan-tuan tanah. Kiranya difinasi 'kapitalis' itu tidak dapat dirombak lagi dengan apa yang telah ditetapkan oleh ahli-ahli fikir kurun ketujuh belas dan kelapan belas itu, maka apakah pemodal sekarang, khususnya orang kaya Malaysia tidak berbeza tekad dan hakikatnya?

Peranan orang-orang politik juga agak tercabar dalam melaksanakan Dasar Ekonomi Baru itu. Ahli-ahli politik mempunyai peranan yang besar untuk memerhatikan yang rancangan itu terlaksana sebaik-

baiknya. Dalam hal ini mereka tahu memisahkan tugas seorang ahli politik dalam negara yang membangun. Tugas besarnya tentulah melibatkan diri dalam setiap kerja tetapi haruslah pandai membezakan kerja-kerja yang patut dimainkan oleh seorang saudagar.

Seorang ahli politik adalah seorang pembuat dasar dan perangka program. Dia mistilah menunjukkan maruah yang berbeza dengan seorang saudagar atau seorang petugas. Politik itu haruslah mereka ambil sebagai satu bidang perkhidmatan kepada negara dan bangsa. Tidak harus menjadikannya sebagai bidang mencari rezki dan kekayaan.

Ahli politik yang menjalankan perniagaan masih tetap seorang ahli politik dalam konteks yang ada diMalaysia. Malah dalam setengah hal, bidang politik itu adalah titi untuk melangkah ke bidang perniagaan. Oleh yang demikian nanti tiba ketikanya politik itu dijadikan paspot untuk mencapai cita-cita perniagaan. Bila ini dilakukan, orang-orang yang masuk menjadi anggota parti politik tidak banyak lagi bertujuan berjuang kepada parti dan negara, tetapi dia lebih menumpukan kepada mencari kesempatan mengumpulkan modal dan mendapatkan modal regu-regu perniagaan dengan menggunakan kedudukannya dalam parti dan politik. Ahli-ahli politik seperti ini tidak kuat lagi pegangan politiknya. Mudah benar mereka mengakhirkan dirinya sebagai apa yang dipanggil opocunis dan tidak pula mudah untuk mengelakkan diri dari pengaruh rasuah.

Memang setengah-setengah ahli-ahli politik yang berniaga itu seorang ahli politik yang unggul dan gigih. Tetapi apabila dia berdepan dengan suatu keadaan yang membahayakan perniagaannya, apakah dia dapat bertegas lagi dalam politiknya? Kadang-kadang kepentingan politiknya tidak selari dengan kepentingan per-

niagaannya. Lazimnya seorang politik seperti ini lebih mudah mempermainkan politik itu sendiri dari menghadapi kerugian dalam perniagaan. Mudah benar baginya terdorong dalam sebarang penyelewengan.

Dalam zaman membangun seperti ini Malaysia berkehendakkan ahli-ahli politik yang tegas dan sentiasa menjadi pengkeritik dan pembetul pelaksanaan rancangan selain dari pembuat dasar dan perangka rancangan. Kepentingan diri tidak terlibat bila dia membuat teguran dan keputusan. Apabila kepentingannya sudah terlibat dan tersentuh, maka teguran dan keputusannya sudah tidak bebas lagi. Perjalanan negara dan politiknya banyak bergantung kepada ahli-ahli politik yang tegas, bebas dan bersih. Sifat-sifat ini saja yang dapat mengawasi lain-lain pihak untuk tidak melakukan penyelewengan. Kiranya politik itu sendiri dipermainkan maka tidaklah ada pihak lain mahu meneruskan kejujurannya.

Aspek ini terlalu penting untuk diperhatikan oleh para politikus supaya segala perjalanan dan pelaksanaan pembangunan itu dapat berjaya menepati matalamatnya.

Pemimpin politik sebagai sifatnya perancang harus memerhatikan bahawa program rancangan pembangunan tersusun secara menyeluruh. Pemimpin perengkat kebangsaan, umpamanya, harus memerhatikan yang taburan rancangan ada di tiap-tiap negeri bagi mengelakkan berlakunya ada negeri yang terlalu maju dan ada pula negeri yang jauh tertinggal. Demikian juga pemimpin perengkat negeri terpaksa harus memerhatikan yang setiap daerah dalam negerinya menerima rancangan mengikut kadar dan kehendak di tempat itu.

Aspek ini penting diperhatikan kerana sebuah negara dan masyarakat yang stabil tidak mungkin diwujudkan dalam suasana yang membahagikan rakyat

dan kawasan-kawasannya kepada jurang-jurang yang luas. Suasana ini mudah menelurkan kepincangan. Sebagai contoh perhatikan saja peristiwa Baling Desimber 1974. Tercetusnya rasa tidak senang rakyat adalah manifestasi dari taburan pembangunan yang tidak merata.

Antara sebab yang mendorongkan pembangunan bertempat-bertempat itu adalah disebabkan oleh pemimpin-pemimpin politik menumpukan perhatian kepada satu-satu kawasan saja. Lazimnya seorang Menteri Besar membawa berbagai-bagai rancangan ke kawasan pilihanrayanya dan kawasan-kawasan anggota-anggota EXCO. Keadaan ini dapat dibuktikan dari apa yang berlaku di Seberang Takir, Terengganu kawasan allahyarham Tan Sri Ibrahim Fikri dulu. Mungkin keterlaluhan kalau dikatakan Seberang Takir lebih maju dari Kuala Terengganu, tetapi kawasan itu rasanya tidak mungkin dibangunkan seperti yang ada sekarang kiranya kawasan itu tidak berwakil rakyatkan Tan Sri Ibrahim Fikri yang menjadi Menteri Besar ketika pembangunan itu diselenggarakan.

Usaha memajukan kawasan terpencil seperti itu memang digalakkan dan ini bukanlah suatu yang silap. Tetapi tidaklah harus seorang Menteri Besar membawa segala rancangan ke kawasannya dengan mengabaikan pembangunan di tempat lain. Demikian juga dengan Lenggong yang pernah diperhatikan kerana Dato Sri Ahmad Said, wakil rakyatnya sebelum 1970 pernah menjadi Menteri Besar Perak.

Atas dasar ini ada wakil-wakil rakyat merasa malu hendak melawat kawasannya kerana rayuan rakyat kawasannya yang disampaikan ke atas payah dilaksanakan disebabkan kecenderungan petugas melayan kehendak-kehendak kawasan-kawasan menteri. Dan atas dasar inilah pernah Datuk Abdul Razak

Husain memberitahu bahawa antara sebab beliau melepaskan kawasan parlimennya kepada Tan Sri Ghazali Shafie tahun 1972 ialah kerana kawasan-kawasan pilihanraya di negeri Pahang berwakil rakyatkan menteri-menteri dan Menteri Besar. Ketika itu wakil rakyat Pekan ialah Tun Razak, kawasan Raub pula Datuk Hamzah Abu Samah dan kawasan Temerloh (negeri) Tan Sri Yahya Menteri Besar Pahang. Oleh itu perhatian ke kawasannya Lipis agak kurang. Untuk kepentingan pengundi-pengundinya maka beliau melepaskan Lipis kepada Tan Sri Ghazali yang sudah menjadi menteri dengan harapan banyak kemudahan pembangunan dibawa ke kawasan itu.

Sikap yang diambil oleh Datuk Razak itu baik. Dan kalau benar pembangunan boleh dibawa kerana rahmat menteri maka pengorbanan Datuk Razak itu memang terpuji dan patut menjadi contoh. Tetapi memajukan kawasan melalui cara ini masakan boleh berlaku di semua kawasan - bukan semua anggota parlimen boleh jadi menteri dan bukan semua wakil rakyat boleh jadi Menteri Besar.

Oleh itu ketua-ketua kerajaan terpaksa menerima tanggungjawab memerhatikan supaya tiap-tiap kawasan mempunyai rancangan pembangunan; supaya setiap rakyat dapat mengecap rahmat kemerdekaan mengikut keupayaan setempat; supaya tidak berlaku ada tempat terlalu maju dan ada tempat terlalu mundur. Biarlah kesilapan penjajah memajukan kawasan pantai barat dan mengabaikan kawasan pantai timur menjadi tauladan betapa tidak seimbangnyanya rancangan kemajuannya dulu. Dan kalaulah ketua-ketua politik asyik mengutamakan kawasan pilihanraya masing-masing, bagaimanakah dapat kita menyalahkan penjajah yang mengabaikan Pantai Timur itu?

Satu lagi tenaga yang penting dalam pembangunan

ini ialah para birokrat dan teknokrat yang cekap dan gigih. Orang politik hanya membuat dasar dan merancang, dan lazimnya teknokratlah menjalan dan mentafsirkan dasar dan program itu. Oleh yang demikian perlu setiap teknokrat kita jujur dan dinamis. Mereka mesti mampu menilai kejujuran dan kemampuan pihak-pihak yang mengurus dengannya. Pendapat dan keputusan yang mereka buat haruslah tepat. Sebarang tindakah yang tidak tepat akan memberi jawapan dan kesan yang berlainan kepada setiap dasar.

Sebagai contoh dapat dilihat dari pelaksanaan Dasar Pelajaran Kebangsaan yang menghendaki pelaksanaan satu bahasa pengantar saja bagi semua sekolah dalam tahun 1970. Kegagalan rancangan itu banyak disebabkan oleh, antara lain, tidak tepatnya tindakan para teknokrat. Dalam kes ini orang-orang politik tentunya tidak harus sampai melibatkan diri dalam memilih guru-guru dan merancang berapa ramai guru hendak dilatih atau berapa buah maktab hendak dibina. Teknokratlah yang mesti memikirkan siapa harus menjadi guru dan apa buku teks yang harus digunakan oleh sesebuah sekolah. Benar orang-orang politik akan memeriksa dan mengawas segala pelaksanaan, tetapi kalau teknokrat itu sendiri sudah sejajar dengan kehendak negara, maka ini akan memudahkan orang politik membuat kerjanya.

Kegagalan sesebuah rancangan boleh berlaku kerana kelemahan orang-orang politik, tetapi kelemahan juga boleh disebabkan oleh teknokrat. Orang-orang politik sudah memutuskan, umpamanya untuk memberi pinjaman modal kepada peniaga-peniaga kecil Bumiputera yang mempunyai rancangan perniagaan yang menasabah. Keputusan memberi pinjaman kepada orang-orang perseorangan itu ditentukan oleh teknokrat sendiri, dia boleh

menyegerakan dan boleh juga melambatkan. Seorang teknokrat yang dinamis dan nasionalis akan menunjuk ajar apa yang patut dibuat oleh peminjam itu supaya pinjaman dapat disegerakan dan perniagaannya boleh berjaya. Berbagai-bagai bantuan yang tidak langsung boleh dilakukan sekiranya ada kesedaran pada diri. Ini tidak semestinya setiap orang mesti dibantunya, kerana bantuan hanya diberikan kepada orang-orang yang difikirkannya berhak saja. Keputusan itu ada padanya.

Tetapi seorang teknokrat yang tidak jujur boleh melambat-lambatkan permohonan yang layak, dan menyegerakan permohonan yang tidak layak kalau pemohon itu sanggup menyogokkan sesuatu kepadanya. Dalam keadaan seperti ini orang-orang yang tidak jujur dan tidak berhak pun boleh mendapat bantuan. Orang yang tidak jujur memang sanggup memberi hingga 20 peratus dari jumlah pinjaman yang didapatinya kepada orang yang meluluskan pinjaman itu kerana dia memang tidak berhajat untuk membayar semula pinjaman itu. Seorang peniaga jujur tentu tidak sanggup membuat sogokan besar kerana ini akan melibatkan modal dan perniagaannya. Oleh itu orang jujur yang berhak serupa ini tentunya tidak dilayan sewajarnya oleh teknokrat ini.

Sebarang sikap yang negatif ini akan merosakan segala rancangan, dan ia juga tidak melatih orang menjadi jujur. Hasilnya rancangan dari dasar yang baik akan gagal, dan rakyat sendiri akan hilang kepercayaan kepada orang politik dan parti politik yang berkuasa.

Ini adalah satu dari beberapa misalan pembangunan boleh diselewengkan oleh teknokrat. Banyak lagi penyelewengan boleh dilakukan. Sebagai contoh elok diperhatikan betapa Che Guavara gagal dalam program sosialisnys di Cuba. Dia membuat rancangan pembangunan yang radikal. Dalam masa

yang singkat dia memilik negarakan segala firma asing di Cuba. Ketika yang sama dia merancang projek-projek baru. Tetapi dia segera mendapati bahawa golongan teknokrat dan birokratnya belum bersedia. Mereka tidak rebulusi sepertinya dan tidak juga berpolitik. Semua rancangan-rancangan gagal dan dia berbalah dengan Castro, lalu dia lari ke Venezuela dan terbunuh di situ. Sebelum itu dia menemui Nasser di Mesir. Dia mengakui kelemahannya kepada Nasser, dan kelemahan serupa itu sebenarnya tidak pernah disentuh dalam sosialisma samada oleh Marx mahupun Lenin. (Lihat Nasser, the Cairo Documents oleh Mohamed Haikal).

Adalah menjadi tugas orang-orang politik untuk memerhatikan supaya birokrat dan teknokrat tidak menyalah gunakan peranan yang diberikan kepada mereka, dan pada ketika yang sama fikiran mereka mistilah direbulusi dan mereka juga sedikit sebanyak harus juga diajar berpolitik. Tujuannya ialah untuk membolehkan setiap orang dari mereka merasa wajib menjayakan segala rancangan dan program pembangunan. Bagaimanapun, segalanya hanya dapat dikawal oleh orang-orang politik sesudah orang-orang politik terlebih dahulu dapat mengawal diri dari kelemahan dan dapat mengekalkan penghormatan setiap golongan lain.

Satu tenaga lagi yang sangat penting dalam menjayakan pembangunan ini ialah rakyat jelata. Merekalah golongan yang misti dibela dan kepentingan merekalah yang dipelihara. Orang politik, bangsawan, peniaga, birokrat dan teknokrat lahir kerana adanya rakyat jelata dan perkhidmatan mereka juga adalah untuk rakyat jelata. Rakyat jelata yang hendak dilahirkan oleh Dasar Ekonomi Baru itu ialah rakyat jelata yang berpelajaran, sihat dan berjiwa bersih. Sifat-



sifat ini cukup untuk menjadikan mereka mampu berdikari dan bertanggungjawab.

Setiap golongan dalam masyarakat haruslah mengasuh rakyat jelata untuk berdikari dan bertanggungjawab. Segala bantuan yang diberi hanya akan bermakna dan berjaya kalau ia disambut oleh rakyat jelata dengan semangat berdikari dan bertanggungjawab.

Penggembelingan tenaga dari setiap golongan ini dapat dilakukan oleh badan politik seperti UMNO kerana pertubuhan itu kini menyatukan sebilangan besar orang Melayu dari segenap lapisan (lihat bahagian UMNO itu Melayu) dan ia pula adalah teras politik negara. Apakah ini dapat dibuat bergantunglah sejauh mana tersusun dan rapinya perjalanan organisasi parti. Penyatuan UMNO di bawah pimpinan Tun Razak sebenarnya boleh melakukan pengawasan itu kalau ia digerakkan sebaik-baiknya.

Pengamatan pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru yang didalamnya terdapat empat rancangan lima tahun dapat menjamin kejayaannya. Kejayaan ini mampu menolak Malaysia ke depan dan menjadi model kepada lain-lain negara membangun.

## DASAR LUAR

Konfrontasi Indonesia lebih separuh masa pertama, tahun enam puluhan, telah mendorongkan Malaysia mencipta satu dasar luar yang baru - bebas dan berkecuali. Dengan dasar yang baru itu Malaysia terkeluar dari ikatan lama - sekurang-kurangnya sepuluh tahun selepas merdeka - pro-barat. Filipina, Thailand dan Vietnam Selatan adalah lain-lain negara Asia Tenggara yang pro-barat ketika itu. Malaysia sesungguhnya adalah negara pertama mengubah dasar luarnya.

Perubahan dasar itu berlaku secara beransur-ansur. Mula-mula mengadakan hubungan dengan Soviet Union dan Yugoslavia dan ia diikuti oleh beberapa kontek dengan negara-negara Eropah Timur. Kemajuan yang menggalakkan dari hubungan itu menyebabkan Malaysia merasa lebih aman kalau semua negara di Asia Tenggara dapat berkumpul dalam satu muafakat kerjasama serantau. ASEAN yang dianggotai oleh lima negara patut dibesarkan menjadi sepuluh. Kerjasama ini adalah satu jalan keluar dari kekosongan yang akan ditinggalkan oleh kecenderungan British dan Amerika untuk meninggalkan rantau itu. Rantau itu memang sepatutnya mereka tinggalkan, tetapi ada pula pihak yang tidak sanggup ditinggalkan. Pihak ini mungkin menjadi kontek baru pula bagi kuasa lain yang berhajat untuk mengisi kekosongan itu.

Soviet Union yang sudah ada sedikit sebanyak pengaruh di Vietnam Utara memang sudah ada pengaruh di India. Ia memang berhasrat untuk menggantikan Amerika dan British di Asia Tenggara. Tujuannya ialah untuk melingkungi China, Singapura telah disebut-sebut sebagai pihak yang ghairah untuk membawa Soviet bertapak di rantau itu. Kiranya ini berlaku, pengunduran Amerika tidak membawa apa-apa erti.

Bagaimanapun Amerika misti berundur dari Vietnam kerana ia tidak mampu mencapai kemenangan disitu. Kesilapan Amerika cuma tidak dapat melihat pentingnya Asia Tenggara ditadbirkan oleh orang-orang Asia Tenggara sendiri. Malcolm MacDonald, diplomat British yang terkemuka, dalam tahun 1955 pernah menganjurkan kepada John Foster Dulles, Setiausaha Negara Amerika ketika itu supaya menjadikan Asia Tenggara sebagai sebuah rantau berkecuali. Tetapi Dullas menolak kerana dia mahu Asia Tenggara



DATUK PATINGGI ABDUL RAHMAN YAAKUB

menjadi sebuah rantau yang pro-barat. (lihat Tutan and Others, oleh Malcolm MacDonald).

Amerika tidak dapat melihat betapa Ho Chi Minh boleh bekerjasama dengan pemimpin-pemimpin Asia Tenggara yang lain bagi mengimbangi kuasa antara China, Soviet dan Amerika sendiri. Amerika mengambil langkah menentangnya dari awal-awal lagi. Hanya dalam pertengahan tahun enam puluhan Amerika baru menyedari betapa silapnya menentang Ho tetapi masa sudah terlewat untuk berundur kerana Amerika lebih menghitung maruahnya. Amerika sudah terlibat terus dan sebarang pengunduran bererti kalah. Bagaimana pun Amerika misti berundur walau apa cara pun.

Malaysia sudah menyedari hakikat ini. Itulah sebabnya antara tahun 1967 dan 1969 Tun Dr. Ismail yang keluar dari kabinet menteri menyuarakan perlunya diwujudkan satu masyarakat stabil bagi Asia Tenggara dan ini bererti rantau ini misti diistiharkan sebagai rantau berkecuali. Idea itu terus menjadi dasar baru Malaysia dan ini diutarakan lama sebelum Putera Norodom Sihanouk digulingkan dalam bulan Mac 1970.

Walaupun Tun Thanat Khoman dalam ucapannya di Lake Club Kuala Lumpur pada tahun 1971 menyatakan dasar perkecualian Belgium tidak menghalang negara itu dilanda musuh dalam dua kali perang dunia, dan walaupun dasar perkecualian Putera Norodom Sihanouk di Kemboja (Khmer) dikhianati oleh musuhnya, tetapi ini tidak menghalang Malaysia untuk berpegang kepada dasar perkecualian itu dan Tun Thanat Khoman sendiri kemudiannya adalah orang yang berjasa besar kerana dialah bertanggungjawab merangka Perisytiharan Kuala Lumpur yang memasyhurkan Konsep Asia Tenggara sebagai rantau

bebas, aman dan berkecuali.

Sebelum dasar ini diterima oleh semua pihak perlulah Malaysia sendiri mengambil langkah menjadikan dirinya bebas dan berkecuali terlebih dahulu. Untuk tujuan itu, Malaysia di bawah pimpinan Tun Razak mengambil langkah mengadakan hubungan diplomatik dengan semua negara-negara di dunia yang sedia bersahabat dengannya dengan tidak mengira pandangan hidup dan sistem politik yang dianuti. Kemuncak dari penyempurnaan dasar itu ialah kunjungan Tun Razak ke Peking dan termeterinya hubungan diplomat dengannya pada bulan Jun, 1974. Langkah itu nampaknya sedia dituruti oleh lain-lain negara ASEAN.

Meskipun perkecualian Asia Tenggara itu belum disempurnakan, tetapi dasar luar Tun Razak nampaknya berjaya membawa negara ini ke arah sebuah negara yang bebas di dunia dan dapat memberi sumbangan berfaedah kepada rantau Asia Tenggara.

Motif dasar ini sebenarnya lebih banyak bersandar kepada kehendak keselamatan negara dan dagang. Apakah kedua matalamat itu mudah tercapai bergantung kepada kecekapan sendiri menjalankannya tetapi jalan sentiasa terbuka, dan kejayaannya tidaklah mudah untuk ditemui dalam waktu yang singkat.

Atas garis-garis inilah Tun Razak memulakan zamannya. Dan zaman itu sudah dilaluinya lebih dari empat tahun sekarang.

## KERAJAAN CAMPURAN

Kerajaan Campuran pada peringkat pusat telah menjadi kenyataan pada 1hb. Januari, 1973, dengan menggabungkan parti-parti sekutu perikatan di satu pihak dan Parti Islam Setanah Melayu (PAS) di satu pihak lagi. Pada hari itu secara rasmi, buat satu jangka waktu yang tidak dipastikan, berakhirlah permusuhan ketat secara terbuka antara UMNO dan PAS.

Pada umumnya muafakat politik antara Tun Haji Abdul Razak dan Datuk Haji Mohd Asri bin Haji Muda itu disambut oleh rakyat dengan penuh harapan kerana ianya diciptakan untuk tujuan meningkatkan ketahanan nasional dan memesatkan penyelenggaraan projek-projek pembangunan. Dari kaca mata yang nyata, Dasar Ekonomi Baru dan Pandangan Politik Baru yang dilahirkan oleh 13 Mei, 1969 adalah yang membolehkan terlaksananya muafakat politik yang

sesungguhnya sangat sukar dilakukan dalam mana-mana negara demokrasi.

Kerajaan Campuran itu sesungguhnya adalah penyempurnaan dari beberapa Kerjaan Campuran yang telah diselenggarakan di peringkat negeri sebelumnya. Kejayaan dan persefahaman yang wujud dalam Kerajaan Campuran Sarawak antara Perikatan dan SUPP (Party Rakyat Bersatu Sarawak), antara Gerakan dan Perikatan di Pulau Pinang dan antara Perikatan dan PPR (Parti Progresif Rakyat) di Perak, telah menolong kecenderungan melaksanakan muafakat UMNO - PAS di semua peringkat itu.

Secara jelas Kerajaan Campuran itu diwujudkan untuk tujuan meningkatkan ketahanan nasional dan memesatkan pembangunan. Dalam semua huraian oleh para pencipta muafakat itu terutama oleh Perdana Menteri Tun Haji Abdul Razak telah dijelaskan bahawa selama ini kita asyik berpolitik dan bercanggah sesama sendiri, maka banyak masa telah terbuang. Dengan adanya muafakat itu masing-masing pihak akan mengurangkan politik, dan dengan itu lebih banyak masa dapat ditumpukan untuk kerja-kerja pembangunan.

Penjelasan seperti ini sebenarnya dapat diterima, tetapi ahli fikir terus memerhatikan punca-punca lain yang mendorong pembentukan itu kerana dalam apa-apa kejadian juga, lazimnya tidak disebabkan oleh satu sebab, tetapi ia adalah manifestasi dari beberapa sebab yang saling bergantung.

Suasana yang wujud di seluruh dunia menggalakkan parti-parti yang saling bertentangan mengadakan dialog.

Amerika dan Cina yang sebelumnya ibarat kucing dengan anjing, sejak Peking menjadi sebuah ibukota negara tabir besi tahun 1948. Tetapi dalam awal dasawarsa (decade) tujuh puluhan ini mereka telah

mengadakan kontek, Korea Selatan dan Korea Utara yang bermusuhan panjang juga mampu mengadakan rundingan. Demikian juga pihak-pihak yang saling bertentangan di Indochina pernah bersedia menghadiri sidang meja bulat di Geneva, maka apa pulalah yang ganjilnya kalau pihak-pihak yang saling bertentangan dalam negara kita mencari jalan untuk bekerjasama. Sedikit sebanyak pengaruh fikiran dan perkembangan baru dunia itu adalah mempengaruhi alam fikiran pemimpin-pemimpin Malaysia. Bagaimanapun, itu bukanlah sebab besar muafakat itu diadakan.

Babak pertama Kerajaan Campuran ini rasanya telah dimulakan oleh dayausaha Datuk Patinggi Haji Abdul Rahman Yaakub yang mendapati Parti Perikatan Sarawak tidak cukup kuat untuk menubuhkan sebuah Kerajaan yang teguh. Datuk Abdul Rahman sebelum pilihanraya Sarawak tahun 1970 adalah Menteri Pelajaran dalam kerajaan pusat. Beliau diberi mandat oleh Perikatan untuk mengepalai Kerajaan baru Sarawak ialah kerana wilayah itu berada dalam suasana politik yang tidak setabil.

Tetapi Datuk Abdul Rahman sendiri pada mulanya berdepan dengan tentangan dari dalam Perikatan sendiri. Beliau ditentang oleh persatuan China Sarawak dan oleh Parti Pesaka pimpinan Tan Sri Temenggong Jugah. Dalam pilihanraya itu parti-parti sekutu Perikatan saling bertelagah dan bertentangan. Keputusan pilihanraya itu tidak memberikan kemenangan yang jelas kepada mana-mana pihak. Dan dalam pertentangan sesama parti sekutu Perikatan itu tidak membolehkan Datuk Abdul Rahman membentuk Kerajaan dengan mudah.

Sarawak memerlukan seorang pemimpin politik yang dinamis seperti Datuk Abdul Rahman Yaakob. Tidak ada orang lain pada masa itu yang boleh



membawa Sarawak kepada kesetabilan politik. Keadaan tidak stabil itu disamping disebabkan oleh pertentangan parti-parti sekutu Perikatan adalah juga disebabkan oleh kegiatan gurila komunis yang tidak mudah untuk dimusnahkan. Keadaan ini mendorong Datuk Abdul Rahman mengadakan rundingan dengan pemimpin-pemimpin SUPP iaitu Datuk Ong Kee Hui dan Datuk Stephen Yong. Kedua-dua belah pihak telah bersetuju mengadakan Kerajaan Campuran.

Perkembangan politik di Sarawak itu adalah mempengaruhi politik kerajaan pusat. Datuk Ong Kee Hui dilantik oleh Tun Razak untuk menganggotai kabinetnya. Tetapi penyertaan itu tidak pula mengubah apa-apa dasar Kerajaan Pusat. Ia masih terus dengan hakikat asalnya iaitu Kerajaan Perikatan. Perkembangan ini sebenarnya tidak diduga oleh sesiapa pun sebelumnya kerana kerjasama kedua-dua belah pihak dianggap mustahil. Dasar kedua-dua pihak sangat berlainan. Bagi Perikatan, SUPP tidak ada bezanya dengan Parti Buruh Malaya dulu dan DAP atau Petir di Singapura. Dalam beberapa hal kegiatan SUPP juga ada dilibatkan dengan kegiatan komunis.

Banyak pihak yang pada mulanya merasa bimbang kalau-kalau muafakat itu tidak berakhir lama. Ada juga yang meragukan yang kemungkinan ini akan memberi peluang kepada pihak komunis untuk menyerap masuk ke dalam Kerajaan. Tetapi kejadian-kejadian nampaknya tidak berlaku seperti yang dibimbangkan itu, sebaliknya ia banyak menolong Sarawak menghadapi musuh negara iaitu komunis. Walaupun Barisan Nasional Sarawak kemudiannya tidak dapat mematahkan pembangkang dengan mudah, tetapi ternyata dalam Operasi Seri Aman hampir 500 orang komunis keluar hutan untuk memulakan kehidupan

baru.

Kerjasama itu nampaknya dimulakan dengan "a marriage of convenience" tetapi sekarang seolah-olah terdapat pengertian yang erat antara kedua belah pihak bila mereka bersama-sama menganggotai Barisan Nasional. Kerjasama yang dilakukan itu mendedahkan politik negara kepada serba kemungkinan. Apabila Kerajaan Gerakan di Pulau Pinang berdepan dengan krisis yang menyebabkan parti itu berpecah, maka Perikatan tidak ikut sama dalam usaha menjatuhkan Kerajaan Gerakan itu.

Kerajaan Gerakan dapat diselamatkan oleh Perikatan dari satu undi tidak percaya yang dikemukakan oleh pembangkang yang terdiri dari DAP dan bekas anggota-anggota Gerakan di Dewan Undangan Pulau Pinang. Perikatan berbuat demikian kerana kedudukan politik waktu itu juga tidak jelas. Satu pilihanraya baru untuk negeri itu saja belum memastikan yang ia akan dapat merampas balik kekuasaan di negeri itu. Dalam keadaan seperti itu adalah diduga bahawa Gerakan tidak mungkin memenangi semula pilihanraya itu. Sekiranya pilihanraya diadakan juga, maka besar kemungkinan parti yang akan menang ialah DAP.

Sikap Perikatan itu membuka peluang bekerjasama dengan Gerakan dalam menjalankan pentadbiran di Pulau Pinang. Dan akhirnya Kerajaan Campuran Perikatan - Gerakan pimpinan Dr. Lim Chong Eu pun dibentuk. Kerjasama ini juga memeranjatkan suasana politik negara kerana pertentangan politik antara Dr. Lim Chong Eu dan Tun Razak adalah suatu yang sukar dilupakan oleh negara.

Perbalahan itu berlaku semasa Tun Razak menjadi Menteri Pelajaran dan Dr. Lim Chong Eu adalah Presiden MCA, duduk dalam jawatankuasa yang

menyediakan Laporan Pelajaran Razak. Dr. Lim berbalah dengannya atas masaalah pelajaran China. Bertolak dari sinilah akhirnya mendorong Dr. Lim Chong Eu mengemukakan tuntutan agar Perikatan memberi lebih satu pertiga kerusi Parlimen kepada MCA dalam Pilihanraya Umum 1959. Tujuannya untuk menghalang sebarang pindaan perlembagaan oleh UMNO. Ini ditolak oleh Tunku. Bertolak dari sinilah Dr. Lim keluar dari MCA.

Perkembangan di Pulau Pinang itu mendorong berjalannya beberapa perundingan sulit di Ipoh dan Kuala Lumpur antara pemimpin-pemimpin Perikatan dan pemimpin-pemimpin PPR. Rundingan-rundingan itu hampir-hampir tidak dicitiumi oleh masyarakat luar, malah orang-orang yang hampir dengan parti-parti yang terlibat itu sendiri tidak sedar tentang hal itu.

Pengumuman pembentukan Kerajaan Campuran di Perak dibuat dengan tiba-tiba. Pembentukan ini tidak terfikir oleh sesiapa pun atas beberapa sebab. Pertama Kerajaan Perak ketika itu mempunyai majoriti yang cukup. Kedua, tidak ada perkembangan yang berupa krisis politik yang memerlukan sebuah Kerajaan campuran dibentuk. Ketiga, PPR adalah sebuah parti yang menjadi musuh nombor satu Perikatan sejak sebelum pilihanraya umum tahun 1959. Issue-issue yang dimainkan oleh mendiang D. R. Seenivasagam dan lain-lain pemimpin termasuk Dato' Seri S.P. Seenivasagam yang meliputi berbagai-bagai aspek perkauman tidak memungkinkan kedua belah pihak bermuafakat sesudah empat kali pilihanraya umum bermusuhan.

PPR mempunyai banyak sebab mengapa muafakat itu sangat diperlukannya. Antaranya ialah issue perkauman seperti bahasa atau kebudayaan tidak begitu menarik lagi. Parti itu memperjuangkan penggunaan

berbagai bahasa sedang sekolah-sekolah sekarang sedang melaksanakan Dasar Pelajaran Kebangsaan yang antaranya semua sekolah-sekolah rendah sudah menggunakan bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar. Proses itu berjalan dengan tidak boleh disekat-sekat lagi.

Waktu sekarang hampir setiap orang boleh berbahasa Malaysia dan setiap orang pula mempelajarinya. Oleh itu sebarang perjuangan menentanginya tentulah tidak menarik perhatian lagi. Apa lagi Akta Hasutan yang menjadi undang-undang sekarang malarang setiap orang memainkan soal-soal sensitif. Ini menyebabkan parti itu tidak dapat lagi hendak menyuarakan soal-soal yang menjadi platform partinya selama ini. Kematian pemimpin utamanya D.R. Seenivasagam menyebabkan parti itu kehilangan satu tenaga yang paling penting. D.R. Seenivasagam oleh pengikut-pengikut partinya dan kalangan politik dianggap lebih bermaya dari abangnya Dato' Seri S.P. Seenivasagam dalam politik.

Tetapi perkara yang rasanya paling mengecewakan PPR ialah kegagalannya membentuk Kerajaan Perak apabila Perikatan hanya berjaya mendapat 18 sahaja daripada 40 buah kerusi yang dipertandingkan bagi Dewan Undangan Negeri itu dalam pilihanraya umum tahun 1969. PPR adalah pembangkang yang terbesar sekali mendapat 12 buah kerusi. Ia sudah mengadakan rundingan dengan semua parti pembangkang untuk membentuk Kerajaan campuran dengan mencadangkan seorang anggotanya Encik Shamsuddin Harun menjadi Menteri Besar sekiranya seorang Melayu diperlukan mengikut perlembagaan menjawat jawatan tersebut. Tetapi kerana Gerakan tidak membenarkan dua orang anggotanya menyertai muafakat itu, maka harapan PPR hendak membentuk Kerajaan campuran itu gagal.

Sebenarnya inilah kemenangan paling cemerlang pernah dicapai oleh PPR. Dan inilah saja kalinya kemenangan yang awal dan akhir yang boleh dicapainya. Realiti di Perak ialah kebanyakan kawasan pilihanrayanya masih bermajoritikan pengundi-pengundi Melayu. Dan pengundi-pengundi itu tidak mungkin memilih PPR sebagai wakil rakyatnya. Oleh itu harapan PPR, jauh sekali dari hendak mengembangkan sayapnya di luar dari kawasan Perak, malah untuk mengekalkan kedudukannya yang ada ini pun agak sukar.

Perkembangan politik selanjutnya menyebabkan Dato Seri S.P. Seenivasagam menyedari realiti-realiti yang ada, atas sebab-sebab mahu berdamai dengan pengundi-pengundi Melayu setelah sekian lama bermusuh, maka jalan yang terbuka baginya ialah mengadakan muafakat bagi membentuk sebuah Kerajaan campuran Perikatan - PPR di Perak.

Sebaliknya di pihak Perikatan tidak terdapat sebab-sebab yang mendesak dan memaksanya untuk membentuk Kerajaan campuran kerana Kerajaan Perikatan yang dipimpin oleh Dato Seri Haji Kamaruddin ketika itu berada pada peringkat agak gagah. Alasan yang diberikan berkisar di sekitar falsafah yang begitu luas ialah mengurangkan ketegangan politik untuk menghadapi kepesatan pembangunan negara.

Dalam keadaan yang berkembang pesat itu, secara mengejut Datuk Abdul Samad Idris, Timbalan Menteri dan anggota Majlis Kerja Tertinggi UMNO, atas nama peribadinya menyuarakan hasratnya supaya dibentuk Kerajaan campuran Perikatan - PAS di Kelantan dan Trengganu.

Suara Datuk Samad Idris itu tenggelam begitu saja. Malah suara itu dicemik oleh setengah-tengah pihak

dalam UMNO kerana siapakah Datuk Samad untuk menyuarakan perkara yang agak besar dan penting itu. Sebenarnya perhatian untuk muafakatkan UMNO dan PAS di negeri-negeri Kelantan dan Trengganu telah banyak kali diperkatakan oleh kalangan cerdik pandai Melayu. Mereka merasakan perpecahan orang-orang Melayu yang berada dalam PAS dan UMNO tidak menguntungkan mana-mana pihak ditinjau dari apa sudut sekali pun.

Perpecahan dalam politik ini hingga terseret kepada kehidupan dalam masyarakat. Kisah kafir mengkafir, pulau memulau menimbulkan perpecahan orang-orang Melayu semakin meruncing. Perpecahan ini menggendalakan pembangunan dan melumpuhkan semangat gotong-royong yang diwarisi sejak turun-temurun.

Dalam babak awal ini Datuk Asri selaku Ketua Agung PAS menunjukkan sikapnya yang tegas menentang Perikatan. Tentulah kepujian yang tinggi rasanya adil diberikan kepadanya kerana selaku ketua beliau tidak segera latah menghadapi suasana politik di sekelilingnya. Malah Dr. Tan Chee Khoo, yang sesudah keluar dari Gerakan menjadi Pengerusi Pekemas memuji-muji Datuk Asri kerana tidak melibatkan diri dalam sebarang Kerajaan campuran dengan Perikatan. Bagi Dr. Tan, sikap PAS sangat-sangat disanjungnya.

Akhirnya barulah terdapat kias mengias antara pemimpin-pemimpin UMNO dan PAS bagi mengadakan kerjasama demi kepentingan pembangunan di negeri-negeri Kelantan dan Trengganu.

Jemputan terbuka akhirnya dibuat oleh Tun Razak dalam ucapan dasarnya di Perhimpunan Agung UMNO Yang Ke-23, di Dewan Bahasa dan Pustaka, pada 24hb. Jun, 1972. Dalam ucapan itu Tun membayangkan sikap



DATUK HAMZAH BIN DATUK ABU SAMAH

UMNO yang sedia bekerjasama dengan PAS bagi kepentingan negara dan kemajuan rakyat.

Kata Tun, "Tentulah menjadi tandatanya apakah sebabnya Kerajaan Campuran ini tidak diperluas lagi supaya benar-benar mencapai perpaduan bulat dalam negara, pada hal hujah-hujah yang mewujudkan Kerajaan Campuran sangat munasabbah dan praktikal. Sebenarnya, kita dalam UMNO khasnya dan Perikatan amnya, suka hendak bekerjasama dengan sebarang parti lawan yang sanggup bekerjasama dengan kita.

"Baru-baru ini ada ura-ura hendak mengadakan kerjasama di antara kita dengan Parti PAS di Kelantan. Saya telah tegaskan kita tidak menolak sebarang usaha ke arah ini demi kepentingan negara dan kemajuan rakyat, khasnya rakyat di negeri-negeri yang kurang maju seperti Kelantan, Trengganu dan Kedah."

Dan Datuk Asri dalam ucapan dasarnya di Kongress PAS pada tahun itu juga telah membuat jawapan yang menggalakkan. Katanya, PAS sedia menimbangkan kerjasama dengan Perikatan kiranya ia dapat diadakan di peringkat Pusat dan Negeri. Bagaimanapun PAS memutuskan sebarang perkembangan yang melibatkan penubuhan kerajaan campuran seperti yang disuarakan itu mistilah diluluskan oleh satu kongress khas parti itu.

Rundingan-rundingan berjalan terus antara Tun Razak dan Allahyarham Tun (Dr.) Ismail bagi pihak Perikatan dan Datuk Asri, Haji Hassan Adli dan Ustaz Abu Bakar Hamzah bagi pihak PAS. Haji Hasaan Adli kemudiannya menarik diri kerana tidak ghairah dengan usaha membentuk Kerajaan campuran itu. Beberapa orang tokoh PAS lagi dengan lantang telah menentang konsep ini.

Analisa-analisa yang dibuat semasa rundingan-rundingan dijalankan merasakan kerajaan campuran



Perikatan - PAS di semua peringkat itu agak sukar diadakan. Fakta-fakta yang wujud tidak menunjukkan yang Kerajaan Campuran itu begitu diperlukan. Kerajaan Perikatan meskipun merosot kerusinya dalam pilihanraya umum tahun 1969, tetapi dengan sokongan yang didapati dari anggota-anggota pembangkang yang menyertai Kerajaan campuran dari SUPP, Gerakan dan PPR serta anggota-anggota pembangkang yang melompat ke pihak Kerajaan memberikan majoriti yang cukup untuk berbuat apa saja. Ia mempunyai lebih dari cukup untuk meminda perlembagaan.

Di Trengganu dalam pilihanraya 1969, majoriti Perikatan terlalu kecil. Perikatan cuma memenangi 13 daripada 24 buah kerusi yang dipertandingkan. Dari jumlah undi ternyata bahawa undi yang diperolehi oleh PAS lebih banyak dari undi yang diberikan kepada calon-calon Perikatan. Kebimbangan mula dirasakan kalau seorang dua menyebelahi pembangkang tentulah Kerajaan Perikatan boleh tumbang dengan undi tidak percaya seperti yang pernah dialami oleh Kerajaan PAS Trengganu di bawah pimpinan Encik Daud Samad satu ketika dulu. Tetapi kebimbangan itu dapat reda setelah tiga orang anggota PAS melompat masuk ke sebelah Perikatan menjadikan majoriti Perikatan dalam Dewan cukup bagi mengelak sebarang kemungkinan.

Memang betul muafakat kedua-dua belah pihak boleh mengurangkan politiking. Tetapi apakah pembangunan boleh lengah semata-mata kerana menghadapi bilangan pembangkang yang terlalu sedikit itu? Hujjah itu sebenarnya satu falsafah yang boleh jadi benar dan boleh jadi tidak benar. Pembangunan sebenarnya boleh terus berjalan meskipun terdapat pertentangan antara parti-parti politik. Perjalanan rancangan-rancangan pembangunan bergantung pada sempat atau tidak sempat satu-satu rancangan lima

tahun disempurnakan.

Kalau sebuah parti seperti Perikatan mempunyai keupayaan memerintah lebih dari dua kali pilihanraya, maka sudah begitu banyak rancangan lima tahun dapat diadakan. Ada tidaknya pembangunan bergantung kepada ada tidaknya program rancangan pembangunan. Selalunya sebuah Kerajaan campuran diwujudkan kerana tidak ada parti yang jelas mendapat kerusi terbanyak di parlimen seperti apa yang berlaku di Thailand sekarang atau seperti yang berlaku di Republik Persekutuan Jerman hingga saat ini. Tidak ada dalam sejarah demokrasi kerajaan campuran diwujudkan antara pembangkang dengan kerajaan yang mempunyai majoriti yang cukup.

PAS sendiri mempunyai sebab-sebab yang mudah juga mengapa ia menyertai Kerajaan campuran. Ia sedar dengan penyertaannya itu bererti ia akan memikul segala beban dan kesilapan yang dilakukan oleh Perikatan selama ini. Ia juga sedar dengan menerima kerajaan campuran itu ia menerima segala dasar yang ditentanginya selama ini kerana jalan undur baginya tentulah tidak ada kerana tidak ada apa-apa yang dapat merugikan Perikatan yang mempunyai majoriti yang cukup kiranya PAS menarik diri kemudiannya.

Sekali PAS menyertai muafakat itu, maka bererti ia harus bernaung lama di situ. Tidak ramai orang yang mahu mendengarnya sangat kalau ia bertindak keluar dari kerajaan campuran itu kecuali pucuk pimpinannya bertukar melalui proses yang revolusioner. PAS dengan pucuk pimpinan yang ada itu, kiranya berpecah dari kerajaan campuran, tidak akan berjaya menarik perhatian umum kerana orang tentunya beranggapan bahawa pandangan PAS tidak jauh, dan PAS tidak dapat memastikan tingkah laku Perikatan yang sudah sekian lama berkuasa itu.

PAS sendiri menyedari dengan penyertaannya itu tidak memungkinkan ia mendapat anggota baru kerana orang menyertainya selama ini disebabkan dasar dan perjuangannya yang tersendiri. Kalau sudah PAS bercantum dengan UMNO, maka lebih baik mereka menyertai UMNO yang peluangnya tentu lebih besar di situ. Harapan PAS cuma berkisar sekitar bahawa wujudnya PAS bukan selama-selamanya untuk menjadi pembangkang. Dengan menyertai Perikatan dalam kerajaan campuran, ia dapat campur dalam pentadbiran, dan dapat juga turut menentukan dasar yang akan dijalankan oleh negara.

Menilik kepada untung ruginya orang tidak begitu jelas. Apa yang sebenarnya mendorongkan pemimpin-pemimpin PAS begitu ghairah menyertai Kerajaan Campuran? Orang tahu penyertaan PAS itu ada untungnya kepada kepentingan nasional, tetapi untung kepada masa depan PAS sendiri tidaklah sebesar mana. Ramai orang PAS yang sedar akan akibat ini, tetapi sebagai sebuah parti yang percaya kepada demokrasi, buruk baiknya telah didebatkan dalam satu kongress khas yang keputusannya PAS menerima kerajaan campuran.

Bagi UMNO, terdapat juga tentangan ke arah pembentukan Kerajaan campuran ini, istimewa di Kelantan, dan Trengganu. Tetapi suara itu tidak nyaring kerana sudah menjadi perkara biasa kepada parti itu bahawa anggota-anggotanya mendengar saja pendapat-pendapat dan keputusan yang dibuat oleh pemimpin-pemimpin mereka. Anggota-anggota UMNO diberitahu tentang keputusan pemimpin-pemimpin mereka mengadakan kerajaan campuran dengan PAS, tetapi mereka tidak ditanya sama ada suka atau tidak. Sebagai anggota parti yang patuh kepada disiplin, mereka menerima keputusan itu.

Hasil dari kerajaan campuran itu tidak mudah

dilihat sepanjang yang bersangkutan paut dengan pembangunan. Ini adalah disebabkan bahawa pembangunan itu sendiri memakan masa. Sesuai dengan kata-kata Tun Razak bahawa tidak ada tongkat ajaib atau lampu Aladdin bagi kejayaan pembangunan yang serta merta. Tetapi yang cepat kelihatan ialah kesan dari segi politiknya. Kerajaan campuran itu diwujudkan beberapa ketika sebelum satu pilihanraya umum diadakan. UMNO memang selama-lamanya ditentang hebat oleh PAS. Walaupun dalam kebanyakan pertentangan ia dapat mengalahkan PAS, tetapi ini memerlukan terlalu banyak tenaga dan wang ringgit.

Kerana pilihanraya umum 1974 itu sendiri diadakan kira-kira 20 bulan sahaja setelah kerajaan campuran Perikatan - PAS dibentuk, maka tentulah ganjil antara UMNO dan PAS bertanding atas nama parti masing-masing. Persefahaman pilihanraya terpaksa diwujudkan, kedua-dua belah pihak bertanding atas satu platform. Ini mengelakkan pertentangan langsung antara UMNO dan PAS.

Muafakat ini rupanya menjamin kerusi yang selamat bagi pemimpin-pemimpin seperti Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, Datuk Abdullah Ahmad, Tengku Ahmad Ridhaudeen, Tengku Noor Asiah, Haji Muhamad Yaakob, Dr. Mahathir Muhamad, Datuk Senu bin Abdul Rahman, Datuk Wan Abdul Kadir dan lain-lain pemimpin UMNO dari Kelantan, Trengganu dan Kedah.

Kiranya Kerajaan campuran antara UMNO dan PAS ini tidak diusahakan dari awal-awal lagi, maka tentulah sukar untuk memastikan sama ada Datuk Abdullah Ahmad atau yang lainnya mendapat kawasan selamat atau tidak. Yang sudah pasti, mereka mestilah berlawan sesama sendiri terlebih dahulu sebelum berlawan dengan PAS.

### SISTEM SATU PARTI

UMNO sebagai sebuah parti politik tidak mahu bergerak atas kehendak-kehendak ideoloji tertentu. Dari zaman pimpinan Tunku Abdul Rahman Putera hinggalah kepada pimpinan Tun Razak UMNO tegas dalam pendiriannya iaitu menggunakan apa yang baik dari apa jua ideoloji. Justeru itu UMNO terdedah kepada berbagai-bagai kritikan dan anggapan seperti anti kelas pekerja, kapitalis, anti-sosialis, reaksyener dan sebagainya. Segala anggapan itu tidak bersungguh-sungguh hendak dinapikan oleh pemimpin-pemimpinnya. Tetapi suatu yang dinyatakan dengan lantang ialah demokrasi.

UMNO tidak teragak-agak menyatakan di mana-mana saja bahawa ia akan hidup dan mati dengan demokrasi. Meskipun Tunku Abdul Rahman dalam

tindak tanduknya pernah membuat keputusan sendiri, dan keputusan itu tidak dapat dirombak dan dipinda lagi, tetapi tindakan itu adalah hak yang ada padanya sebagai sifatnya ketua parti, dan kalau parti tidak bersetuju kepada keputusan itu jalan adalah terbuka kepada parti untuk bertindak terhadapnya. Parti boleh memecat atau menggantung kedudukannya. Kemungkinan itu jelas dan parti boleh membuat keputusan. Itulah jaminan demokrasi yang diperuntukkan oleh UMNO.

UMNO sanggup untuk bersekutu dan bermuafakat dengan mana-mana pihak untuk kepentingan politik bersama, tetapi UMNO yang sudah berusia hampir 30 tahun itu tidak mungkin bermuafakat terhadap kerjasama yang mahu menggantikan sistem demokrasi. Itulah semangat yang sudah ditunjukkan oleh UMNO selama ini. Tetapi apakah ini dapat dipertahankan oleh UMNO sedang menjadi perhatian yang sungguh-sungguh sekarang.

Muafakat politik yang dicapai oleh pemimpin-pemimpin politik negara yang diperlopori oleh Tun Razak, yang hasilnya menggabungkan sembilan buah parti politik di bawah bendera bernama "dancing", telah membuka ruang baru dalam alam politik negara. Toleransi yang ditunjukkan oleh Tun Razak itu sangat mengagumkan dan adalah dibanggakan oleh banyak pihak kerana jarang terdapat di dunia, dulu dan sekarang, manusia politik yang saling bertentangan dan berbilang kaum dapat mewujudkan satu muafakat yang dikira boleh meningkatkan ketahanan nasional. Sesungguhnya bertuallah bagi bangsa Malaysia kerana rakyat dan pemimpin-pemimpinnya sanggup bersatu padu demi kepentingan negara.

Persefahaman sembilan buah parti itu membuka jalan kepada penyertaan bersama atas satu platform

dalam Pilihanraya Umum bulan Ogos, 1974. Kemenangan besar Barisan Nasional dengan memperolehi 135 dari 154 buah kerusi Parlimen yang dipertandingkan seolah-olah telah mengghairahkan pemimpin-pemimpin UMNO. Meskipun dalam pilihanraya itu pemimpin-pemimpin Barisan Nasional terutama Tun Razak sendiri menapikan sekeras-kerasnya tuduhan pihak pembangkang yang beliau mahu menjadi diktator, tetapi terdapat penegasan yang serupa dari pemimpin-pemimpin UMNO bahawa undi untuk perpaduan lebih penting dari undi untuk pembangkang.

Undi untuk perpaduan penting, tetapi undi untuk pembangkang juga penting. Dalam demokrasi, lahirnya pembangkang tidak menjejaskan perpaduan. Malah perpaduan demokrasi dapat dimurnikan oleh kelahiran pembangkang. Oleh yang demikian sebarang pendapat yang mengatakan tidak perlu pembangkang di Parlimen, adalah pendapat yang tidak selari dengan kehendak-kehendak demokrasi berparlimen. Tetapi kalau cakap-cakap itu dibuat untuk tujuan kempen bagi memancing undi, maka itu masih boleh dianggap sebagai "main-main saja". Itu pun masih boleh dipertikaikan.

Tetapi cakap-cakap dalam musim kempen itu seolah-olah lahir sebagai suatu yang sungguh-sungguh apabila terdapat beberapa orang yang rapat dengan Jabatan Perdana Menteri seperti Tan Sri Ghazali Shafie dan Datuk Abdullah Ahmad menyuarakan tentang keindahan sistem satu parti.

Pada 6hb. September, 1974 ketika berucap di Kepala Batas, Tan Sri Ghazali Shafie dengan tegas menyatakan bahawa tidak semestinya perlu parti pembangkang dalam penyusunan semula masyarakat. Katanya, "demokrasi boleh berjalan dan telah pun berjalan dengan jayanya tanpa pembangkang di Parlimen sekiranya perwakilan yang cukup terdapat

dalam parti. Bagi kita, pada peringkat ini sebelum masyarakat disusun semula, parti-parti pembangkang dalam bentuk dan peranannya sekarang tak semestinya perlu. Kita harus memupuk pertumbuhan kaedah pemeriksaan dan perseimbangan yang lebih sihat dan cekap dari dalam Barisan Nasional. Kita mungkin berhujah dengan sungguh-sungguh dalam parti mengenai kaedah-kaedah pelaksanaan untuk mencapai objektif-objektif yang sama, tetapi kita akan melakukan demikian dengan bertujuan dan bersemangat tanpa cahaya dan kilauan publisiti yang demikian mengelakkan eksploitasi emosi dengan tenaga-tenaga negatif termasuk dari luar . . . . .”

Pendapat terbuka inilah yang memulakan lahirnya keinginan setengah-setengah pihak untuk melahirkan sebuah negara sistem satu parti bagi Malaysia. Dan tidak dapat tiada, Tan Sri Ghazali Shafie tidak dapat lari dari catitan bahawa beliau adalah pencetus fikiran ini.

Apakah yang mendorongkan lahirnya fikiran ini? Apakah sebenarnya fikiran ini datangnya dari menungannya sendiri atau beliau hanya menyambung idea yang diberi oleh orang lain? Mengikut orang-orang yang rapat dengan Tan Sri Ghazali bahawa beliau adalah seorang ahli fikir yang serious. Beliau suka mendalami segala sesuatu dengan sungguh-sungguh.

Sistem satu parti yang wujud dalam dunia bebas ini ada berbagai-bagai corak. Apakah sistem satu parti yang dikehendaki itu semacam yang wujud di Algeria, di Libya dan Mesir? Atau seperti yang berjalan di Sepanyol, di Yugoslavia atau yang wujud di Jerman di zaman Hitler? Inilah yang kurang dipastikan.

Algeria adalah satu contoh yang baik untuk dihujah. Mungkin yang menarik perhatian kita kerana jayanya mereka melahirkan sebuah masyarakat yang padu, penuh dengan teknokrat sendiri dalam masa



beberapa tahun sahaja selepas merdeka. Ia sebuah negara membangun yang berjaya dan mampu berdikari.

Tetapi adakah kita terfikir bagaimana caranya Presiden Houari Boumidienne yang memerintah sekarang mendapat kekuasaan? Beliau terpaksa menggulingkan Ahmad Ben Bella dalam satu rampasan kuasa. Rakyat tidak guna ditanya samada bersetuju atau tidak dengan tindakan itu. Dan ke mana perginya Ahmad Ben Bella sekarang tidak ada orang yang tahu. Takdirnya Boumidienne tidak bertindak demikian, maka beliau sendiri tidak tahu apa nasibnya. Mungkin cara ini suatu yang sesuai bagi Algeria, tetapi apakah ia sesuai juga dengan negara kita Malaysia?

Di Mesir pula sudah kita lihat allahyarham Presiden Nasser tidak dicabar. Tetapi penentang-penentang Anwar al Sadat terpaksa mencari jalan-jalan tersendiri untuk menyatakan tentangan terhadapnya dan nasib mereka apa pula jadinya? Hal ini juga mungkin suatu yang sesuai untuk Mesir, dan tidak pula semestinya sesuai untuk Malaysia.

Atau apakah tindakan lancang kerajaan Nazi Jerman di bawah Hitler yang berjaya menakluki hampir seluruh Eropah itu yang menjadi perangsang? Tentulah pemerintahan kuku besi dan terror yang tidak ada bandingnya itu sendiri sudah menggerunkan setiap manusia yang waras sekarang. Tidakkah terfikir bahawa halangan sebenarnya tidak banyak bagi sebuah negara sistem satu parti untuk menuju kearah itu? Apakah sesuatu yang oleh setiap rakyat Jerman mengatakan tidak sesuai bagi Jerman, maka sesuai pula bagi kita?

Atau apakah sistem politik yang wujud di Singapura itu mengilhamkan rasa teringin kita untuk meniru? Singapura mungkin sesuai kerana penduduk di sana majoritinya orang-orang keturunan China tetapi

mungkin tidak sesuai dengan amalan demokrasi. Manalah ada orang-orang China pernah diperintah di bawah sistem demokrasi yang dipakai oleh dunia itu? Orang-orang China tidak pernah berpengalaman dengan demokrasi, kecuali yang berada di Malaysia dan yang di Singapura semasa Lim Yew Hock dulu. Demokrasi belum pernah tiba ke negeri China dan belum juga ke Taiwan.

Contoh-contoh yang ada itu tidak mungkin mendorong Tan Sri Ghazali Shafie mahu mengeluarkan idea mewujudkan sistem satu parti bagi Malaysia. Apakah yang memberanikan beliau mengeluarkan fikiran seperti itu? Mahu tidak mahu, ucapan di Kepala Batas itu adalah suatu yang mencerminkan kecenderungan baru yang agak lari dengan kecenderungan atau arus UMNO selama ini.

Bagaimanapun beliau cuba menjelaskan kepada BBC bahawa kerajaan tidak bertujuan mewujudkan "sistem satu parti" tetapi menawarkan peluang kepada pihak pembangkang menyertai rancangan-rancangan pembangunan untuk menolong rakyat. (lihat Utusan Melayu 21 Oktober, 1974). Kenyataan itu walaupun bertujuan untuk membuat penjelasan, tetapi dapat dianggap sebagai jawapan rasmi bagi membetulkan kecenderungan beberapa pihak mengenai sistem satu parti, setelah melihat reaksi umum.

Penjelasan itu terpaksa dibuat kerana orang-orang UMNO yang dianggap veteran rata-rata tidak tertarik dengan arus fikiran itu. Dr. Mahathir Muhamad dan Tan Sri Jaafar Albar pernah bertentangan atau tak sebulu dalam beberapa pendapat dalam politik. Tetapi kedua tokoh ini sependapat pula bila menentang percubaan untuk mewujudkan sistem satu parti.

Dr. Mahathir telah menulis dengan panjang lebar dalam Utusan Melayu dan Utusan Malaysia (16hb. Sep-



DR. MAHATHIR BIN MUHAMMAD

tember, 1974) menghujah kebijaksanaan mewujudkan sistem satu parti itu. Katanya, "Kerajaan satu parti biasanya menganggap pilihanraya suatu yang tidak perlu. Wakil-wakil dari parti biasanya ditukar hanya dengan memohon orang tersebut meletakkan jawatan dan diganti dengan orang baru."

Tan Sri Jaafar Albar bagaimanapun lebih lantang, mengambil kesempatan di Parlimen menyatakan tentangannya. Baginya, Malaysia sejak merdeka sudah menikmati sistem demokrasi berparlimen dan sudah berjaya mencapai segala apa yang ada sekarang dengan sistem itu. Belum terdapat di mana-mana adanya rasa ragu-ragu rakyat terhadap kebaikan sistem yang terpakai sekarang.

Pandangan dua orang tokoh UMNO yang terkemuka yang mewakili dua golongan yang berpengaruh itu - Dr. Mahathir golongan cerdik pandai dan Tan Sri Albar golongan 1946 - mencerminkan pandangan angkatan masing-masing yang sekiranya kalau terpaksa membuat perhitungan boleh menjadi kumpulan terbesar dalam parti.

Kalau dihujah dari segi apa pun nyatalah bahawa hasrat mewujudkan sistem satu parti atau kecenderungan untuk merombak sistem yang terpakai dan menggantikan dengan suatu yang begitu asing dengan keadaan yang ada boleh mendatangkan kesan mundur kepada politik dan cara hidup masyarakat Malaysia. Sepatutnya hasrat itu diutarakan pada ketika negara dan bangsa yang muda ini belum berpengalaman memerintah sendiri dan belum berpengalaman menjalani hidup demokrasi.

Sejak tahun 1955 rakyat sudah diasuh oleh Kerajaan parti yang ada sekarang, dan orang-orang yang membuat dasar dan menjalankan pemerintahan itu masih hidup, terdiri dari orang-orang yang sama, untuk

menikmati seni dan keindahan hidup bebas, tentulah sukar bagi mereka untuk undur ke belakang, atau sukar bagi mereka untuk mendengar hujah-hujah betapa kurang baiknya sistem yang sudah mereka lalui dan telah membuktikan kejayaan.

Mereka sudah melihat adanya keupayaan kerajaan menjalankan tugas dan merancang program di bawah sistem yang ada. Belum terdapat sesuatu yang menghalang kerajaan untuk menjalankan dasarnya, dan belum pernah dalam sejarah adanya rancangan atau usul kerajaan ditolak oleh parlimen. Belum juga pernah seruan kerajaan ditentang oleh majoriti rakyat secara terbuka. Malah belum juga terdapat adanya kegagalan demokrasi atau adanya kejadian buruk dalam masa mengadakan pilihanraya. Dari kenyataan-kenyataan kerajaan sendiri belum ada pihak luar yang merasa bimbang dengan kemampuan kerajaan dan sistem yang ada untuk melaksanakan tugas sebagai kerajaan yang efektif.

Benar ada rancangan-rancangan kerajaan yang gagal seperti gagalnya program mewujudkan sebuah sekolah yang berbahasa pengantar Melayu saja dalam negara ini selepas 10 tahun merdeka, tetapi kegagalan itu bukannya salah demokrasi yang terpakai tetapi adalah kerana ketidaktegasan kerajaan. Bagaimanapun keadaan itu dapat ditegaskan semula berkat amalan demokrasi.

Paling mudah penyusunan semula masyarakat dapat dibuat melalui sistem pelajaran. Rakyat yang berbeza-beza cara hidup dan pandangan serta peluang adalah dilahirkan oleh sekolah yang berasingan. Tetapi kalau semua sekolah memakai satu sistem, seperti yang sudah mulai dilaksanakan sekarang, maka hasilnya nanti akan mengurangkan jurang sesama mereka dalam berbagai bidang. Memang usaha mewujudkan dasar pelajaran yang ada ditentang oleh banyak pihak. Tetapi setelah

dasar itu diputuskan oleh Kerajaan, ia sudah pun diterima oleh rakyat. Tentangan sudah tidak timbul lagi dan yang timbul ialah kelemahan pelaksanaan. Tetapi seperti yang dikatakan tadi, bukan salah demokrasi tetapi salah menteri yang tak teliti.

Paling rewet tentang penyusunan semula masyarakat ialah untuk mewujudkan 30 peratus dari masyarakat dagang terdiri dari Bumiputera dalam masa 20 tahun mulai dari rancangan Malaysia Kedua, dan sekurang-kurangnya 30 peratus dari milik harta pada ketika itu harus dipunyai oleh Bumiputera. Pelaksanaan inilah yang mungkin diragu-ragukan, kalau-kalau tidak tercapai. Wujudnya pembangkang tidak mungkin menghalang pelaksanaan itu, tetapi yang mungkin menggagalkan cita-cita ini ialah wujudnya "pressure group" dalam parti dan dalam Barisan Nasional sendiri.

Antara hujah yang dikemukakan ialah demokrasi boleh berjalan tanpa pembangkang di Parlimen sekiranya perwakilan yang cukup terdapat dalam parti. Hujah ini sebenarnya murni tetapi mewujudkan perwakilan yang cukup dalam parti itulah yang payah diisi. Negara ini belum lagi tiba kepada peringkat satu parti. Di Parlimen masih terdapat 19 orang pembangkang. Dalam keadaan yang ada itu sendiri pendapat umum sudah merasakan tidak ada lagi seronoknya mengikuti perbahasan parlimen, dan apakah ghairahnya sebuah parlimen yang hanya terdiri dari satu parti sahaja?

Pernah kami lihat sidang Dewan Undangan Negeri Kedah sebelum tahun 1969. Dewan yang di kuasai oleh Perikatan itu tidak mempunyai seorang pembangkang pun. Penyokong kerajaanlah yang menjadi pembangkang. Mereka menyatakan sesuatu secara terbuka. Tinggallah anggota EXCO untuk mempertahankan kerajaan. Sebelum diundi Dewan terpaksa ditngguhkan

untuk membolehkan ahli-ahli Dewan itu membincangkan perkara itu dalam majlis apa yang dinamakan "Free Council." Bila keluar dan dewan disambung, anggota dewan tidak bercakap lagi. Speaker bertanya, "Siapa bersetuju kata ya ....." Jawab ramai-ramai "Ya ....."! Speaker bertanya lagi, "siapa yang tidak bersetuju kata tidak!" Dewan senyap saja.

Anggota-anggota dewan itu sebenarnya telah berhujah dengan bersungguh-sungguh mengenai kaedah-kaedah pelaksanaan untuk mencapai objektif-objektif, tetapi ahli-ahli yang menghujah tadi setelah mendengar taklimat dari "Free Council" bila keluar masing-masing mengangkat kening dan mengangkat bahu. Apakah itu tanda puas hati?

Kalau seseorang anggota UMNO sudah berjaya mengikuti amanat Tun Dr. Ismail kepada Perhimpunan Pemuda dan Wanita pada 23 Jun, 1972, maka tidak ramai yang tertarik kepada sistem yang hendak dicuba itu. Kalau pun mereka sesudah membacanya, maka hendak juga sistem satu parti itu, berertilah mereka tidak bersetuju dengan pendapat demokrasi allahyarham itu.

Memang benar pendapat Tun Dr. Ismail tidak semestinya betul kerana allahyarham itu bukannya Nabi. Tetapi beliau dalam amanatnya itu mengingatkan anggota parti supaya menggunakan saluran-saluran tertentu saja untuk mempertikaikan sesuatu. Anggota-anggota parti diingatkan supaya jangan bertindak sehingga ia terserlah sebagai anggota lain parti.

"Sebagai parti yang mendokong Kerajaan, saudara-saudara (Pemuda dan Wanita UMNO) patutlah sedar tentang tanggungjawab kita menghadapi rakyat dan dengan itu pertimbangan dan "approach" saudara patutlah dihadapkan ke arah memberikan pandangan yang sebenar mengenai usaha-usaha kerajaan. Telatah

membesar-besarkan kegagalan usaha-usaha parti dan kerajaan patutlah dikurangkan," kata Tun Dr. Ismail.

Ingatan ini beliau berikan tidak dengan tujuan untuk menyekat kebebasan bertindak anggota-anggota parti, tetapi adalah untuk mengelakkan timbul salah faham akibatnya. Kalau anggota parti cuba menghujah setiap perkara itu secara bersungguh-sungguh dengan niat yang jujur, apakah salah berbuat demikian? Bagaimana kalau perkara yang berlaku itu secara kebetulan suatu yang mengenai kegagalan parti dan kerajaan? Apakah jaminan bagi memastikan perbincangan mengenai perkara itu dibuat secara membesar-besarkan, atau sederhana saja atau sekadar menyentuh beberapa aspek saja? Garisnya tidak dapat ditentukan. Ada orang agak arif untuk menyatakan sesuatu dengan tepat, tetapi ada pula yang menyangka dia telah menyatakan dengan tepat sedangkan orang lain menerimanya sebagai kurang tepat atau sengaja membesar-besarkan. Kalau anggota parti cuba menyatakan secara yang bersungguh-sungguh, dan kalau hal itu benar, tidakkah ia menyebabkan Parti Kerajaan serba salah?

Sedangkan Tun Dr. Ismail dalam ucapannya itu jelas mengingatkan bahawa "Parti Kerajaan dalam negara membangun patut mengamati beberapa aspek ini, antaranya parti politik pemerintah tidak harus meletakkan kerajaan dalam keadaan serba salah mengenai hubungannya dengan negara tetangga." Bagaimanakah dapat anggota parti hendak memberikan jaminan bahawa perbincangan yang bersungguh-sungguh tidak memungkinkan timbul rasa serba-salah kepada kerjaan partinya? Tentulah tidak ada sesiapa yang begitu arif dapat memberi jaminan bahawa setiap anggota parti dapat mengelakkan rasa serba salah itu samada secara sedar mahu pun tidak.



Sebarang perbahasan yang boleh menimbulkan salah faham boleh membawa banyak akibat. Antaranya meretakkan perpaduan parti, merosakkan hubungan antara satu negeri dengan yang lain, melemahkan kerajaan dan parti dan sebagainya. Jalan yang terbuka bagi mengelakkan segala ini telah pun disediakan oleh demokrasi sendiri. Itulah sebab dalam amanat tadi, Tun Dr. Ismail mengingatkan bahawa "Pergerakan Pemuda tidak harus menjadi pressure group secara terbuka kerana dalam demokrasi tekanan datang dari pembangkang."

Dari manakah datang hujah untuk menyatakan bahawa kesuburan demokrasi tetap terpelihara kalau pembangkang datang dari dalam? Bangkangan dari dalam hanya dapat dibuat dalam perjumpaan parti. Tetapi ini tidak mudah dilakukan dalam acara kenegaraan seperti di Parlimen umpamanya. Kalau dibuat juga akibatnya boleh menimbulkan serba salah kepada kerajaan. Kalau hendak dibuat juga, untuk mengelakkan serba-salah, maka lidah pembangkang sentiasa tergulung. Atau keadaan ini hendak diadakan juga, maka dikuatiri nantinya pembangkang-pembangkang di dalam parti itu akan mengadakan parti-parti sendiri di dalam parti. Ini dapat dilihat dalam perkembangan awal Parti Komunis Rusia. Kerana parti menggalakkan pembangkang datang dari dalam, makan Leon Trotsky yang juga komunis secara sendiri menimbulkan golongan apa yang dipanggil "Trotskyite." Penciptaan ini terpaksa dilahirkan untuk menjamin kekuatan bangkangannya atau keselamatannya dalam politik parti.

Orang-orang yang bijak seperti allahyarham Tun Dr. Ismail itu lebih suka menolak bahaya ini keluar, dan adalah lebih mudah menghadapi pembangkang yang jahat di luar parti dari menghadapi pembangkang yang

berbudi bahasa di dalam parti. Satu contoh yang baik untuk menjadi menungan ahli-ahli UMNO ialah perkembangan yang terdapat antara UMNO dan Pergerakan Pemuda UMNO. Belum dapat dipastikan secara sungguh-sungguh apakah benar Pergerakan Pemuda UMNO berhajat untuk menyaingi badan induknya sejak pergerakan itu diketuai oleh Datuk Harun Idris. Sebagai anggota parti yang matang beliau tentulah tahu apa buruk dan apa baiknya melagakan UMNO dengan sayapnya itu.

Tetapi di bawah pimpinannya, Pergerakan Pemuda cuba menimbulkan beberapa persoalan untuk membuka mata UMNO. Di luar sedar, dan di luar kehendaknya, langkah-langkah itu seolah-olah menjelmakan pergerakan itu sebagai pembangkang dari dalam parti. Tidak siapa menggalakkannya untuk mengkritik sungguh-sungguh kecuali lahir dari inisiatifnya sendiri. Kalau perkembangan itu sendiri dicemburui oleh setengah-setengah pemimpin-pemimpin UMNO, dan hampir-hampir retak UMNO olehnya, apakah yang mungkin dibayangkan kalau UMNO mengambil langkah menggalakan lahirnya pembangkang dari dalam?

Itu satu kemungkinan yang harus dimenungkan.

Dari aspek yang lain, demokrasi konon tetap dapat dipertahankan melalui sistem satu parti. Sejauh manakah pendapat ini boleh menjadi satu hakikat nyata? Negara-negara sosialis mendakwa lazimnya mengamalkan apa yang mereka panggil "democratic centralism." Dalam sistem ini kekuatan datang dari bawah. Anggota-anggota parti mempunyai suara yang kuat dan dapat menentukan apa dasar dan langkah yang bakal diambil oleh parti, dan organisasinya dapat melaksanakan sesuatu dari atas hingga ke bawah. Untuk menentukan dasar, kadang-kadang mereka mengadakan kongress yang memakan masa berbulan-



TAN SRI GHAZALI JAWI

bulan.

Dalam demokrasi bentuk ini orang lain di luar parti tidak mempunyai apa-apa hak untuk menentukan nasib sendiri. Orang yang tidak bersetuju dengan kerajaan dan parti tidak boleh dapat menyatakan apa-apa fikiran tentang nasibnya, keluaraganya dan negaranya. Mereka tidak boleh menyertai lain-lain kumpulan politik kerana ia tidak boleh diwujudkan. Yang wujud hanya sebuah parti sahaja.

Dan apabila orang parti sahaja yang hendak menentukan sesuatu, apakah yang dapat menghalang parti untuk tidak memberi apa-apa kemudahan kepada orang-orang bukan parti, dan apakah yang dapat menghalang bahawa segala peluang dan kepentingan hanya diberi kepada anggota parti sahaja. Demokrasi yang memberi segala peluang dan jaminan baik untuk anggota parti saja, tidak untuk anggota masyarakat seluruhnya, maka ia sudah lari dari kehendak-kehendak demokrasi. Itu sistem fasis namanya. Dan apakah jaminan bahawa sistem fasis ini tidak mungkin dilakukan oleh sistem satu parti itu?

Mungkin pucuk pimpinan yang berjiwa rakyat dan efektif akan dapat menghindarkan negara terjerumus ke sistem fasis ini. Tetapi dalam "democratic centralism" kekuasaan datang dari bawah. Kalau anggota-anggota parti menyatakan bahawa suatu yang berupa fasis itu harus diamalkan, apakah yang dapat dibuat oleh presidium pemimpin? Mungkin pemimpin akan mengelak tetapi mereka boleh digantikan. Dubcak, pemimpin Parti Komunis Chekoslovakia adalah satu contoh baik betapa pemimpin mudah digantikan oleh parti.

Atau pemimpin yang efektif dengan mudah berjaya menentukan parti. Tetapi siapakah yang dapat meraguragukan jiwa rakyat yang ada dalam diri Sukarno

sebagai bapa kemerdekaan Indonesia? Kasihnya kepada rakyat dan kepada Indonesia tidak dapat dipertikaikan sebelum kuasa mutlak diserahkan kepadanya. Kasih sayang rakyat kepadanya bukan kepalang sehingga dia dijadikan seorang dewa dan Persiden seumur hidup. Tetapi setelah dia tidak dapat dicabar, terdugakah kita bahawa dia sanggup meletakkan undang-undang di bawahnya? Dan terfikirkah kita, seorang pejuang kebangsaan yang bernafas di tengah-tengah rakyat akhirnya sanggup meletakkan kawan-kawan seiringnya seperti Sutan Shahrir, Mohamad Roem, Hamka dan beribu-ribu lagi ke bilik kurungan semata-mata kerana mereka mengkritiknya?

Kalau Sukarno sejak dari kecil diasuh untuk mengenal demokrasi, dan pernah mengaku Geroge Washington dan Abraham Lincoln sebagai wiranya seperti yang dicatitkan oleh Richard Nixon dalam salah sebuah bukunya, sanggup menjadikan dirinya seorang diktator, apakah yang dapat menghalang pemimpin Malaysia di bawah sistem satu parti untuk berbuat demikian?

Orang-orang rasional harus berfikir bahawa tidak ada perkara yang tidak mungkin dalam politik. Yang dapat melakukan cek atau pemeriksaan hanya institusi bernama demokrasi. Atas kesedaran-kesedaran ini, maka kenyataan Tan Sri Ghazali Shafie dan orang-orang yang sependapat dengannya, untuk membenamkan terus fikiran mewujudkan satu parti sistem itu adalah langkah yang paling wajar.

Keinginan itu tidak berkembang lagi. Tan Sri Ghazali sendiri sudah hilang minatnya ke arah itu. Tun Razak sendiri pernah memberitahu wartawan-wartawan Utusan Melayu ketika menginterbiunya menjelang ulangtahun ke-53 bahawa minat melahirkan sistem satu parti itu disuarakan oleh beberapa orang saja. Jelasnya,

Tun Razak sendiri lebih berminat kepada sistem demokrasi berparlimen yang sudah memberinya kemudahan memerintah sekarang.

Suatu yang musykil ialah cakap-cakap ke arah satu parti sistem ini adalah satu issue besar yang boleh menukar segala nilai dan perjuangan rakyat. Perkara-perkara seperti ini tidaklah patut diperkatakan secara terbuka oleh pemimpin-pemimpin parti. Eloklah perkara besar yang akan merombakkan seluruh bentuk dasar dan perjuangan ini dirundingkan dulu.

Bukankah Tun Dr. Ismail sudah berpesan dalam amanatnya yang sama bahawa, "di masa-masa yang akhir-akhir ini terdapat cawangan-cawangan UMNO membuat keputusan-keputusan dan mengistiharkan keputusan itu melalui suratkhbar seolah-olah mereka ahli parti lain. Ada kalanya selepas keputusan diumumkan barulah ada cadangan berdalilog dengan pemimpin-pemimpin parti yang bertanggungjawab. Sebenarnya kalau keputusan telah diketahui ramai, rundingan tidak ada makna lagi."

Hasrat untuk menukar sistem demokrasi berparlimen kepada sistem satu parti sudah menimbulkan tanda tanya tentang perjuangan masa depan UMNO. Ke mana Malaysia dan rakyatnya hendak dibawa oleh UMNO? Orang-orang UMNO sendiri menjadi serba salah, tidak berani menyatakan sesuatu dengan tepat.

Sesudah ribut sistem satu parti itu agak reda, tiba-tiba dari Perlis lahir kenyataan dengan lantang dari Datuk Abdullah Ahmad yang seolah-olah hendak menegakkan juga sistem itu. Katanya "Saya tidak menentang adanya dan perlunya oposisi sebagai satu prinsip, tetapi prinsip itu tidak berlaku dan tidak sah dalam semua keadaan. Ia hanya berlaku sah kalau sekiranya parti yang berkuasa tidak diterima oleh sebahagian besar dari rakyat tetapi menakala parti yang

berkuasa dapat memancarkan hasrat dan cita-cita sebahagian besar dari rakyat jelata adakah oposisi mempunyai peranan lagi? (lihat Utusan Malaysia, 1 Febuari, 1975).

Maksud Datuk Abdullah agak sukar difahamkan bila dibaca sekali imbas. Tetapi kalau diteliti maka terserlahlah tujuannya bahawa kalau kita sudah dapat memenuhi cita-cita dan hasrat rakyat apa perlu adanya pembangkang?

Apa yang jelas kita lihat bahawa dengan adanya pembangkang yang lantang menegur dan mengkritik maka cita-cita dan hasrat rakyat dapat dilaksanakan dengan segera.

Tetapi kalau pembangkang tidak wujud, siapakah boleh menjamin bahawa hasrat dan cita-cita itu akan tercapai?

## ORDE BARU ORDE LAMA I

Beberapa ketika akhir-akhir ini perbincangan banyak tertumpu tentang apa yang dikatakan wujudnya "orde baru dan orde lama" dalam UMNO. Gelombangnya agak besar seolah-olah UMNO berada dalam satu rebutan pengaruh antara tokoh-tokoh tua parti dengan tokoh-tokoh baru.

Dalam hal-hal tertentu bila disebut "orde baru" orang segera mengaitkan nama-nama Datuk Abdullah Ahmad, Dr. Mahathir bin Muhamad, Datuk Musa Hitam dan tokoh-tokoh yang ada dalam Pergerakan Pemuda UMNO. Bila disebut pula "orde lama," mereka yang dilibatkan ialah Tan Sri Syed Jaafar Albar, Tan Sri Syed Nasir bin Ismail, Encik Khir Johari, Datuk Senu bin Abdul Rahman dan lain-lain tokoh yang memulakan perjuangan politik mereka sejak sebelum merdeka.



Tetapi apakah perkembangan itu suatu yang benar-benar wujud atau satu fantasi semata-mata? Dan kiranya benar ada, apakah pergelutan yang mendorongkan perjuangan berpartisan itu? Atau apakah keadaan itu berupa pertentangan antara kumpulan yang tidak sepakat tetapi tidak punya perbezaan matalamat? Atau apakah ia sengaja diwujudkan untuk memecah belahkan UMNO atau orang-orang UMNO sendiri yang bertujuan untuk memudahkan jalan naik ke atas?

Penelitian tentang soalan-soalan ini perlu dibuat kerana ribut percakapan tentang "orde baru dan "orde lama" itu memang berkembang meskipun garis-garis nyata yang memisahkan puak-puak itu tidak dapat dinyatakan. Untuk meredakan gelombang ini terpaksa Tun Razak dan lain-lain pemimpin seperti Tan Sri Ghazali Shafie hampir serentak menyatakan "tidak wujudnya "orde baru dan orde lama" dalam UMNO.

Bagaimanapun tidaklah tepat untuk menyatakan yang UMNO ketika ini tidak berpuak-puak. Agak tidak tepat untuk menyatakan yang UMNO berpecah dalam khemah yang dipanggil "orde baru dan orde lama" tetapi penjelmaan kepada beberapa kumpulan atau puak memang ada.

Analisa yang dibuat oleh columnist Osman Abadi tentang fantasi "orde baru dan orde lama" ini di ruangan "Dari Hati ke Hati" di Utusan Melayu pada 26hb. Februari, 1975 agak dapat memberi panduan yang jelas dalam perkara ini.

Pemimpin UMNO dalam menafikan perkara ini sekata pula tentang adanya berbezaan pendapat tentang issue-issue, tetapi ia tidak memungkinkan lahirnya pembahagian yang memisahkan parti kepada dua golongan. Tan Sri Ghazali Shafie agak menarik perhatian bila beliau mengeluarkan teori bahawa yang

wujud dalam UMNO adanya orang tua tetapi baru dalam parti, dan ada pula orang muda tetapi lama dalam parti.

Memang benar dalam UMNO terdapat tokoh-tokoh yang berusia lebih 50 tahun sudah menjadi anggota UMNO selama lebih dari 28 tahun dan ada pula yang baru beberapa tahun saja memasuki UMNO. Dan tidak kurang pula ada orang-orang yang baru menjangkau usia 40 tahun tetapi telah 20 tahun menjadi anggota UMNO. Dalam masalah ini apakah tepat orang seperti Haji Sulaiman Palastin yang sudah menjadi calon Perikatan dalam pilihanraya umum tahun 1959 dikira sebagai "orde lama?"

Pemecahan UMNO atas garis puak tua dan puak muda tidak dapat diterima kerana terdapat kemungkinan seorang tokoh lama ditentang oleh tokoh lama yang lain, atau seorang tokoh baru ditentang bersama oleh tokoh tua dan tokoh baru yang lain. Dari segi kecenderungan memihak pula tidak terdapat tanda-tanda yang jelas bahawa kecenderungan dipisahkan atas dasar tua dan yang muda, atau yang lama dengan yang baru.

Ada pun yang mendorong lahirnya "gossip berorder" itu mungkin disebabkan oleh dua teori. Pertama, adanya kecenderungan setengah-setengah pihak hendak mencontohi kejayaan "orde baru" di Indonesia yang mencapai kemenangan dengan mudah. Orde Baru Indonesia muncul dengan sekonyong-konyong dan secara radikal berjaya menghapuskan segala pengaruh Sukarno dengan mudah. Mungkin terbawa-bawa oleh pengaruh itu maka ada orang berhajat untuk mengemukakannya kepada UMNO.

Satu teori lagi boleh jadi disebabkan oleh kurang fahamnya setengah-setengah pihak untuk menggunakan erti perkataan "orde baru" itu. Sebagai contoh, cuba

kita lihat dari ucapan sulung Tun Razak sebagai Presiden UMNO pada 22hb. September, 1970. Ucapan itu sebenarnya tidak langsung menyebut tentang "orde baru" atau tidak pula membayangkan di mana-mana wujudnya pemisahan antara dua kelas penganut parti itu. Tetapi teks ucapan itu memakai tajuk "Tekad Orde Baru."

Mungkin ini suatu punca dari mana masyarakat ramai menimba ilham untuk memulakan percakapan tentang "orde baru dan orde lama." Pada hal thema ucapan Tun Razak itu adalah menggariskan tentang azam dan tekad baru yang hendak diperjuangkan dalam tempoh pimpinannya di hari muka. Tetapi mungkin kerana kurang pengertian atau sengaja ditimbulkan oleh pihak tertentu, maka teks itu diberi tajuk "Tekad Orde Baru."

Malangnya penjelasan tentang tajuk itu tidak segera dijelaskan. Dan ini menambahkan keliru bila terdapat pula beberapa ucapan dari Tun Razak dan beberapa orang pemimpin-pemimpin lain yang secara berterusterang merayu supaya muka-muka lama dalam UMNO bersedia memberi peluang kepada muka-muka baru yang muda dan berpelajaran sempurna.

Dalam kontek yang mudah seruan seperti ini adalah seruan biasa untuk membolehkan parti sentiasa mendapat pimpinan yang sihat dan yang demikian akan menyihatkan parti itu sendiri. Mengikut adat alam bahawa yang tua akan digantikan oleh yang baru, tetapi proses penggantian kadang-kadang menjadi pertikaian kalau yang lama tidak bersedia memberikan tempat kepada yang baru sedangkan yang baru berusaha keras untuk menggantikan yang lama.

Apa yang dihajati oleh pemimpin-pemimpin UMNO dalam kontek ini supaya sebarang pemimpin lama yang dikira kurang bertenaga dari muka baru,

maka adalah baik mereka berundur secara terhormat. Jalan ini akan membuka muhibbah yang berpanjangan dan akan dapat meneruskan warisan pimpinan yang tersusun.

UMNO sangat menghendaki muafakat dan kerjasama antara bekas pemimpin dengan pemimpin baru. Pemimpin-pemimpin lama mungkin antaranya tidak mempunyai pelajaran setinggi tokoh-tokoh baru, tetapi mereka mempunyai banyak pengalaman yang berguna. Tokoh-tokoh baru mungkin banyak mempunyai idea-idea baru, tetapi kurang pengalaman. Masing-masing tentu dapat membayangkan betapa gagah dan indahnyanya UMNO kalau terlaksana saranan Tan Sri Ghazali Shafie untuk menggabungkan tenaga dari pengalaman pemimpin-pemimpin lama dengan idea dan tenaga pemimpin-pemimpin baru.

UMNO akan beruntung kiranya terdapat sebahagian dari tokoh-tokoh lama berundur bagi membolehkan pemimpin-pemimpin baru muncul. Tetapi perubahan ini tidak harus dilakukan dalam bentuk yang besar. Ini untuk membolehkan UMNO terus mempunyai pemimpin-pemimpin yang matang yang boleh mengekalkan kesetabilah parti serta menjamin yang parti itu tetap bergerak.

Dalam hal ini, kiranya perubahan dibuat secara serentak dan dalam jumlah yang ramai pula, nantinya UMNO akan berdepan dengan perubahan yang radikal dalam perjuangannya dan cita-cita yang nantinya tidak terikut oleh ahli-ahlinya. Kalau ramai pemimpin-pemimpin terdiri dari muka-muka baru yang kurang pengalaman, nanti ditakuti yang UMNO terpaksa menunggu beberapa ketika untuk mendapat pemimpin-pemimpin yang matang. Tetapi kalau perubahan itu berlaku secara beransur-ansur, maka kesetabilannya terjamin dan perjuangannya dapat dirancang.



DATUK MANSOR OSMAN

Dalam memastikan yang pemimpin UMNO harus matang, perlulah ada perubahan pemimpin di segenap tingkat pada setiap masa. Tetapi haruslah diperhatikan supaya setiap masa sekurang-kurangnya 60 peratus dari pemimpin-pemimpin itu terdiri dari orang-orang yang sudah berpengalaman. Orang-orang yang berpengalaman ini akan bersedia pula untuk berundur apabila orang baru itu mencapai taraf kematangan dan banyak pengalaman.

Dalam sebuah parti yang mengamalkan demokrasi sebenarnya tidak perlu diingatkan siapa patut berhenti dan siapa harus kekal. Hak berhenti itu boleh dibuat oleh orang itu sendiri atau dia akan ditentukan oleh anggota-anggota parti. Tetapi idealnya memang baik kalau dapat dilakukan satu rupa kesedaran bagi orang-orang yang sudah kurang mampu untuk memberi hak pimpinan kepada orang yang lebih mampu. Dalam konteks ini tidak perlu seorang yang mampu itu terdiri dari seorang pemuda. Seorang tokoh lama yang lebih berkemampuan dari seorang pemuda terpelajar, tentunya digalakkan untuk meneruskan khidmatnya. Di sini, tokoh lama itu lebih berhak dari pemuda itu.

Tokoh-tokoh lama yang diseru memberi peluang kepada tokoh-tokoh muda itu cuma tokoh yang lama yang kurang tenaga. Tetapi tokoh lama yang bertenaga harus dikekalkan. Sebagai contoh patut kita perhatikan betapa rejim Peking terus memelihara pemimpin-pemimpin tuanya seperti Mao Tze-tung dan Chou En-lai. China mengaku sebagai negara muda, tetapi sekalian pemimpin-pemimpinya berusia lebih dari 50 tahun.

Penjelasan tentang seruan menggalakkan orang-orang lama supaya bersara tidak dibuat. Maksudnya mudah, tetapi pemimpin-pemimpin lama yang bertenaga agak keliru untuk meneruskan khidmatnya. Dalam

ketika yang sama ada pihak boleh mengambil kesempatan dari seruan terbuka itu untuk menjatuhkan pemimpin-pemimpin lama. Parti politik tidak pelik dengan jatuh menjatuh, tetapi ternyata hal seperti itu tidak sihat, dan itu bukanlah tujuan asal berorganisasi.

Dalam apa hal pun hasrat untuk membahagikan UMNO kepada beberapa "order" tidak mudah untuk dilakukan dalam tempoh Tun Razak menjadi pemimpinnya. Kalau diwujudkan satu garis pemisah, maka Tun sendiri tidak dapat duduk dalam "orde baru" kerana beliau datang dari golongan lama. Sedangkan beliau adah pemimpin UMNO sekarang, yang bertenaga dan berkemampuan.

## **ORDE BARU DAN ORDE LAMA II**

Pada 22hb. September, 1970 UMNO telah mencatat satu sejarah baru. Tun Razak dengan rasmi mengambil alih pimpinan parti dan Kerajaan dari Tunku Abdul Rahman Putra. Saat yang jarang berlaku dalam UMNO - kali kedua dalam sejarah parti - berjalan dalam suasana terharu, tenteram, gembira dan padu.

UMNO menempuh tekad baru di bawah pimpinan baru yang terdiri dari tokoh lama parti. Banyak harapan diberikan, tetapi tidak banyak yang harus ditakjubkan dari pimpinan baru itu kerana pimpinan Tun Razak bukanlah suatu yang datang dengan tiba-tiba. Sebelumnya beliau sudah dikira sebagai pemimpin nombor satu secara tidak rasmi. Tunku sudah sering membiarkan beliau menjalankan tugas-tugas yang dilakukan oleh ketua parti dan ketua kerajaan.



Tidak banyak yang baru menyelubungi parti ketika itu kecuali ketiadaan Tunku dalam urusan dan bicara. Bagaimana pun tiap-tiap yang berganti tentulah baru. Dalam suasana ini dapat dikatakan UMNO paling padu. Seluruh anggota UMNO sesungguhnya berpayung di bawah Tun Razak, seorang yang dianggap selama ini sebagai tenaga penggerak di belakang Tunku, dan dalam masa pemerintahan MAGERAN (Majlis Gerakan Negara) Tun Razak lah orang yang mengarahkan segala kegiatan. Kedatangannya sebagai Yang Dipertua Agung yang kemudiannya dipanggil Presiden UMNO, adalah kedatangan seorang yang sudah berjaya membawa negara dari lembah darurat yang diakibatkan oleh Celaka 13 Mei, 1969 kepada sebuah negara demokrasi.

Sesudah empat tahun, terlalu banyak perkembangan yang dihadapi oleh parti itu sehingga menyebabkan ia terpengaruh kepada perkembangan berpuak-puak. UMNO bertambah kuat dan berjaya membawa lain-lain parti untuk bersekutu memerintah negara dengannya. Tetapi ia kurang berjaya membawa setiap anggota UMNO duduk dalam satu khemah. Mereka boleh berada di bawah satu khemah besar yang Tun Razak duduk di tengah-tengahnya. Tetapi di luar dari khemah besar itu lahir beberapa khemah pula yang haluannya tidak sama dan mimpinya tidak sama. Tidak ada siapa yang membahagikan mereka kepada khemah-khemah yang berasingan itu. Keadaan itu wujud semata-mata kerana parti itu tidak berjaya mengawal perjalanan kerajaan.

Anggota-anggota yang menyertai UMNO sejak dari awal seperti Encik Khir Johari, Tan Sri Syed Jaafar Albar, Tan Sri Syed Nasir, Datuk Senu Abdul Rahman dan ramai lagi merasa diri mereka adalah golongan lama yang terbiar. Mereka sebenarnya adalah orang-orang yang disayangi oleh Tunku dan telah

menunjukkan perjuangan yang gigih untuk mengembangkan UMNO ke seluruh negara, menumbangkan Malayan Union, memperjuangkan kemerdekaan dan menegakkan apa yang dipanggil oleh Tun Razak dalam ucapan sulungnya selaku ketua parti sebagai "mendirikan rangka, tiang, atap dan lantai" bagi sebuah rumah.

Tiga dari mereka pernah menjadi Setiausaha Agung iaitu Encik Khir, Datuk Senu dan Tan Sri Albar. Tiga yang sama pernah menjadi menteri.

Golongan ini sebenarnya adalah menjadi sahabat kepada Tun Razak dan tetap menjadi orang-orang yang setia kepada Tunku. Mereka adalah antara pihak yang pernah bersungguh-sungguh mempertahankan Tun Razak. Apabila Tun Razak cuba ditandingi oleh Encik Abdul Aziz Ishak, bekas Menteri Pertanian, merekalah yang berusaha keras memenangkan Tun Razak.

Orang-orang lama UMNO ini, kerana muncul dalam UMNO pada saat UMNO membangun, adalah terkenal sebagai golongan nasionalis dalam parti yang tidak berideologi. Untuk menyatakan sejeles mana nasionalis mereka memerlukan analisa yang lebih mendalam, tetapi mereka adalah golongan yang menjatuhkan Malayan Union dan memperjuangkan kemerdekaan. Dengan sendirinya merekalah orang yang menegakkan semula kedaulatan dan maruah bangsa Melayu dan menjadikan bangsa itu bangsa yang merdeka dan berdaulat. Justru itu mereka tergolong sebagai nasionalis Melayu.

Apakah mereka mempunyai ramai pengikut adalah satu perkara yang menarik perhatian. Golongan ini sekarang tidak mempunyai anggota di kabinet. Encik Ghafar Baba yang ada di kabinet itu adalah orang yang bermula dari zaman mereka juga. Tetapi dalam keadaan yang ada Encik Ghafar sendiri menjauhkan diri

dari mereka. Dan sehingga ini tidak ada tanda-tanda yang Encik Ghafar dapat bersama-sama mereka, walaupun beliau tidak terikat dengan lain-lain golongan.

Puak tua ini, melihat kepada kegiatan mereka, tidak berhajat untuk mengambil alih pimpinan dari Tun Razak. Mereka masih mahukan Tun Razak meneruskan pimpinan. Golongan ini sendiri tidak punya calon yang nyata dari kalangan mereka untuk mengambil alih pimpinan bila ditakdirkan berlaku. Perjuangan puak ini sekarang adalah untuk membawa Tun Razak dari Jabatan Perdana Menteri ke rumah UMNO supaya mereka dapat bersama-sama merancang apa yang patut dibuat untuk perjuangan UMNO.

Golongan ini terpisah dari peranan penting UMNO adalah disebabkan oleh sikap mereka yang terus memberi nilai-nilai baik kepada Tunku. Pemujaan terhadap Tunku itu adalah sebagai sifatnya bapa dan sebagai seorang yang pernah berjasa kepada negara. Sebagai bekas Yang Dipertua Agung UMNO dan sebagai bekas Perdana Menteri, maka ada nilai-nilai indah yang menyebabkan Tunku terus mereka puja secara tidak berselindung. Sikap itu sebenarnya tidak sedikit pun menjejaskan semangat masing-masing untuk meneruskan perkhidmatan yang gigih di bawah pimpinan Tun Razak.

Mengikut hakikat negara, orang yang paling berkuasa di mana-mana juga sebenarnya tidak semestinya menjadi Perdana Menteri, tetapi kuasa yang sebenarnya adalah di tangan orang-orang yang di sekeliling beliau. Perdana Menteri adalah orang yang sentiasa terkawal dan gerak lakunya dibuat mengikut jadual yang tersusun rapi. Beliau tidak boleh pergi ke mana suka, kerana dia perlu dihubungi pada setiap ketika.

Tindakan yang dibuat oleh Perdana Menteri berdasarkan kepada pengetahuan dan maklumat serta nasihat yang diberikan kepadanya. Oleh kerana Perdana Menteri tugasnya begitu rupa, maka tugas mengumpulkan maklumat terserah kepada orang-orang ini. Maklumat yang sampai kepadanya ada yang asli dan ada yang bukan asli. Segala-galanya bergantung kepada cara maklumat itu disampaikan. Demikian juga seseorang Perdana Menteri boleh mendapatkan nasihat dan maklumat dari sesiapa juga, tetapi kerana peluang untuk bertemu dengan orang lain itu tidak mudah, maka adalah lebih mudah baginya berkira dengan orang yang hampir dan sering dilihat.

Apakah tindakan seorang Perdana Menteri itu tepat dan baik, terpulang juga kepada tepat dan betulnya nasihat dan maklumat yang diberikan. Nixon kerana menerima maklumat dan nasihat yang salah sudah pun terperangkap dalam kes Watergate. Itulah besarnya kuasa orang di sekeliling ketua kerajaan.

Bagaimanapun kadang-kadang nasihat itu ada kalanya kurang tepat. Sebagai contoh dapat dilihat dari ucapan sulung Tun Razak sebagai pemimpin parti pada 22hb. September, 1970. Apakah ucapan itu sudah dirujukkan dulu ke rumah UMNO tidak mudah dipastikan. Kalau ditanya Datuk Senu, tentulah dia akan menjawab, "sudah." Tetapi kalau ia sudah dirujukkan, maka tidak mungkin tajuk ucapan itu akan berbunyi: TEKAD ORDER BARU....

Datuk Senu sebagai sifatnya Setiausaha Agung UMNO yang bersahabat dengan Tun Razak yang dalam beberapa hal telah digolongkan sebagai seorang dari orang yang dikira 'orde lama' oleh orang yang ingin melihat lahirnya factional atau puak-puak dalam UMNO, tentu tidak akan membenarkan ucapan itu bertajuk "Tekad Order Baru ....."

Ucapan itu tidak langsung menyentuh apa-apa tentang adanya puak baru dalam UMNO. Tetapi dalam beberapa hal tajuk itu cuba memisahkan UMNO kepada beberapa golongan. Kiranya Datuk Senu sudah melihatnya dan kemudian membenarkannya, atau beliau yang merancangnya, maka berertilah beliau sendiri hendak memisahkan dirinya dengan perjuangan masa depan UMNO, dan ini bererti dia mahu bersara dari perjuangan. Tentulah ini suatu yang tidak mungkin kerana beliau masih mahu berjuang dan merasa masih bertenaga untuk berjuang.

Kekuatan golongan muda yang baru bertapak dalam UMNO selain dari bertindak atas nama Tun Razak, adalah bercita-cita untuk meletakkan UMNO kepada satu perjuangan yang mempunyai ideoloji. Apakah mereka sendiri patuh dan faham atas kehendak itu adalah soal yang hanya dapat dibuktikan oleh masa. Tetapi nyatalah tujuan itu sangat menarik dan boleh dijadikan pedoman perjuangan.

Golongan ini lojiknya bersedia menerima tanggungjawab terhadap tindakan kesan politik sekarang. Tetapi nampaknya mereka adalah melepaskan diri dari segala kejadian-kejadian lampau kerana itu adalah tanggungjawab orang dulu, dan bukan tanggungjawab mereka. Mereka datang adalah untuk membetulkan segala yang tidak betul sebelumnya.

Inilah tindak tanduk yang menyulitkan puak tua, di samping menerima tanggungjawab yang ada, mereka juga harus memikul beban dan kesilapan tanggungjawab di masa lalu. Puak ini tentulah tidak berupaya untuk meletakkan kesilapan lalu kepada orang lain, kerana mereka adalah sebahagian dari muka lama juga.

Golongan tua sebagai yang kita katakan tidak mempunyai apa-apa matlamat tetapi mahu peranan mereka diiktiraf. Mereka tidak bercadang untuk

mempertahankan kemasyhuran lama, tetapi mahu serta dalam sebarang perkembangan yang menentukan perjuangan UMNO.

Tan Sri Syed Jaafar Albar umpamanya adalah contoh orang yang tidak pernah bercita-cita untuk memijak anak tangga paling atas kalau segala peranan yang sepatutnya dapat dimainkan oleh sesiapa saja. Siapa Albar dalam politik UMNO akan dapat diikuti sejak dari awal-awal lagi.

Dia boleh dikatakan siang malam berada di rumah Datuk Onn untuk membantu Datuk Onn mengembangkan UMNO. Tetapi beliau menjadi orang yang paling lantang sekali menyelar Datuk Onn apabila orang tua itu bertindak menentang UMNO kemudiannya. Dari mula hingga sekarang Albar jarang bermusuh dengan orang-orang UMNO yang menunjukkan perjuangan yang lurus dan berterus terang. Pernah dia berterus terang menyatakan tentangannya kepada Tunku Abdul Rahman terhadap cara pembentukan Malaysia dan keputusan menyingkirkan Singapura dari Malaysia. Kalau pendapat-pendapat Tunku boleh dicelah oleh Albar, apalah dihairankan kalau dia menghujah anggota-anggota UMNO yang lain.

Puncak kehebatan Albar dapat dilihat sepanjang masa Singapura berada dalam Malaysia. Dialah orang yang paling nyaring sekali menghujah setiap langkah yang dibuat oleh Lee Kuan Yew. Lee Kuan Yew sendiri dalam buku kecilnya "The Battle For A Malaysian Malaysia" menyentuh banyak tempat tentang Albar. Ini jelas membuktikan bahawa Albar pernah menjadi masalah kepada Lee Kuan Yew semasa dia dalam Malaysia dulu.

Albar telah menonjolkan dirinya bila-bila masa saja jika ada hal yang mencabar UMNO. Tetapi dia tidak



TENGGU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH

begitu menghitungkan apakah dia mendapat tempat sewajarnya dalam politik kerajaan. Dalam UMNO ramai tokoh pergi dan tokoh datang, tetapi Albar tetap duduk dalam Majlis Tertinggi UMNO berturut-turut sejak tahun 1949 hingga sekarang. Ini adalah satu bukti bahawa beliau terlibat secara langsung dalam membuat dan menentukan dasar parti.

Tetapi dia hanya sekali dipilih untuk menjadi Menteri Muda (sekarang Timbalan Menteri) Penerangan dan Penyiaran dalam waktu yang agak singkat selepas Pilihanraya Umum 1959. Bagi setengah orang menteri itulah matlamat politiknya. Bila tidak dapat jadi menteri, maka bererti jatuhlah peranannya dalam politik. Tetapi Albar tidak mengira menteri itu sebagai matalamatnya, memadailah dia ada dalam UMNO dan sangat bertuah dapat duduk dalam Majlis kerja Tertinggi parti.

Dalam memilih pucuk pimpinan parti namanya pernah dicalunkan untuk Naib Presiden beberapa kali, tetapi beliau menolak kerana biarlah jawatan itu disandang oleh muka lain walaupun setengahnya terdiri dari orang yang junior daripadanya dari segi kemampuan masing-masing untuk memahami politik. Dia nanti berpuas hati bertanding untuk Jawatankuasa saja.

Tidak ramai orang dapat berpendirian seperti Albar dalam mempertahankan kedudukan dirinya dalam parti. Sebagai seorang yang digelar 'Singa UMNO' dia dipilih oleh Tunku Abdul Rahman untuk menjadi Setiausaha Agung UMNO. Ketika itu proses pembentukan Malaysia sedang rancak. Semasa dia menjadi Setiausaha Agunglah Malaysia dibentuk. Ertinya tempoh jawatan itu dipegangnya serentak dengan tempoh konfrantasi. Tentulah dapat kita bayangkan betapa hebatnya peranan beliau ketika itu.



Kemudian datang pula cabaran dari Lee Kuan Yew.

Albar mempunyai peranan penting dalam parti. Kedudukan itu payah diperolehi dan orang politik bermati-mati hendak mempertahankan kedudukan itu. Tetapi bila Tunku memutuskan untuk memisahkan Singapura dari Malaysia, Albar menentang. Tentangannya tidak berakhir dalam mesyuarat parti saja. Dia meletakkan jawatan dari Setiausaha Agung UMNO.

Adanya orang seperti ini sangat penting dalam parti kerana dia tidak teragak-agak untuk menegur perjalanan parti. Tidak ada apa yang hendak ditakutkannya selain dari keselamatan rumah tangganya saja. Itulah baiknya keadaan seperti itu. Bila ada orang hendak mewujudkan sistem satu parti bagi pemerintahan Malaysia, Albar mengambil kesempatan di Parlimen untuk menentang ura-ura itu. Akibat serangannya menyebabkan menteri yang menyuarakannya terpaksa membuat penjelasan dalam nada membatalkan hasrat itu.

Kedudukan puak tua adalah bersandar kepada taring 'Singa UMNO' ini dan sebenarnya demokrasi dalam UMNO juga sedikit sebanyak bergantung pada keberaniannya menghujah setiap orang termasuk pemimpin-pemimpin utama parti.

Tetapi kemasukannya dalam pertandingan merebut jawatan Naib Presiden UMNO saja dalam Perhimpunan Agung bulan Jun 1975 menentukan masa depan politiknya. Kemenangan beliau tidak dipastikan, tetapi kiranya beliau tewas, maka namanya akan hilang dari Majlis Kerja Tertinggi UMNO. Dia bukanlah orangnya yang akan menerima kerusi MKT secara perlantikan dari Presiden.

Kiranya ini berlaku, maka Albar akan hilang dari gelanggang politik UMNO sekurang-kurangnya buat

masa tiga tahun. Apakah beliau mampu kembali semula selepas itu tidak mudah diduga kerana perkembangan tiga tahun nanti tentunya lebih pesat dan pantas dari sepuluh tahun yang lalu. Ketiadaannya tentunya dialukan oleh setengah pihak, tetapi UMNO ternyata akan hilang satu tenaga pengawas yang penting. Ramai anggota UMNO yang serba salah dengan sikap Albar bertanding sebagai Naib Presiden saja, kerana majoriti anggota parti masih mahukan beliau berada dalam MKT.

## PENUTUP

Dari kenyataan dan hujah-hujah yang kami timbulkan dalam buku ini jelaslah menunjukkan bahawa UMNO sebuah parti siasah yang kukuh tapaknya di kalangan rakyat jelata dan terus mempunyai masa depan yang cemerlang meskipun perjuangannya berubah mengikut masa dan suasana.

Dengan segala sifat yang dimilikinya dan segala anggapan yang diletakkan kepadanya ia telah berjaya melalui segala ribut dan badai. Sehingga ini sudah berkali-kali orang menyangkakan yang UMNO tidak hidup lama dan tidak dapat memerintah lama, tetapi yang menjadikan kenyataan bahawa ia sudah berusia 29 tahun dan sudah 20 tahun memimpin kerajaan termasuk dua tahun kerajaan pra merdeka.

Melihat kepada kenyataan ini, dan melihat kepada kukuhnya pegangan rakyat jelata kepada UMNO, maka

tidak ada kemungkinan dalam waktu yang singkat ini ada parti lain yang berkemampuan dapat memecahkan kekuasaan dan perpaduan yang wujud dalam UMNO itu. Dalam keadaan yang demikian, orang-orang yang cenderung dengan politik, kiranya hendak berjaya, tidak mungkin menyertai lain parti selain dari UMNO, kerana penyertaan dalam politik bukan UMNO tidak menjamin masa dengan yang cerah.

Bertolak dari keyakinan ini, orang-orang yang cenderung kepada politik Islam seperti Datuk Haji Wan Abdul Kadir Ismail, Dato Sri Kamaruddin Mohd Isa, Senator Othman Abdullah atau Tan Sri Abdul Jalil Hasan merasa lebih bermunafaat berkhidmat melalui UMNO dari sebuah parti Islam yang lain. Tidak kurangnya orang yang berfahaman sosialis merasa lebih berkesan berada dalam UMNO dari duduk di luar UMNO.

Dan pada pokoknya orang-orang Melayu yang tinggal di desa-desa atau di pinggir kota tidak begitu menghiraukan siapa pemimpin mereka kerana mereka sudah mempercayai seorang yang menjadi pucuk pemimpin UMNO adalah seorang yang harus mereka patuhi, istimewa UMNO itu sendiri sudah menunjukkan kegigihan dan kejayaannya memandu rakyat hingga ke tahap kemajuan yang ada ini.

Adapun orang yang mempertikaikan kemampuan seseorang pemimpin atau kejujurannya, adalah terdiri dari orang-orang yang berada di sekeliling Ibu Pejabat parti atau orang-orang yang menggerakkan jentera parti.

Persoalan itu dibuat selain dari mereka itu memang mengerti sepak terajang politik, mereka juga mungkin terlibat dalam sebarang kesan dari perubahan pucuk pimpinan parti.

Sebagai parti yang tidak bergerak atas garis dan kehendak idoloji, UMNO terdedah kepada segala rupa



DATUK MUSA HITAM

manusia. Siapa saja yang cukup umur yang menjadi warganegara boleh mendaftarkan diri menjadi ahli, dan apa tujuan mereka menyertai parti itu tidak pernah diperhitungkan oleh UMNO. Seorang anggota PAS yang cergas hari ini boleh mendaftar menjadi ahli UMNO besoknya. Seorang pengasas Parti Rakyat yang terkenal sebagai penentang UMNO boleh diterima menjadi anggota UMNO pada bila-bila masa yang dia mahu.

Meskipun orang-orang tertentu memerlukan kebenaran dari Ibu Pejabat untuk membolehkan keahliannya diterima, tetapi jalan untuknya menjadi ahli parti memang sentiasa terbuka. Dan sehingga ini tidak banyak kes seorang pemohon untuk menjadi ahli UMNO ditolak. Orang-orang dari lain parti ini tidak perlu menjalani apa-apa orientasi terlebih dahulu sebelum memegang jawatan dalam parti.

Memandangkan kepada keadaan ini tidaklah mustahil sekarang dan akan datang pejuang-pejuang PAS, Parti Rakyat, Parti Komunis Malaya dan sebagainya yang mendapati perjuangan masing-masing tidak mungkin berjaya melalui parti-parti itu lalu menyeludup ke dalam UMNO untuk membolehkan cita-cita mereka terlaksana.

Kehancuran UMNO Singapura antaranya adalah disebabkan oleh Lee Kuan Yew berjaya menyeludupkan orang-orang Petir ke dalam UMNO - dan setengahnya telah memegang jawatan dalam parti.

Benjamin Disraeli adalah satu contoh betapa seorang politikus yang beberapa kali gagal untuk masuk menjadi Anggota Parlimen British berjaya setelah menukar taktiknya. Dia meninggalkan partinya lalu menyertai parti pimpinan Gladstone yang menjadi Perdana Menteri Britain ketika itu. Sesudah itu Disraeli berjaya menjadi Anggota Parlimen dan

akhirnya mempengaruhi anggota-anggota parti itu untuk memperjuangkan cita-cita asal partinya. Disraeli berjaya memecahkan parti yang memerintah dengan membentuk Parti Konservatif dan akhirnya menjadi Perdana Menteri dengan menewaskan Gladstone. Infiltrasi serupa ini perlu diperhatikan oleh UMNO supaya satu hari nanti UMNO tidak dikuasai oleh anasir-anasir yang cuma mahu menjadikan UMNO sebagai titi untuk mencapai cita-cita mereka.

Dalam hal ini kiranya benar UMNO itu anti komunis, maka ia haruslah beriktikar mengelakkan sebarang kemungkinan parti itu dari diserapi oleh komunis. Komunis memang berupaya untuk menyerapkan, bukan saja cita-citanya, malah orangnya sekali ke dalam UMNO. Komunis tidak perlu menggunakan nama komunis saja untuk perjuangannya. Ia boleh menggunakan apa saja nama termasuk UMNO. Ia boleh bernama Bolshevik, ia boleh bernama Khmer Rouge atau Vietkong dan tidak pelik kalau ia juga boleh bernama UMNO. Dan UMNO adalah salah satu dari banyak jalan yang boleh mereka lalui.

Oleh itu, sesudah UMNO kini berada dalam keadaan yang sudah kukuh dan sudah diterima oleh orang-orang Melayu sebagai satu ciri dari kehidupannya, maka perlulah UMNO mengadakan satu rupa pengawasan supaya tidak semua yang mengisi borang misti diterima menjadi ahli.

Biarlah UMNO jangan terlalu murah, dan biarlah seorang yang diterima menjadi anggota parti dapat diuji kemampuannya dari serba segi. Atas semangat ini perlu mengadakan peraturan yang lebih ketat untuk seseorang menjadi ahli, dia haruslah menjalani didikan yang membolehkan dia menjadi seorang anggota parti yang intilektual. Seorang anggota parti yang 'elite' tidak semestinya datang dari universiti, tetapi ia boleh

menjadi seorang elite melalui program parti.

Kiranya UMNO dapat mengadakan program membentuk kematangan ahli-ahlinya, maka ia tentu tidak terburu-buru untuk mencari seorang yang keluar universiti untuk menjadi Setiausaha Politik atau Setiausaha Parlimen, ia tidak tercari-cari orang di luar parti yang pandai untuk menjadi calon Menteri Besar dan sebagainya. Program itu dengan sendirinya dapat menyediakan pemimpin-pemimpin yang cekap dan layak untuk semua peringkat. Dan melalui didikan ini juga anggota-anggota parti dapat menentukan bahawa seorang yang akan dipilih menjadi pemimpin tidak semestinya dia seorang yang ditunjukkan oleh pemimpin besarnya saja.

UMNO harus mengajar ahli-ahlinya bahawa seorang pemimpin yang hak adalah seorang yang datang dari bawah, bukan seorang yang dibawa dari atas. Parti akan jahanam kiranya menular amalan dan ajaran yang mahukan pemimpin itu misti seorang yang dipercayai oleh pemimpin besar parti semata-mata.



Nobel Politik:

# DAILOG

oleh Harun Hassan

Masih ada dalam simpanan. Kalau anda belum membacanya, eloklah pesan sekarang.

Kalau anda sukar mendapatnya di toko-toko buku, pesan terus kepada penerbit. Senaskah \$1.50.

**AE** AMIR ENTERPRISE,  
79, Jalan Pecawang,  
Overseas Union Garden,  
Kuala Lumpur.

Talipun : 712322

